

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"BEKALAN ke akhirat itu tidak dua tiga, melainkan semata-mata hanya takwa saja. Takwala yang menentukan sama ada kita beruntung ataupun sebaliknya. Orang yang beruntung itu ialah siapa yang lebih awal memuhasabah dirinya yang tidak lupa bahawa di sebalik kehidupan yang ada ini, ada lagi kehidupan lain yang sedang menunggu." - Titah sempena Sambutan Israk Mikraj pada 20 Oktober 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"ALLAH mengunugerahkan al-hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al-Quran dan As-Sunnah) kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan barangalapa yang dianugerahi kurnia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah)." - Surah Al-Baqarah ayat 269.

TAHUN 49 BILANGAN 37 RABU 15 SEPTEMBER 2004/1425 رابو 30 رجب

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU PERCUMA

Allah Selamatkan Pengantin Diraja

Di antara

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

dengan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak
Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman



ANTARA YANG MENARIK

Haluan : 4
Rakyat Brunei kini prihatin terhadap kesihatan
- Muka 2

Lantikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara - Muka 3

Istiadat Berbedak Pengantin Diraja
- Muka 4 & 5

Istiadat Berinai Pengantin Diraja
- Muka 8 & 9

Rakyat jelata gembira menjunjung Pengantin Diraja
- Muka 10 & 11

Zina perbuatan keji dan hina yang merosakkan keturunannya, masyarakat
- Muka 3 ANEKA

RASUAH : Gejala masyarakat yang perlu dibanteras
- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

DIAN Empat ialah Dian Kebesaran Diraja yang dikhaskan sebanyak empat batang digunakan dalam sesuatu istiadat tertentu seperti Istiadat Berpupa, Istiadat Perkahwinan Diraja, Istiadat Berkhatan Diraja, Istiadat Berkhatan dan Bertindik Diraja dan lain-lain istiadat diraja sama ada istiadat itu kepunyaan Sultan atau Begawan Sultan atau Pengiran Muda Mahkota atau Pengiran Muda atau Pengiran Anak Puteri atau Wazir atau Cheteria atau pihak diraja ataupun istiadat yang dipangku oleh yang disebatkan - Sumber: PERKAHWINAN DIRAJA. ROYAL WEDDING. Bandar Seri Begawan : Jawatankuasa Penerbitan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja, Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Bella dan Sukan (1996 : 81).

Istiadat Bersanding Pengantin Diraja penuh gilang-gemilang

Liputan
Haji Jaafar HI dan
Haji Dayang HK

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September - Satu lembaran sejarah telah tercipta lagi hari ini dalam sejarah Kerabat Diraja Brunei dengan berlangsungnya Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah. Istiadat Bersanding Pengantin Diraja yang penuh gilang-gemilang dan penuh Adat Istiadat Diraja itu dilangsungkan hari ini di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman

hari ini.

Istiadat Bersanding Pengantin Diraja bermula dengan keberangkatan tiba ahli-ahli kerabat diraja dan juga ketibaan para tetamu-tetamu undangan khas dan para pembesar negara serta jemputan memasuki Balai Singgahsana Indera Buana.

Sejurus kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat berserta ketua-ketua negara sahabat ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Lihat muka 13



EDISI KHAS SEMPENA PERKAHWINAN DIRAJA

PELITA BRUNEI keluaran hari ini, 15 September 2004 menerbitkan EDISI KHAS sempena Istiadat Perkahwinan Diraja sebanyak 16 muka surat yang memuatkan gambar-gambar yang dirakamkan oleh para jurugambar Jabatan Penerangan di Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dan Majlis Persantapan Diraja untuk tatapan para pembaca.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menapakkan tangan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke atas kepala Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja.

Kebawah DYMM kurniakan gelaran

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan gelaran kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Yang Mulia Dayangku Sarah kini dikenali dengan

nama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Pengurniaan gelaran tersebut telah disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Salubun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz di Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di sini.



15 SEPTEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 30 رجب

MEMPERHEBATKAN KEGIATAN MASJID

NEGARA Brunei Darussalam terus membesarkan dan merayakan Hari-hari Kebesaran Islam iaitu dengan mengadakan Sambutan Israk dan Mikraj Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sememangnya negara kita komited untuk terus membesarkan Hari-hari Kebesaran Islam sebagai satu wadah untuk meningkatkan syiar Islam di negara kita agar ianya terus bersinar dan bercahaya. Peristiwa agung ini mungkin tidak luput daripada ingatan kita kerana ia merupakan wadah terpenting untuk mendapatkan bimbingan dan pengajaran yang berguna. Banyak perkara yang boleh kita pelajari dan gali daripada peristiwa itu antaranya termasuk hukum-hakamnya sekali. Antara perkara besar itu ialah ibadat sembahyang yang menjadi kewajipan kepada umat Islam.

Walaupun peristiwa itu sudah begitu lama berlaku, namun kisah-kisah yang terdapat di dalamnya tidaklah pernah menjemukan bahkan semakin menarik di mana umat Islam terus-menerus mendapat pengajaran daripadanya. Walaupun pengajaran Israk dan Mikraj telah berlangsung selama lebih 1,000 tahun, namun masih ramai orang Islam yang belum mengikutinya dan seolah-olah ianya belum difahami lagi dengan sepenuhnya oleh mereka. Hakikat ini sebenarnya mendukacitakan kita, kerana dunia ini bukan lagi muda tetapi semakin tua, di mana persiapan-persiapan ke akhirat sepatutnya mestilah diutamakan.

Seperti yang kita ketahui, peristiwa bersejarah dalam Islam itu berlaku dan bermula di dua buah masjid iaitu Masjid Al-Haram di Mekah Al-Mukaramah dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Ini sekali gus memberikan gambaran betapa masjid memainkan peranan dalam 'kerja-kerja besar' yang dilakukan oleh umat Islam. Melalui masjid juga mendatangkan 'pulangan lumayan' di sisi Allah. Nilai-nilai ibadatnya melebihi daripada di tempat-tempat lain. Sembahyang sekali di Masjid Al-Haram mempunyai kehebatan di mana pahalanya sama dengan 100 ribu sembahyang di masjid lain. Di Masjid Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lebih afdal daripada 1,000 sembahyang dan di Masjid Al-Aqsa 500 sembahyang daripada di masjid-masjid yang lain.

Memandangkan kehebatan masjid, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj pagi semalam, menitahkan bahawa sudah sampai masanya masjid-masjid di negara ini mempunyai jadual-jadual tetapi masing-masing dalam seminggu. Pengajaran dan ceramah yang diadakan itu meliputi sejarah, fikah dan tauhid serta mengadakan majlis-majlis berbentuk umum yang tidak terikat kepada jadual.

Kurnia titah baginda itu adalah sesuatu yang sepatutnya diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Niat baginda yang murni itu tidak lain ialah bagi menyebarkan ilmu pengetahuan dan memberikan khidmat bakti berupa nasihat-nasihat kepada masyarakat. Baginda merasakan adalah kurang berkesan atau tidak berkesan langsung hanya mengadakan kegiatan-kegiatan masjid bersifat sementara atau bila ada masa lapang sahaja.

Baginda merasa yakin jika perancangan yang berkeadilan itu berjalan ianya merupakan satu langkah maju ke hadapan untuk pentakmiran masjid sekali gus menjadi pelengkap masyarakat Muslimin di bidang fardu ain dan fardu kifayah. Tanpa masjid, tidak akan menjelma sebarang kekuatan, sebab itu masjid mesti wujud dan memiliki ciri-ciri daya tarikan bagi melahirkan ummah yang kamil. Memang disadari bahawa untuk menjalankan rancangan itu memerlukan kepakaran yang khusus terutama tenaga-tenaga yang berkelayakan. Ke arah itu baginda menekankan agar pihak yang berkaitan sepatutnya sudah awal merancang untuk setiap masjid sedia ada mempunyai pegawai-pegawai berijazah terutama sekali dalam jurusan ijazah aliran Arab bagi menjalankan program itu nanti.

Bersempena Sambutan Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping kita memanjangkan kesyukuran kerana memperingatinya, marilah kita umat Islam menanamkan semangat yang jitu bagi mendalami dan menterjemahkan apa-apa jua pengajaran yang terkandung dalam peristiwa itu dalam kehidupan kita sehari-hari khususnya bagi memantapkan pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

HALUAN...

Rakyat Brunei kini prihatin terhadap kesihatan

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Wahamatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH
Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihiee Wasah-
bihee Ajma'een.

Mengadap ke hadapan
majlis Duli Yang Teramat
Mulia Paduka Seri Pen-
giran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-
Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Ba-
ginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah.

Dengan penuh hormat
dan takzim, hamba Duli
Tuanku bagi pihak Ahli-
ahli Jawatankuasa Seminar
Promosi Kesihatan terlebih
dahulu sukacita menyem-
bahkan ucapan setinggi-
tinggi menjunjung kasih di
atas kurnia perkenan Duli
Tuanku berangkat pada
pagi ini bagi merasmikan
Seminar Promosi Kesi-
hatan dan seterusnya akan
melafazkan sabda dan juga
pelancaran Buku Rokok
dan Merokok.

Keberangkatan Duli
Tuanku adalah suatu
kurnia penghormatan yang
tinggi nilainya kepada abis
hamba Duli Tuanku dan
sekali gus mencerminkan
dengan jelasnya rasa pri-
hatin dan pemedulian Duli
Tuanku kepada pentingnya
kesihatan kepada rakyat
dan penduduk negara ini
serta perlunya mengamal-
kan cara hidup yang sihat.

Seminar Promosi Kesi-
hatan ini dianjurkan bagi
membawa masyarakat ne-
gara ini berusaha ke arah
meningkatkan mutu peng-
hidupan (quality of life)
dan status kesihatan

(health status) serta mene-
rapkan konsep kesihatan
adalah tanggungjawab
semua, 'Health is everyone
business'.

Seminar Promosi Kesi-
hatan ini akan berlangsung
selama empat hari dan
akan menumpukan kepada
tujuh isu utama yang juga
merupakan program yang
telah dikenal pasti oleh
Jawatankuasa Kebangsaan
Promosi Kesihatan iaitu
Kawalan Tembakau, Ke-
cerdasan dan Kegiatan
Fizikal, Pemakanan, Kese-
lamatan Makanan, Kesi-
hatan Wanita, Kesihatan
Mental, Kesihatan Alam
Sekitar dan Kesihatan
Pergigian.

Seramai 16 orang
pembentang kertas kerja
luar negeri termasuk dua
dari Pertubuhan Kesihatan
Sedunia (WHO) dan 31
orang pembentang kertas
kerja tempatan akan men-
bentangkan kertas kerja
mereka di seminar ini.
Sebanyak 14 kertas kerja
akan dibentangkan dalam
tujuh sesi plenari, manakala
43 kertas kerja pula
akan dibentangkan dalam
22 sesi serentak. Dua sesi
forum akan diadakan yang
akan memusatkan kepada
isu Obesiti dan Kesihatan
Mental.

Kita bersyukur kerana
sejak akhir-akhir ini telah
nampak adanya tanda-
tanda bahawa rakyat dan
penduduk di negara ini
semakin bertambah pri-
hatin terhadap kesihatan
mereka. Umpamanya sejak
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Ba-
ginda Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei
Darussalam mengepalai
Walkaton Kecergasan dan
Kesihatan dua tahun yang
lalu, sekarang sudah se-
makin ramai orang mem-
berikan masa untuk melak-
sakan kegiatan fizikal.

Sehingga hari ini pel-
bagai usaha dan inisiatif
telah dilaksanakan untuk
memberikan maklumat,
mendidik dan membawa
masyarakat ke arah meng-
amalkan kehidupan sihat
seperti penerbitan risalah,
poster, pameran-pameran,
dokumentari televisyen,
ceramah, jerayawara dan
sebagainya. Sungguhpun
kesannya belum lagi me-
nyeluruh, insya-Allah, abis
hamba Duli Tuanku akan
terus berusaha bagi men-
didik dan menyedarkan
anggota masyarakat se-
mata-mata bagi kepen-
tingan dan kesejahteraan
masa hadapan rakyat dan
penduduk Negara Brunei
Darussalam.

Satu daripada program
yang penting dan telah
diberikan perhatian pada
masa ini ialah Inisiatif
Tembakau. Menyedari
akan bahaya tembakau atau
rokok dan merokok kepada
kesihatan yang telah meng-
ancam nyawa dan menjadi
punca kematian hampir
lima juta orang di dunia
pada tahun 2002, Keme-
nterian Kesihatan dan agen-
si-agensi yang berkaitan
telah meningkatkan usaha
untuk mengatasi epidemik
ini.

Usaha ke arah mem-
erangi tembakau memerlu-
kan komitmen dan kerja-
sama yang padu dari semua
agensi dalam kerajaan dan
masyarakat. Kita menyak-
sikan bahawa dengan
keyakinan dan sokongan
semua, beberapa buah
negara telah berjaya me-
merangi epidemik ini, hatta
negara pengeluar tembakau
sendiri.

Pengalaman dari ne-
gara-negara yang berjaya
menurunkan kadar peng-
gunaan tembakau mem-
buktikan bahawa kekuatan
undang-undang, keberke-
sanan pendidikan dan kese-

hatan masyarakat, peng-
libatan semua agensi,
NGO's dan masyarakat
serta sokongan kepimpinan
adalah di antara pende-
katan yang boleh meng-
hasilkan kejayaan.

Sehubungan ini semua
agensi kerajaan dan bukan
kerajaan dan seluruh rakyat
dan penduduk negara ini
hendaklah menjunjung
dengan setinggi-tingginya
titah Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Has-
sanah Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam semasa
baginda melancarkan Kon-
vensyen Kebangsaan Pro-
misi Kesihatan pada hari
Sabtu, 24 Julai 2004 yang
lalu, bagi melaksanakan
tanggungjawab kita dalam
membanteras rokok dan
merokok di negara ini.

Sempena Seminar Pro-
misi Kesihatan pada hari
ini, sebuah buku mengandungi
Fatwa Mufti Ke-
rajaan, Yang Dimuliakan
Lagi Dihormati Pehin Datu
Seri Maharaja Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji
Awang Abdul Aziz bin
Juned mengenai dengan
rokok dan merokok akan
dilancarkan. Buku Rokok
dan Merokok mengandungi
huraian mengenai
kepentingan kesihatan dan
kemudaratan rokok dan
merokok dari perspektif
Islam dan kesihatan. Buku
ini menerangkan dan memper-
jelaskan penentuan hukum
merokok serta mengete-
ngahkan pandangan ulama-
ulama muktabar silam dan
masa kini dalam menen-
tukan hukum merokok.
Adalah diharapkan buku
ini bukan sahaja memberi
kan pengetahuan kepada
pembaca tetapi juga me-
ngubah sikap yang terlibat
terhadap rokok dan me-
rokok.

Terima kasih dan se-
tinggi-tinggi penghargaan
juga diucapkan kepada
semua pihak yang mem-
berikan kerjasama, soko-
ngan dan bantuan khusus-
nya kepada Jawatankuasa
Seminar. Semoga Allah
Subhanahu Wataala akan
memberkati usaha-usaha
yang berkeadilan ini dan
mengurniakan ganjaran
dan keberkatan kepada
mereka.

Sekali lagi hamba Duli
Tuanku sukacita menyem-
bahkan berbilang-banyak
menjunjung kasih di atas
keberangkatan Duli Tuan-
ku pada menyempurnakan
perasmian Seminar Pro-
misi Kesihatan dan Pelan-
caran Buku Rokok dan
Merokok pada pagi ini.
Demikian juga hamba Duli
Tuanku sukacita menyem-
bahkan ucapan terima
kasih di atas keberangkatan
Yang Amat Mulia Pengi-
ran-pengiran Cheteria dan
di atas kehadiran Yang
Berhormat Menteri-menteri
Kabinet, Ahli-ahli
Majlis Mesyuarat, Tim-
balan-timbalan Menteri,
Tuan-tuan Yang Terutama,
Setiausaha-setiausaha
Tetap, dif-dif yang di-
hormati dan para hadirin
dan hadirat sekalian.

Hamba Duli Tuanku
juga ingin mengalu-alukan
kehadiran para pemben-
tang kertas kerja dari se-
barang laut dan dari
Negara Brunei Darussalam
serta semua peserta-peserta
seminar dengan harapan
semoga seminar ini akan
dapat menghasilkan reso-
lusi yang dapat dilaksana-
kan. Kepada pembentang-
pembentang kertas kerja
diucapkan setinggi-tinggi
penghargaan di atas sum-
bangan mereka di seminar
ini.

Sekian, Wabillahit Tau-
fik Walhidayah Wassala-
muallaikum Wahamatul-
lahi Wabarakatuh.



SEMBAH alu-aluan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Promosi Kesihatan Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 dan Pelancaran Buku Rokok dan Merokok pada hari Isnin, 8 Jamadilakhir 1425/26 Julai 2004 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

LANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 September. - Pada menjunjung tiuh perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri melalui siaran akhbar dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi lantikan-lantikan ahli-ahli berikut menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara mulai hari ini.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (Ex-Officio Member)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri;

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri Pendidikan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia

Haji Mohamed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Penasihat Ugama; dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli, Peguam Negara.

AHLI RASMI (Official Member)

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim, Setiausaha Tetap Kement-

terian Kewangan; Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Dasar dan Pentadbiran); Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Baderuddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Pe-

mangku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

AHLI DILANTIK (Nominated Member)

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin

bin Pengiran Haji Ismail; Yang Amat Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Sunguh; Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin; Yang Mulia Orang Kaya Maha Bijaya Awang Othman bin Uking; Yang Mulia Awang Haji Idris bin Haji Abas; Yang Mulia Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Puaa bin OKSP Tudin dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yunus bin Mohd. Noh.

Jadikan hasil Seminar Masjid percambahan idea

BERAKAS, 14 September.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beritahu menyaranakan supaya hasil dari Seminar Masjid yang diadakan baru-baru ini seeloknya ditunduki sebagai agenda ke arah percambahan idea kerana mungkin masih ada yang memerlukan pembinaan atau terdapat perkara baru yang boleh diterokai.

Baginda menyaranakan perkara tersebut ketika beritahu di Majlis Sum-

butan Israk dan Mikraj Tahun 1425 Hijrah bersamaan Tahun 2004 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Terdahulu baginda beritahu, bahawa seminar tersebut telah berhasil menyedut perhatian berbilang-bilang persatuan yang berkaitan dengan masjid yang sebahagiannya telah diwujudkan, sementara sebahagian lagi tinggal di dalam kertas-kertas kerja.

"Pada hemat beta, semua persoalan tersebut elok juga ditunduki sebagai agenda ke arah percambahan

Oleh Saharl Akim

an idea, kerana manalah tahu masih ada yang memerlukan pembinaan atau ada juga perkara baru yang boleh diterokai," titah baginda.

Menyentuh peristiwa Israk dan Mikraj baginda bertitah, dua masjid telah disebut sebagai tempat bermulanya Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Masjid Al-Haram di Mekah Al-Mukarramah dan Masjid Al-Aqsa di

Palestin yang memberi gambaran betapa masjid itu memainkan peranan dalam 'kerja-kerja besar' yang dilakukan oleh umat Islam.

Menurut titah baginda, masjid juga mendatangkan 'pulangan' lumayan di sisi Allah di mana nilai ibadah di dalamnya melebihi daripada di tempat-tempat yang lain dan lebih hebat lagi satu sembahyang di Masjid Al-Haram adalah sama pahalanya dengan seratus ribu sembahyang di masjid lain, di Masjid Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lebih afdal daripada seribu sembahyang dan di Masjid Al-Aqsa lima ratus sem-

bahyang daripada masjid yang lain.

Baginda menambahitah, masjid mempunyai kelebihan sedemikian rupa kerana ia didirikan bukan atas sebab-sebab yang lain melainkan hanya semata-mata atas dasar takwa jua, tiada lain dari itu.

Jelas titah baginda, menurut Al-Quran sendiri orang-orang yang berada di dalam masjid adalah mereka yang ingin memberikannya diri sebagaimana maksud ayat 108 dalam Surah At-Taubah.

Baginda seterusnya beritahu bahawa pembersihan

diri itu adalah sesuatu yang sangat mudah disebut tetapi amat sukar dilaksanakan dan memerlukan kekuatan dalaman, keinsafan dan keimanan yang tebal.

Masjid, jelas titah baginda, adalah satu-satunya wadah untuk menjana kekuatan dalaman itu, tanpa masjid tidak akan menjelma sebarang kekuatan, sebab itulah masjid mesti wujud dan memiliki ciri-ciri daya tarikan bagi menarik pemakmur-makmurnya supaya lahir kekuatan yang sebenar-benarnya.

"Apabila ada kekuatan dalaman itu, maka apa jua

unsur negatif akan dapat ditolak," tegas titah baginda.

Masjid-masjid mempunyai jadual-jadual tetapnya masing-masing. Misalnya, pengajaran atau ceramah akan diadakan lima kali dalam seminggu," titah baginda.

Pada majlis itu baginda juga merakamkan ucapan tahniah kepada semua Jawatankuasa Takmir Masjid yang berjaya dalam apa jua kategori yang diperbandingkan dan berharap Jawatankuasa Takmir yang lain akan memperolehi kejayaan di masa hadapan.

MAJLIS ISTIADAT PENGANTIN DIRAJA MULEH TIGA HARI

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 September.

Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah berlangsung dengan penuh adat istiadat yang menjadi warisan turun-temurun dan merupakan lambang keagungan kehidupan beradat istiadat yang kita miliki di negara ini.

Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari bermula dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Fairah.

Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari bermula dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Fairah.

Seterusnya empat orang Awang-awang masuk ke dalam majlis untuk menuju Dian Empat, diikuti dua orang Awang-awang membawa masuk

Kasur Namat dan diletakkan di tempat yang dikehendaki.

Ini kemudiannya diikuti dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Istiadat Menjunjung kedua-dua Pengantin Diraja telah siap sedia.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz kemudiannya menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bahawa Istiadat Menjunjung kedua-dua Pengantin Diraja telah siap sedia, Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Isteri-isteri pembesar negara kemudian beredar menjunjung Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah untuk berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Sementara Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bersama beberapa orang Pengiran-pengiran Cheteria yang lain meninggalkan majlis untuk menjunjung Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat masuk ke Balai Singgahsana Indera Buana diiringi oleh Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiran Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah serta isteri-isteri pembesar negara.

Rombongan mengambil diikuti oleh seorang Pengantin Perempuan berbadan gagah dan seorang Dayang-dayang membawa Kaskol Languai, tujuh orang Pahawai Perempuan yang memegang Alat-alat Perhiasan Diraja yang terdiri satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupun dan satu Kaskol dan Dian 16 yang dibawa oleh 16 orang Dayang-dayang.

Oleh Aliddin HM

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib dan beberapa orang Pengiran-pengiran Cheteria yang lain.

Rombongan mengambil dihidul dengan sebatang Dian Tunggal yang dibawa oleh Awang-awang diikuti oleh Perhiasan Empat Duli Yang Teramat Mulia, dua orang Pahawai Kanak-kanak Lelaki, seorang membawa Kiup dan seorang membawa Pasigupun dan tujuh orang Pahawai Lelaki yang memegang Alat-alat Perhiasan Diraja yang terdiri satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupun dan satu Kaskol serta Dian 16 yang dibawa oleh 16 orang Awang-awang.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah kemudiannya bersanding.

Bagi memberkati majlis istiadat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kedua-dua Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat dari Balai Penghadapan diikuti oleh Perhiasan dan Perlatian Diraja.

Setelah itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari telah sempurna dilaksanakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran

Anak Haji Abdul Aziz kemudiannya menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bahawa Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari telah sempurna dilaksanakan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyabdakan supaya majlis ditutup.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani dan Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain juga berangkat di majlis itu.

Ayahanda dan bonda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Damit dan Dayang Rinawaty binti Abdullah @ Suzanne Rahaman Aeby juga hadir.

Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Pendalaman, para Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi, para Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan juga berangkat dan hadir sama di istiadat itu.

MAJLIS ISTIADAT BERBEDAK PENGANTIN DIRAJA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman (atas).

Gambar-gambar
oleh Jurugambar
Jabatan
Penerangan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki (kiri sekali). Sementara gambar kiri, Yang Mulia Datin Hajah Faizah ketika menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan. Manakala gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (kiri).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (kanan sekali).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



YANG Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



PENGANTIN Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika menyalahkan ayahanda dan bonda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sejeurus selesai Majlis Istiadat Berbedak Diraja.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



YANG Mulia Dayangku Sarah, Pengantin Diraja Perempuan berangkat ke Istiadat Berbedak di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibun Ihsad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim ketika berkenan menculiki bedak diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pahlin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned sejeurus selesai Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (atas).

YANG Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman dan Dayang Rinawaty binti Abdullah @ Suzanne Rahaman Aebby, ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah ketika hadir di Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja (kanan).

YANG Mulia Datin Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadziyah Lubabul Bolkiah ketika berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman (atas).



Sambutan Hari Kedamaian

BERAKAS, 5 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna hari ini berkenan berangkat menyertai ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) bagi sama-sama menyambut Hari Kedamaian Sedunia yang bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Acara pagi itu bermula dengan senaman memanaskan badan iaitu senaman tai chi yang diikuti kemudiannya dengan berjalan kaki yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna

Oleh
Abu Bakar HAR

bersama ahli-ahli PPPNBD yang lain dan berakhir di Ibu Pejabat persatuan berkenaan.

Terdahulu dari itu keberangkatan Yang Teramat Mulia di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli jawatankuasa persatuan berkenaan diikuti dengan bacaan Surah Al-Faatihah.

Semasa di Ibu Pejabat PPPNBD, majlis bermula dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan, diikuti lagu Dunia Pandu Puteri.

Di majlis itu Yang Teramat Mulia telah berkenan memotong kek sempena hari puja usia Yang Teramat Mulia diikuti dengan menyaksikan Pameran Kegiatan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

Antara matlamat sambutan Hari Kedamaian tersebut adalah untuk sama-sama mendukung dan menyokong usaha badan-badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGS) bagi mewujudkan kedamaian dalam dunia, di samping sebagai memperkukuhkan keunggulan

kedamaian kerana tanpa kedamaian segala usaha untuk kesejahteraan hidup tidak akan dapat dilaksanakan.

Manakala usaha-usaha PPPNBD dalam kegiatan kedamaian ini seperti menyambutnya pada setiap tahun sejak 1991 dengan kegiatan-kegiatan projek kemasyarakatan dan alam sekitar, mengutip bantuan kewangan bagi tabung-tabung kemanusiaan dan sebagainya.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyertai acara berjalan kaki sempena Sambutan Hari Kedamaian Sedunia. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pameran Lukisan 'For The Love of Brunei'

BERAKAS, 23 Ogos. - Sejumlah 22 lukisan menggunakan cat di atas kanvas dipamerkan kepada para jemputan oleh seorang pelukis India, Puan Kalpana Choudhry, isteri Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini.

Tema pameran lukisan beliau ialah 'For The Love of Brunei' atau Cinta Terhadap Brunei diadakan di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi India, Kampong Manggis Satu di sini.

Pameran lukisan tersebut kebanyakannya menggambarkan imajinasinya mengenai alam sekitar seperti pemandangan pokok kayu dan tumbuhan.

Oleh Samle HJ

Selain dipamerkan, sebahagian lukisan beliau yang dianggap unik juga dijual kepada para peminat lukisan dengan pelbagai harga hingga mencapai \$2,000.00.

Pelukis tempatan yang menyaksikan kebolehan Puan Kalpana dengan mengongsikan dan menceritakan pengalamannya sebagai seorang pelukis sambilan yang berbakat.

Sebelum itu beliau pernah mengadakan pameran di India dan Republik Singapura dan kali ini merupakan yang terbaik yang pernah dibuat selama ini.



DI ANTARA lukisan Puan Kalpana Choudhry, isteri Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini yang dipamerkan. - Gambar oleh Mohd. Zul-tazi HD.



YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mengenai kegiatan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Ramli Tengah.

SOALAN KUIZ PELITA SAMBUTAN HARI GURU TAHUN 2004

1. Sila lengkapkan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) Ke-39 yang disiarkan di dalam PELITA BRUNEI bilangan 9 bertarikh 3 Mac 2004 bersamaan 11 Muharam 1425.

"Di sini beta tidak hanya merujuk kepada tindakan-tindakan keganasan seperti kekejaman penganas yang pernah kita alami tetapi keselamatan dalam makna yang sepenuhnya. Keselamatan yang memerlukan lebih daripada perlindungan fizikal daripada

.....dan kehidupan bermasyarakat."

2. Nyatakan nama penuh bagi projek-projek dan program-program yang sedang dan pernah dilaksanakan di sekolah-sekolah seperti yang tersebut di bawah.

PAI :

RELA :

YES :

LEAPS :

PRS :

3. Berikan pendapat awda (tidak melebihi 30 patah perkataan) mengenai tema Sambutan Hari Guru tahun 2004 'Pendidikan Bersepadu Masyarakat Bersatu'

Nama :

Alamat :

Tel : (R) (M) (O)

A. FORMAT

1. Sebanyak tiga (3) soalan kuiz yang disediakan oleh pihak penganjur (Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Unit Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan) akan disiarkan melalui Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI.

2. Soalan kuiz akan disiarkan pada tarikh-tarikh 8 September, 15 September dan 22 September 2004.

B. PERATURAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang memiliki kad pengenalan.

2. Ahli Jawatankuasa Publisiti Sambutan Hari Guru 2004 dan keluarga mereka adalah tidak dibenarkan menyertai kuiz ini.

3. Setiap jawapan hendaklah menggunakan Borang Khas Kuiz Pelita Brunei Hari Guru 1425/2004 yang boleh didapati dalam ruangan khas ANEKA, Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI.

4. Jawapan hendaklah dihantar ke alamat di bawah melalui pos tidak lewat pada 25 September 2004. Jawapan yang tidak diterima pada tarikh dan waktu yang dinyatakan tidak akan dilayan.

Kuiz Pelita Hari Guru, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Block C, Tingkat 4, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

5. Keputusan kuiz adalah muktamad dan keputusan pemenang ditentukan oleh Jawatankuasa Publisiti Sambutan Hari Guru Ke-14 Tahun 2004.

6. Pemenang Kuiz Pelita Brunei Hari Guru akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI pada keluaran 6 Oktober 2004.

7. Peserta yang menjawab dengan betul seperti jawapan yang telah disediakan akan diberikan hadiah cenderamata Sambutan Hari Guru. Sebanyak lapan (8) hadiah akan disediakan.

8. Majlis penyampaian hadiah akan dilangsungkan pada 6 November 2004 di Bilik Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan.

9. Pihak penganjur berhak menambah, meminda dan mengubah syarat dan peraturan kuiz mengikut keperluan.

Istiadat Perkahwinan Diraja ... Istiadat Perkahwinan Diraja ... Istiadat Perkahwinan Diraja ...

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat ke Majlis Istiadat Berinai Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Majlis Istiadat Berinai Pengantin Diraja berlangsung secara berasingan bagi Pengantin Diraja Lelaki dan Perempuan.

Majlis istiadat bermula dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Berangkat sama ialah adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, putera-putera dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis istiadat dimulai dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyem-bahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja telah siap sedia.

Setelah itu Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyem-bahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja telah siap sedia, dijunjung titah, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan agar majlis istiadat di-mulakan.

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia menitahkan supaya Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris mengepalai rombongan bersama Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria yang dititahkan bagi menjun-jung Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Balai Singgah-sana Indera Buana.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat tiba di Balai Singgah-sana Indera Buana dengan diapit oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah diikuti oleh YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib berserta YAM Pengiran-pengiran Cheteria yang dititahkan dengan didahului oleh

Perwira Diraja yang mem-bawa Pemuras dan Karga dan Perwira Asgar yang mem-bawa Kalasak dan Kampilan serta Dian Tunggal yang dibawa oleh Awang-awang berjalan di hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota diikuti oleh Perhiasan Empat Duli Yang Teramat Mulia, tujuh orang Pahawai Lelaki yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol, Dian 16 orang dibawa oleh 16 orang Awang-awang serta Alat-alat Kebesaran Diraja iaitu terdiri dari 40 Sinipit, 16 Pedang, 16 Tumbak dan 8 Kabok dan Panastan yang dibawa oleh Awang-awang.

Setelah rombongan yang menjunjung Duli Yang Teramat Mulia balik duduk ke tempat masing-masing, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela menyem-bahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja Lelaki telah siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyem-bahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja Lelaki telah siap sedia, dijunjung titah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya istiadat di-mulakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian di-junjung menculiki inai diraja kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, diikuti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Serentak dengan itu, 19 das tembakan meriam dilepaskan sebagai menandakan bermulanya istiadat.

Seterusnya istiadat menculiki inai diraja di-

ISTIADAT BERINAI PENGANTIN DIRAJA



DUTA-DUTA dan Pesuruhjaya Tinggi dari negara-negara sahabat berkesempatan menghadiri Majlis Istiadat Berinai Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana.

lakukan oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Mulia Datin Hajah Faizah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Menculiki inai diraja juga dilakukan oleh YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani, YTM Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar, YTM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim serta kedua-dua ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahman dan Dayang Rinawaty @ Suzanne Rahaman Aebby hini Abdullah.

Istiadat Berinai Pengantin Diraja atau lebih dikenali Istiadat Berpacar distilahkan perbuatan melekatkan pacar di bahagian

tapak tangan, tapak kaki, hujung jari dan kaki. Susunan perjalanan Istiadat Berpacar tidaklah berbeza dengan Istiadat Berbedak.

Setelah selesai Istiadat Berinai Pengantin Diraja, doa selamat dibacakan oleh YDM Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berangkat beredat dari Balai Singgahsana Indera Buana dengan diapit oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, diikuti dengan YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta diiringi YAM Pengiran-pengiran Cheteria berserta perhiasan dan alat-alat kebesaran.

Sebaik saja DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan rombongan berangkat dari majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela menyem-bahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja Perempuan telah siap sedia.

Kemudian Yang Amat Mulia menyem-bahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda menitahkan supaya istiadat

dimulakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan isteri-isteri Menteri Kabinet dan isteri-isteri YAM Pengiran-pengiran Cheteria dan isteri-isteri pembesar negara supaya menjunjung Pengantin Diraja Perempuan berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Pengantin Diraja Perempuan berangkat di Balai Singgahsana Indera Buana dengan diapit oleh YDM Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah dan Datin Paduka Hajah Zaharah, diiringi oleh isteri-isteri pembesar negara yang menjunjung.

Rombongan diikuti oleh tujuh orang Pahawai Perempuan yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Cupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol dan Dian 16 orang Dayang-dayang.

Seleasai saja isteri-isteri pembesar negara yang mengiringi duduk semula ke tempat masing-masing, YB Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela menyem-bahkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja Perempuan telah siap sedia untuk di-mulakan.

Setelah itu YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyem-bahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

**Liputan Haji Ahat HI dan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Jurugambar Jabatan Penerangan**

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja Perempuan telah siap sedia, dijunjung titah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menitahkan supaya majlis istiadat di-mulakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menculiki inai diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan, diikuti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Selanjutnya istiadat menculiki inai diraja dilakukan oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Mulia Datin Hajah Faizah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Menculiki inai diraja juga dilakukan oleh YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani dan YTM Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar, YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim serta kedua-dua ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahman dan Dayang Rinawaty.

Seleasai saja Istiadat Berinai Pengantin Diraja Perempuan, YDM Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan membaca doa selamat.

Setelah itu isteri-isteri pembesar negara yang dititahkan menjunjung anugerah seorang demi seorang dan seterusnya menjunjung Pengantin Diraja Perempuan berangkat dari majlis.

Pengantin Diraja Perempuan berangkat dari Balai Singgahsana Indera Buana dengan diapit oleh YDM Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah dan Datin Paduka Hajah Zaharah serta rombongan yang menjunjung dan diikuti oleh tujuh orang Pahawai Perempuan yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Cupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol dan Dian 16 orang Dayang-dayang.

YB Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela menyem-bahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja telah sempurna dilaksanakan.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyem-bahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Istiadat Berinai Pengantin Diraja telah sempurna dilaksanakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menitahkan agar majlis ditutup.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Setia-usaha-setiasuaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



MAJLH
ISTIA
BERIN
PENG
DIRAJ



Gambar-gambar oleh Jurugambar Jabatan Penerangan



AT AI NTIN

Citra



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menculik Inai diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menculiki inai diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan menculik Inai Diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki (atas).



BERANGKAT di Majlis Istiadat Berinal Pengantin Diraja ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas).

BONDA Pengantin Diraja Perempuan, Dayang Rinawaty @ Suzanne Rahaman Aaby binti Abdullah menculiki Inal diraja kepada Pengantin Diraja Lelaki (atas kanan).

AYAHANDA Pengantin Diraja Perempuan Yang Mulia Pengiran Saileh Ab. Rahman menculiki Inai diraja kepada Pengantin Diraja Perempuan (kanan).

1700 Jempuan, Yang Mulia Dayangku Sarah
Siti binti Sultan Al-Rahman berangkat di Majlis
Perutusan Diraja.

[illegible]

Istiadat Perkahwinan Diraja ... Istiadat Perkahwinan Diraja ... Istiadat Perkahwinan Diraja ...

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September. - Senyuman menawan dan lambaian mesra kedua-dua Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah memberi kepuasan tidak terhingga kepada ribuan rakyat jelata dan pelancong berbilang warganegara yang menyaksikan istiadat bersejarah gilang-gemilang Majlis Istiadat Berarak Pengantin Diraja sepanjang perarakan dilangsungkan di sini.

Detik sejarah kemuncak Istiadat Perkahwinan Pengantin Diraja menjadikan suasana Bandar Seri Begawan berubah dari kesibukan harian yang padat dengan hulu hilir kenderaan bertukar kepada deretan lautan manusia beratur di semua corok jalan raya dan kawasan dengan tidak sabar menanti menyaksikan Istiadat Berarak Pengantin Diraja dengan penuh debaran.

Suasana ibu negara juga sangat indah dengan pelbagai perhiasan kuntuman bunga yang mengembang penuh warna-warni di sepanjang jalan, pintu-pintu gerbang yang tersergam indah sementara kain-kain rentang raksasa menghiasi bangunan tinggi memaparkan potret pasangan Pengantin Diraja di sepanjang laluan perarakan memelai diraja menyemarakkan lagi detik bersejarah ini.

Ribuan rakyat jelata dan pelancong asing yang berpusu-pusu berbaris di sepanjang laluan perarakan sejak awal pagi, terus sabar menanti perarakan memelai diraja, malah mereka menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi untuk sama-sama memeriahkan majlis sekalipun hujan turun sepanjang perarakan.

Ketika kenderaan khas yang membawa memelai diraja tiba, setiap hadirin tidak melepaskan peluang melambai-lambaikan tangan, menunjug tahniah dan terharu sambil kedua-dua memelai diraja yang bagai 'pinang dibelah dua' itu membalas dengan menyukir senyuman dengan penuh mesra dan membalas lambaian kepada mereka.

Tiga orang pelancong dari Australia, Groegry Mupphy, Kerry Stegges dan Mike Mupphy turut sama-sama bergembira di atas kemeriahan suasana Istiadat Perkahwinan Diraja dan kedatangan mereka ke negara ini merupakan satu rancangan yang telah lama dibuat untuk menyaksikan keadaan sebenar suasana unik di negara ini.

Rakyat jelata gembira menjunjug Pengantin Diraja

"Saya telah banyak membaca mengenai keunikan dan keistimewaan Negara Brunei Darussalam dan majlis yang ditunggu-tunggu ini juga merupakan satu lagi perkara yang ingin saya lihat sendiri," jelas Groegry Mupphy kepada PELITA

BRUNEI.

Katanya, kemeriahan yang dapat dirasai ini dan ribuan ramai orang yang hadir berduyun-duyun telah membuktikan masyarakat di negara ini sangat bergembira menanti detik bersejarah ini.

Kerry Stegges pula menjelaskan waktu ini benar-benar seronok di mana kemeriahan istiadat itu juga diserikan dengan persembahan-persembahan pentas yang menghiburkan para hadirin.

Warga Indonesia, Erna Wati pula mahu melihat secara dekat budaya perkahwinan diraja kerana kesempatan serupa itu sukar didapati apa lagi kerana di negaranya sendiri tidak mempunyai istiadat seumpama itu.

Beliau yang berkhidmat di negara ini merasa gembira kerana hari ini diisytiharkan cuti awam bagi membolehkan pekerja-pekerja asing di negara ini sama-sama memeriahkan dan menyaksikan Istiadat Perkahwinan Diraja.

"Sejak dari awal pagi tadi kami sudah berada di sini, kami tidak mahu melepaskan peluang dari peristiwa yang bersejarah ini kerana saya tidak



BAGAI PINANG DIBELAH DUA ... Kedua-dua Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah sentiasa membalas lambaian rakyat dengan senyuman yang menawan.

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

"Saya merasa terharu dan mensyukuri kepada Allah kerana telah memanjangkan usia sehingga dapat melihat satu lagi hari bersejarah dan sangat penting kepada peristiwa Negara Brunei Darussalam iaitu Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja," jelas Hajah Aminah.

Hajah Hitam pula menjelaskan, kemeriahan Istiadat Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga dijalankan dengan istiadat yang penuh meriah sekali dan gilang-gemilang.

"Persembahan-persembahan hiburan, acara keraian dan kebudayaan sangat menarik, sementara artis-artis terkenal Malaysia seperti Allahyarham P. Ramlee juga

Liputan dan gambar-gambar oleh Samle HJ

mungkin dapat merasakan kegembiraan suasana sebegini lagi nanti," jelas Erna yang bekerja di sebuah sektor swasta di negara ini.

Pasangan muda warga Amerika Syarikat, Annie Katz dan Adam Hines pula sangat kagum keunikan istiadat Brunei apa lagi suasana harmoni di negara ini berjaya menawan hati mereka.

"Kita tertarik dengan suasana di sini dan menyaksikan istiadat ini juga merupakan pengalaman manis untuk kami," jelas Annie Katz.

Murid Sekolah Rendah Sungai Siamas, Ruhana Abidin dan Fauziah Lakim merasa bangga mewakili sekolah mereka dalam sama-sama memeriahkan lagi suasana Istiadat Berarak Pengantin Diraja.

"Penyertaan ini merupakan satu peristiwa manis kami dan akan diabadikan bagi sejarah untuk dikenangkan pada masa akan datang," jelas Ruhana di antara lebih 27 ribu murid dan penuntut sekolah yang mengibarkan Bendera Khas sepanjang perarakan menyusur Jalan Tutong mengelilingi ibu

negara.

Kemeriahan Istiadat Berarak itu dapat dirasakan oleh semua golongan terdiri dari peringkat kecil yang belum mengerti apa-apa sehinggalah kepada wargatua yang mahu menatap kedua-dua Pengantin Diraja yang menawan.

Di antara ribuan wargatua yang hadir ialah Hajah Aminah binti Umar (71 tahun) dan Hajah Hitam binti Awang Momin (71 tahun) yang menjelaskan perarakan Perkahwinan Diraja ini mengembalikan ingatan manis peristiwa bersejarah yang sama tetapi waktu itu merupakan perarakan Perkahwinan Diraja di antara Kebawah Duli Yang Maha



"INI merupakan satu pengalaman pengembaraan yang sukar dilupakan dan pengalaman yang sangat indah ..." Annie Katz dan Adam Hines, pelancong warganegara Amerika Syarikat.



"BANGGA melihat memelai diraja yang sama cantik dan menawan," Norafeeqah Matersat Murid Sekolah Rendah Pintu Malim.



ADIK Mohd. Aspa Zley akan terkenang peristiwa penuh bersejarah ini apabila meningkat usia dewasa nanti.



"SAYA tidak nampak tetapi deris telinga dan hati dapat menceritakan segala keindahan ini," Awang Said Tamit bersama isteri, Siti Zubaidah.

Lihat muka 11

Istiadat Perkahwinan Diraja ... Istiadat Perkahwinan Diraja ... Istiadat Perkahwinan Diraja ...

Dari muka 10

diemput membuat persembahan di Padang Besar di ibu negara," jelasnya.

Sementara itu, cacat penglihatan juga bukan menjadi penghalang kepada Awang Said Tamit (68 tahun) untuk sama-sama menjunjung perarakan Pengantin Diraja, di samping sama-sama memeriahkan lagi suasana gemilang itu.

"Sekalipun saya tidak dapat melihat, tetapi deria dan perasaan saya telah menceritakan segalanya dan merasakan keindahan yang berlaku sepanjang majlis ini berlangsung," jelas Awang Said.

"Saya mendoakan agar pasangan Pengantin Diraja akan mendapat berkat dari Allah dengan dikekalkan jodoh," jelasnya dengan penuh kesyukuran.

Beliau yang ditemani oleh isterinya, Siti Zubaidah binti Matdiah nampak bersemangat dan gembira membawa suaminya bagi sama-sama mengonggokan kemeriahan sambil menjelaskan suasana indah itu kepada suaminya yang cacat penglihatan sejak kecil lagi.

Murid Sekolah Rendah Pintu Malim, Norafeeqah Matersat pula bangga melihat pasangan Pengantin Diraja yang sama cantik dan menawan sambil mengabadikan peristiwa itu sebagai satu kenangan yang manis.

"Peristiwa ini akan menjadi satu bahan rujukan dan sejarah penting kepada negara di masa akan datang terutama bagi generasi muda," jelasnya bangga.

Berbeza pula dengan seorang dari ribuan kanak-kanak, Mohd. Aspa Ziry yang baru berusia setahun empat bulan belum mengerti kenapa kedua-dua orang tuanya bersusah payah membawanya ke situ, namun beberapa tahun mendatang, adik Mohd. Aspa bakal gembira dan menganggap dirinya sangat bertuah nanti apabila melihat kembali gambar yang dirakam adalah waktu rakyat jelata sedang bergembira merayakan Perkahwinan Diraja.

Suasana kemeriahan Majlis Istiadat Berarak Perarakan Pengantin Diraja juga disemarakkan lagi dengan persembahan-persembahan kebudayaan seperti nyanyian, tarian dan permainan



LAUTAN manusia setia menunggu untuk melihat peristiwa bersejarah.

muzik tradisi yang disembahkan oleh berbilang masyarakat di negara ini yang juga mendapat perhatian orang ramai sejak awal pagi.

Sebanyak 15 buah khemah didirikan di lokasi strategik sepanjang laluan perarakan Pengantin Diraja mengadun dendangan lagu-lagu tradisi dari hasil gabungan irama gulingtangan, pukulan hadrah yang bersemangat, di samping tarian tradisi yang lemah gemalai cukup menghiburkan.

Masyarakat India di Negara Brunei Darussalam juga tidak melepaskan peluang untuk membuat persembahan tarian asli mereka dalam sama-sama mengonggokan kemeriahan di istiadat yang penuh gemilang ini.

Sementara Persatuan Puak Murut Temburong tidak ketinggalan untuk mempersembahkan tarian tradisi dengan menampilkan nilai berharga budaya yang mereka miliki sejak zaman-berzaman.

Penyelaras Persembahan Masyarakat Puat Murut, Awang Laban Murang melahirkan rasa gembira di atas peluang untuk mempamerkan persembahan serupa, di samping merupakan sumbangan puak berkenaan untuk memeriahkan lagi istiadat tersebut.

Sementara itu, Setiausaha Bersama Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan bagi Istiadat Perkahwinan Diraja, Haji Awang Ghazali melahirkan penghargaan kepada penyumbang yang diterima melalui pelbagai sektor swasta, perniagaan dan orang-orang perseorangan di negara ini.

Sebanyak 15 buah khemah bagi persembahan-persembahan kebudayaan didirikan di lokasi strategik sepanjang laluan perarakan bagi menghiburkan orang ramai dan memeriahkan lagi majlis yang penuh kesyukuran itu.

"Kita telah mendapat sumbangan derma yang menggalakkan yang membuktikan sokongan yang tidak berbelah bagi dari segenap lapisan

rakyat bagi menyemarakkan lagi hari bersejarah itu berlangsung dengan lancar dan meriah," jelas Haji Awang Ghazali kepada pemberita PELITA BRUNEI.

Jawatankuasa itu telah mengutip lebih \$900 ribu bagi mengendalikan acara-acara kebudayaan sepanjang 17 malam persembahan di Pentas Budaya Kawasan Lapang Berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan di Pentas Budaya Taman Jubli Perak, persembahan bunga api termasuk pada acara kemuncak iaitu Istiadat Mengarak Pengantin Diraja mengelilingi ibu negara.



MEMJUNJUNG MEMPELAI DIRAJA ... Tarian Cipta Gemilang, Persembahan Mahasiswi UBD, Siti Fatimah.



"KAMI bangga mewakili sekolah sekalipun hanya berperanan mengibarkan Bendera Khas Perkahwinan Diraja," Ruhana Abidin dan Fauziah Lakim, murid Sekolah Rendah Sungai Siamas.



PELANCONG asing tidak melepaskan peluang untuk sama-sama berhibur tarian joget sempena istiadat yang penuh gilang-gemilang.



"KAMI kagum melihat suasana cukup meriah," pelancong dari Australia, Gregory Mupphy, Kerry Steggle dan Mike Mupphy.



PERSEMBAHAN muzik alat-alat tradisi menceriakan suasana ibu negara.

Menerima mengadap tetamu-tetamu khas negara sempena Istiadat Bersanding Pengantin Diraja

Liputan
Haji Ahmad HS
dan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM,
Haji Masmaleh HMA
dan
Hamadi HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas negara sempena Istiadat Bersanding Pengantin Diraja, yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berbual mesra bersama Putera Mahkota Jepun, Duli Yang Teramat Mulia Putera Naruhito sambil diperhatikan oleh Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra bersama Jose Miguel, suami kepada Presiden Republik Filipina dan Taufik Kiemas iaitu suami Presiden Republik Indonesia (gambar atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berbual mesra bersama Putera Mahkota Jepun, Duli Yang Teramat Mulia Putera Naruhito.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani dan Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar.

Tetamu-tetamu khas baginda termasuklah Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo dan suami, Jose Miguel; Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Sukarnoputri dan suami, Taufik Kiemas; Putera Mahkota Jepun, Duli yang Teramat Mulia Putera Naruhito; Duli Yang Teramat Mulia Putera Richard, The Duke of Gloucester, United Kingdom; Duli Yang Teramat Mulia Putera Saud bin Abdul Moksir bin Abdul Aziz Al Saud, Gubernur Hil of Arab Saudi; Duli Yang Teramat Mulia Putera Bandar bin Sultan bin Abdul Aziz Saud, Duta Besar Arab Saudi ke Amerika Syarikat; Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datin; Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri; Menteri Kanan Republik Singapura, TYT Goh Chok Tong dan isteri;



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana diiringi oleh Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo dan Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Sukarnoputri.



Menteri Mentor Republik Singapura, TYT Lee Kuan Yew dan isteri serta tetamu-tetamu khas yang lain.

Sejurus selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta tetamu-tetamu khas baginda be-

rangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra bersama Duli Yang Teramat Mulia Putera Richard, The Duke of Gloucester, United Kingdom.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew.

Rencana ...

PENGENALAN

ALLAH Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 22 yang tafsirnya: "Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadkan sekutu-sekutu bagi Allah, pada hal kamu mengetahuinya."

Dalam Surah Al-Mu'minuun ayat 18 Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya: "Kami turunkan air dari langit dengan kadar yang tetap. Selepas itu kami simpankannya pula di dalam bumi dan kami mampu mengubah jumlahnya dari semasa ke semasa."

Firman-firman Allah Subhanahu Wataala yang dinyatakan di atas adalah untuk renungan kita semua dan bagi membolehkan kita berfikir mengenai kekuasaan Allah Subhanahu Wataala terhadap makhluk-Nya. Justeru itu manusia hanya merancang pelbagai strategi perlaksanaan bagi

kemajuan, pembangunan, penggunaan di atas muka bumi ini tetapi Allah Subhanahu Wataala jua yang menentukannya.

Air adalah salah satu keperluan yang amat penting dalam kehidupan makhluk (termasuklah manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan) di atas dan di dalam bumi ini. Tanpa air sebahagian besar kehidupan makhluk akan mati contohnya ikan yang hidup dalam air, manusia juga akan mati tanpa air, begitu juga dengan tumbuh-tumbuhan akan mati tanpa air. Justeru itu air amat penting dalam kehidupan.

Air ada di mana-mana di tasik, di laut, di lautan, di dalam bumi, di sungai, dalam rumah, dalam tubuh makhluk (manusia, binatang, dan tumbuh-tumbuhan), di hutan be-

AIR DAN BENCANA

OLEH HAJI SULAIMAN
BIN HAJI DURAMAN

jadikan setiap benda hidup itu daripada air."

PENGUNAAN AIR

Akan berkurangkah air? Allah Subhanahu Wataala telah pun menentukan kadar dan simpanan air di dalam, di atas dan di udara bumi yang manusia tidak dapat menjangkanya. Bagaimanapun dalam hal ini ada terdapat perbezaan air yang diperuntukkan dan disimpan oleh manusia. Manusia mestilah berhati-hati dalam penggunaan atau pemakaian air kerana jika air habis manusia akan mendapat kesusahan yang boleh membawa kematian. Dalam zaman sekarang ini kerajaan atau negara di dunia telah pun membuat beberapa buah empangan bagi menyimpan air

supaya jangan sampai kekurangan atau kehabisan air. Ini bermakna keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk diberi keutamaan, bagi menjamin supaya mereka hidup sihat, bahagia dan makmur dengan menyediakan bekalan air.

Pemberigian kepada pengguna-pengguna air supaya sentiasa berjimat atau sederhana dalam pemakaian air adalah amat mustahak kerana pengguna-pengguna sering lupa dan tidak tahu betapa perlunya mereka memberikan kerjasama dalam menjaga dan mengawal penggunaan air jangan sampai ke tahap pembaziran. Berhubung dengan peringatan atau pemberitahuan kepada pengguna oleh pihak yang berkenaan, Allah

UNTUK mengelakkan bencana akibat air, pihak-pihak berkenaan sudah semestinya akan sentiasa memantau membuat penyelidikan dari masa ke semasa seperti pengaliran yang betul, kebersihan, kecukupan, kebocoran dan sebagainya. Pemantauan terhadap air itu adalah bagi menjamin keselamatan pengguna khususnya makhluk (manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan) Allah Subhanahu Wataala.

Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Ashr yang tafsirnya: "Demi masa! Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat-menasihati supaya menaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menetapi kebenaran."

BENCANA AIR

Sesungguhnya air dari langit dijadikan dan diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala adalah dalam keadaan suci dan bersih, selamat diminum di mana sahaja kita berjumpa air. Hanya perbuatan manusia yang menyebabkan kehancuran dan kemusnahan atau berlakunya pencemaran yang membawa kerosakan serta keracunan dalam air, mengakibatkan air tidak selamat untuk diminum dan digunakan. Ini jelas dalam firman Allah Subhanahu Wataala Surah Ar-Ruum ayat 41 yang tafsirnya: "Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)."

Oleh kerana perkembangan dan kemajuan pembangunan keperluan manusia sejagat dalam penempatan, perindustrian dan sebagainya. Manusia sering lupa terhadap kepentingan keselamatan di pihak yang lain lalu terjadi pengabaian yang boleh membawa akibat bencana sebagai contoh air. Penimbunan atau

penambahan, peruntukan tanah tanpa membuat saliran bagi pengaliran air boleh menyebabkan berlaku banjir yang akan membawa maut dan kemusnahan serta kerugian yang besar kepada manusia lain. Kesan terjadinya malapetaka ini juga boleh mengakibatkan air menjadi racun disebabkan pencemaran, kerana bangkai manusia atau binatang, kotoran-kotoran alam sekitar dan sebagainya.

Untuk mengelakkan bencana akibat air, pihak-pihak berkenaan sudah semestinya akan sentiasa memantau membuat penyelidikan dari masa ke semasa seperti pengaliran yang betul, kebersihan, kecukupan, kebocoran, dan sebagainya. Pemantauan terhadap air adalah bagi menjamin keselamatan pengguna khususnya makhluk (manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan) Allah Subhanahu Wataala.

KESIMPULAN

Kepentingan air dalam kehidupan makhluk (manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan) Allah Subhanahu Wataala sudah jelas dan nyata. Tanpa air kita akan menuju kematian. Air juga akan membawa padah yang boleh memusnahkan, menghancurkan, keruntuhan yang merugikan dalam kehidupan makhluk jika tidak diawasi atau dijaga. Justeru itu manusia mestilah berhati-hati, berwaspada dan mensyukuri nikmat pemberian Allah Subhanahu Wataala dengan penggunaan dan pemakaian yang bijaksana. Jauhkan diri daripada bersikap membazir.

AIR adalah salah satu keperluan yang amat penting dalam kehidupan makhluk (termasuklah manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan) di atas dan di dalam bumi ini. Tanpa air sebahagian besar kehidupan makhluk akan mati contohnya ikan yang hidup dalam air, manusia juga akan mati tanpa air, begitu juga dengan tumbuh-tumbuhan akan mati tanpa air.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail melancarkan cakera padat bagi album 'Semarak Kasih' sempena Istiadat Perkahwinan Diraja (kiri), sementara gambar kanan, antara cakera padat yang diusahakan bersama oleh Gedung Perniagaan Hua Ho dan Syarikat Interhouse. - Gambar oleh Halim HS.



Cakera padat 'Semarak Kasih' dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Majlis Penghargaan dan Pelancaran Lagu-lagu Khas dalam bentuk cakera padat sempena Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku

Oleh
Siti Aishah HS

Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman telah diadakan di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB) dekat ibu negara di sini.

Lagu-lagu sempena Istiadat Perkahwinan Diraja berkenaan telah disiarkan di radio dan televisyen bermula setelah Istiadat Membuka Gendang Jaga-jaga pada 26

Ogos lalu. Cakera padat berkenaan mengandungi enam buah lagu ciptaan tempatan, diusahakan dan diterbitkan oleh RTB di bawah Jawatankuasa Penerangan dan Perhubungan, Istiadat Perkahwinan Diraja.

Penerbitan cakera padat bagi album 'Semarak Kasih' ini juga diusahakan bersama oleh Gedung Perniagaan Hua Ho dan Syarikat Interhouse yang membekalkan cakera padat

manakala Prosessta Printing & Trading Company pula sebagai pencetak label dan kulit hiasan cakera padat tersebut.

Sehubungan dengan itu, RTB selaku pihak media elektronik, turut mengusahakan penerbitan rancangan-rancangan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja yang disiarkan melalui radio dan televisyen, di antaranya berbentuk dokumentari, promo dan segmen khas

dalam siaran berita. Sementara bahan-bahan Istiadat Perkahwinan Diraja boleh juga dilayari melalui laman web khas www.royalwedding.bn.

Hadir melancarkan cakera padat lagu-lagu khas dan menyampaikan siji di majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail selaku tetamu kehormat majlis.

ARENA SUKAN

Pemain-pemain handalan Asia berentap

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 10 September. - Kejohanan Piala Jemputan Pool 9 Bola Brunei mula berentap hari ini bagi mengejar sang juara di kejohanan yang julung-julung kali diadakan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Kejohanan selama empat hari yang menawarkan hadiah sebanyak US\$10 ribu kepada juara mendapat perhatian dari pemain-pemain Asia yang pernah menyandang gelaran dunia, serantau dan antarabangsa.

Berangkat merasmikan dan seterusnya menyaksikan kejohanan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah telah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain beserta ahli-ahli jawatankuasa penganjur kejohanan.

Sebelum kejohanan bermula, Yang Teramat Mulia telah diperkenalkan dan seterusnya bersalaman bersama kesemua peserta termasuk pegawai-pegawai kejohanan.

Terdahulu dari itu dalam sembah alu-aluan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik merasmikan Kejohanan Piala Jemputan Pool 9 Bola di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, kejohanan serantau itu bukan saja untuk menggalakkan hubungan yang baik antara para pemain tetapi juga sebagai landasan bagi pemain-pemain negara untuk memaksimumkan potensi masing-masing, di samping menjadikannya sebagai kejohanan yang bermakna untuk mencapai kecemerlangan.

Dalam kejohanan ini Republik Filipina telah menghantar empat orang pemain yang kesemuanya mempunyai pengalaman luas dalam kejohanan seperti ini, di samping mempunyai kedudukan dalam carta dunia.

Manakala China Taiwan yang dijangka membawa saingan hebat juga mempertaruhkan empat orang pemain yang sememangnya kehebatan mereka terserlah dalam pelbagai kejuaraan Asia, di

samping pernah menakluki kejuaraan dunia.

Juga menyertai kejohanan ialah Republik Korea, dengan menurunkan tiga pemain, Thailand dua pemain, Republik Singapura tiga pemain, India dua pemain, Malaysia empat pemain, Republik Indonesia dua pemain, Jepun dua pemain termasuk pemain utamanya, Hong Kong seorang dan lima pemain bagi tuan rumah.

PARA peserta dari negara-negara Asia yang menyertai kejohanan dari 10 hingga 13 September 2004 diperkenalkan sejujur selepas upacara pembukaan rasmi. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

M. JUNARTO RANGKUL JUARA

BERAKAS, 12 September. - Mohammad Junarto dari Republik Indonesia muncul sebagai juara di Kejohanan Piala Jemputan Pool 9 Bola Brunei setelah menumpaskan pencabar dari China Taiwan, Chao Fong Pang dalam perlawanan akhir di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Mohammad Junarto yang bermain konsisten sejak awal perlawanan tumpak yakin kemenangan akan menjadi miliknya apabila meninggalkan lawan yang sekuat tenaga dengan lima frame berbalas dua sebelum Chao Fong Pang mengambil masa untuk berehat sebentar.

Namun Chao Fong Pang berjaya mengikat Mohammad Junarto di frame ke sepuluh ketika kedudukan terikat lima frame setelah Mohammad Junarto gagal memasukkan bola ke 8 yang sekali gus memberi peluang kepada lawannya untuk menyempurnakan frame tersebut.

Mohammad Junarto yang merupakan pemenang pingat emas dua musim berturut-turut di Kejohanan Sukan SEA yang lalu mengambil masa kira-kira dua jam untuk menewaskan bekas pemenang kejuaraan dunia tahun 2000 dan 1993 dengan kedudukan 13 frame berbalas 7.

Wakil Republik Indonesia ini merupakan antara pemain pilihan untuk menjuarai kejo-

Oleh
Abu Bakar HAR

hanan ini pada peringkat awalnya telah berjaya menyingkirkan pemain Republik Singapura dengan kiraan 9 frame berbalas 3 diikuti dengan penyingkiran pemain China Taiwan dengan kiraan 9 frame berbalas 5 dan Kunihiko Takahashi dari Jepun di Peringkat separuh akhir dengan kiraan 11 frame 2.

Namun pujian harus diberikan kepada wakil negara, Randy Wong sekalipun gagal melangkah ke pusingan separuh akhir setelah tersekat oleh Muhammad Junarto di peringkat suku akhir dengan kiraan 9 - 4, namun kepayaan beliau menyanyi pemain-pemain yang bertaraf antarabangsa jelas terbukti setelah mampu menumbangkan dua pemain dari Republik Korea dan pemain pilihan Thailand di pusingan awal.

Chao Fong Pang yang juga mempunyai rekod cemerlang dalam kejohanan Asian menemui tentangan yang mencabar seawal kejohanan ini bermula apabila saingan sengit tersebut diberikan oleh wakil tuan rumah, Lim Tat Hwe di pembukaan perlawanan dengan kemenangan tipis 9 frame berbalas 7 diikuti dengan keputusan yang sama dengan peserta Republik Korea.

Namun tekanan yang dianggapnya lebih perih di suku akhir untuk berhadapan dengan wakil dari



JUARA ... Mohammad Junarto menewaskan Chao Fong Pang pada perlawanan akhir dengan kedudukan 13 - 7. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Republik Filipina yang juga salah seorang 'favourite' di kejohanan ini Marlon Reyes Manalo yang merupakan juara Snooker Asian 2000 dan pemenang pingat perak dikejohanan dunia 2001, sebaliknya dengan mudah disingkirkan dan kejayaan ini diulanginya kembali setelah berjaya menyingkirkan pemain pilihan utama Jepun, Hisashi Yamamoto di peringkat separuh akhir dengan kiraan 1 frame berbalas 5.

Bagi pemain-pemain tempatan kejohanan seperti ini merupakan suatu kesempatan untuk beraksi bersama pemain-pemain senior, di samping menambah pengetahuan dan pengalaman untuk berbanding bersama-sama mereka yang bertaraf antarabangsa dan dunia.

Perkara ini jelas diakui oleh jurulatih tempatan, Awang Mohamad bin

Hassim apabila diminta mengulas mengenai kejohanan tiga hari tersebut.

Katanya, kejohanan ini merupakan batu loncatan bagi pemain-pemain muda negara memperoleh pengalaman dan memberi saingan kepada pemain-pemain bertaraf dunia sambil mempelajari pengetahuan dan teknik-teknik, di samping merupakan satu pendedahan.

Malah menurut beliau lagi, peserta-peserta negara sekalipun tewas untuk layak ke peringkat separuh akhir, namun mereka harus diberi pujian kerana telah mempamerkan mutu permainan yang sangat membanggakan.

"Sekalipun tewas namun pemain-pemain kita mampu memberi saingan kepada pemain-pemain senior malah yang bertaraf dunia," tegas Awang Mohamad.



TERSEKAT di suku akhir peserta negara Randy Wong bermain cemerlang hingga melangkah ke suku akhir selepas menundukkan peserta Republik Korea dan Thailand. - Gambar oleh Abu Bakar HAR.

R. Wong tersekat di suku akhir

Oleh
Hj. Ahat HI

R. Wong pula memenangi dua permainan menjadikan 7 - 4.

Selepas itu M. Junarto pula menguasai dua frame terakhir untuk mengenyipkan R. Wong dengan 9 - 4.

Terdahulu pada pusingan awal pada 10 September lalu, R. Wong berjaya menundukkan pemain Korea, Park Shin Young 9 - 8 dan pada perlawanan selanjutnya pula menumpaskan pemain Thailand, Chachwan Rupahe 9 - 7.

Selain R. Wong, Haji Kamarul Zaman juga mempamerkan permainan yang baik selepas melepasi pusingan awal dengan menundukkan peserta Hongkong, Au Sin Wai 9 - 8.

Bagaimanapun kegaraan beliau tersekat di pusingan kedua dengan mengalami kekalahan tipis kepada pemain nombor satu Jepun, Hisashi Yamamoto 8 - 9.

Sementara itu Lim Tat Hwe pula terkandas di pusingan awal kepada juara dunia dua kali, Chao Fong Pang dari China Taiwan 7 - 9. Meskipun tewas, Lim Tat Hwe telah memberikan saingan sengit kepada pemain itu dengan mendahului 6 - 3 sebelum tewas pada kedudukan 7 - 9.

Dua lagi peserta tuan rumah, Teo Chee Soon dan Abdul Rahim Haji Mohiddin juga kecundang di pusingan awal. Teo Chee Soon, tumpas kepada peserta India, Manan Chandra 2 - 9, manakala Abdul Rahim Haji Mohiddin tewas kepada peserta Republik Korea, Choi Sung Wook 4 - 9.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para pembesar negara sejour keberangkatan tiba ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para pembesar negara sejour sebelum berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia.

Kebawah DYMM berangkat ke Kuala Lumpur

BERAKAS, 14 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kuala Lumpur menghadiri Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Brunei Darussalam - Malaysia yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir.

Tahun lalu mesyuarat tersebut telah diadakan di negara ini dengan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Oleh
Abdullah Asgar

Malaysia.

Sebelum berangkat menaiki pesawat terbang khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyebarkan selamat belayar termasuk Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Masjid perlu ada jadual tetap

BERAKAS, 14 September. - Sudah sampai masanya masjid-masjid mempunyai jadual tetap masing-masing yang memperuntukkan bagi pengajaran atau ceramah-ceramah diadakan lima kali dalam seminggu.

Hari pertama mengajar atau berceramah mengenai Sejarah, hari kedua mengenai Fikah, hari ketiga mengenai Tauhid dan seterusnya, manakala seperti biasa pada bila-bila masa bolehlah mengadakan majlis-majlis berbentuk umum yang tidak terikat kepada jadual.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

Oleh
Sahari Akim

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut ketika bertitah di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1425 Hijrah/2004 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Beta sedia memahami, untuk menjalankan rancangan ini adalah memerlukan tenaga-tenaga yang berkecayaan. Maka ke arah itu, pihak yang berkaitan sepatutnya sudah awal merancang untuk setiap masjid itu ada mempunyai pegawai-pegawai berijazah dan yang seeloknya jika boleh ijazah

aliran Arab, untuk membantu menjayakan program seperti itu," titah baginda.

Baginda melahirkan rasa optimis bahawa jika rancangan seumpama itu dilaksanakan, ia merupakan satu langkah maju ke hadapan untuk pentakmiran masjid sekali gus menjadi pelengkap kepada masyarakat Muslimin di bidang fardu ain dan fardu kifayah.

Baginda seterusnya bertitah, maka berasaskan itulah juga Penganugerahan Takmir Masjid bersempena Sambutan Israk dan Mikraj adalah wajar sebagai perangsang ke arah mengutamakan masjid sama ada dari segi kehadiran mahupun peme-

liharaannya.

Baginda juga bertitah agar semua kegiatan yang merujuk kepada pemakmuran masjid hendaklah disusun dan dipertingkatkan terus supaya kehebatannya menyerlah dan cahayanya tetap bersinar, manakala fungsi serta peranannya juga diperluaskan dengan pelbagai aktiviti keagamaan dan ke masyarakatan.

Salah satu peranan yang patut diisikan di masjid-masjid, titah baginda, ialah menyebarkan ilmu pengetahuan dan memberikan khidmat bakti berupa nasihat-nasihat kepada masyarakat.

Penyebaran ilmu dan khidmat nasihat yang dimaksudkan itu bukanlah setakat sekali-sekala apabila ada masa lapang sahaja kerana cara begitu tentunya kurang berkesan atau tidak berkesan langsung.

"Kita perlu memikirkan cara lain. Pada hemat beta, sudah sampai masanya masjid-masjid mempunyai jadual-jadual tetapnya masing-masing. Misalnya, pengajaran atau ceramah akan diadakan lima kali dalam seminggu," titah baginda.

Pada majlis itu baginda juga merakamkan ucapan tahniah kepada semua Jawatankuasa Takmir Masjid yang berjaya dalam apa juga kategori yang dipertandingkan dan berharap Jawatankuasa Takmir Masjid yang lain akan memperolehi kejayaan di masa hadapan.



PENGANTIN Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa bersanding di Majlis Istiadat Pengantin Diraja Mueh Tiga Hari di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. (Berita lanjut muka 3).



MAJLIS Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-jaga di Istana Nurul Iman disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

مسجد واده ككواتن اومه MASJID WADAH KEKUATAN UMMAH

دتریتکن اوله جیانتن شرانغن، جیانتن فردان منتري دان دجهتن اوله جیانتن فرجهتقن کرلجان، جیانتن فردان منتري، نکارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kesenian, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

EDISI KHAS

Pelita قلپتا بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



EDISI KHAS SEMPENA
ISTIADAT PERKAHWINAN
DIRAJA DI ANTARA DULI
YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN
MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI
AL-MUHTADEE BILLAH
DENGAN YANG TERAMAT
MULIA PADUKA SERI
PENGIRAN ANAK ISTERI
PENGIRAN ANAK SARAH
BINTI PENGIRAN SALLEH
AB. RAHAMAN

RABU 15 SEPTEMBER 2004/1425 رابو 30 رجب

PERCUMA




ISTIADAT Bersanding Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

MAJLIS ISTIADAT BERSANDING PENUH GEMILANG, BERISTIADAT



MEMPELAI Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bergambar kenangan bersama ayahanda dan bonda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman dan Dayang Rinawati.

PASANGAN Pengantin Diraja ketika bersanding di Balai Singgahsana Indera Buana (kanan).



DYTM dan YTM ketika berangkat masuk ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja.



DAYANG-DAYANG yang membawa Alat-alat Kebesaran Diraja semasa Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika menyebarkan pengumuman gelaran kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana (atas).

MEMPELAI Diraja ketika berada di Balai Penghadapan sejurus sebelum diarak (atas kanan).

GILANG-GEMILANG... Suasana gilang-gemilang di Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja (kanan).

MEMPELAI Diraja ketika menerima junjung ziarah pembesar-pembesar negara sejurus berangkat tiba di Istana Nurul Iman selepas diarak mengelilingi ibu negara (bawah dan bawah kanan).



TETAMU-TETAMU LUAR NEGARA MERIAHKAN ISTIADAT BERSANDING



Oleh Aliddin Hj. Moktal
Gambar-gambar oleh
Jurugambar
Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September. - Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah dilangsungkan dengan penuh adat istiadat yang menjadi warisan turun-temurun dan merupakan lambang keagungan kehidupan beradat istiadat yang kita miliki di negara ini.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja yang penuh adat istiadat dan gilang-gemilang itu bukan sahaja disaksikan oleh seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, tetapi juga oleh para jemputan khas dan tetamu negara dari luar negara

Lihat muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta kerabat-kerabat diraja bersama-sama dengan tetamu-tetamu khas luar negara ketika berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja (atas dan atas kanan).



TETAMU-TETAMU khas luar negara yang menghadiri Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana (atas kanan, atas kanan sekali, kanan, kanan sekali, bawah dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Waj-Waqar Pengiran Muda Mohamad Bolikiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, DYTM Paduka Seri Pengiran Benda-hara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufr Bolikiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah ketika berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja (kiri dan kanan).



Dari muka 4

yang diundang khas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Antara tetamu khas luar negara berserta isteri masing-masing yang diundang khas sempena Istiadat Perkahwinan Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Jepun Putera Naruhito, Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal Arroyo dan suami; Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Presiden Megawati Soekarnoputri dan suami; Duli Yang Teramat Mulia Putera Richard, The Duke of Gloucester United Kingdom; Duli Yang Teramat Mulia Putera Saud bin Abdul Muhsen bin Abdulaziz Al-Saud, Governor of Hail, Kingdom of Saudi Arabia; Duli Yang Teramat Mulia Putera Bandar bin Sultan bin Abdulaziz Al-Saud, Duta Besar Kerajaan Arab Saudi ke Amerika Syarikat; Timbalan Perdana Menteri dan Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Suwat Lipto-

panlip, wakil Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri Thailand; Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan isteri; Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri.

Juga dijemput khas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan isteri; Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong dan isteri; Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, Menteri Mentor Republik Singapura dan isteri; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Seri (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri serta Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Musa Haji Aman dan isteri.

Kesempatan tetamu-tetamu khas negara untuk menyaksikan Istiadat Perkahwinan Diraja yang penuh dengan Adat Istiadat Diraja, di samping dapat menyaksikan dan menatap wajah pasangan Pengantin Diraja yang bagaikan pinang dibelah dua itu juga diarak mengelilingi ibu kota, di mana ribuan rakyat dan penduduk negara ini serta para pelancong dan warga asing yang berada di

negara ini berbaris di tepi-tepi jalan untuk menyaksikan secara lebih dekat lagi Pengantin Diraja dan juga sama-sama turut serta memeriahkan lagi suasana perarakan Pengantin Diraja dan peristiwa ini juga menjadi satu catatan sejarah gemilang yang sudah pasti akan menjadi satu ris-taan zaman-berzaman.

Kesannya akan tetap menjadi bahan sejarah yang amat berharga dalam lipatan kehidupan negara ini yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Suasana dan Istiadat Perkahwinan Diraja merupakan peluang yang amat berharga bagi generasi hari ini dan yang akan datang untuk memahami akan istiadat yang terdapat dalam Sistem Pemerintahan Beraja dan Kesultanan Brunei Darussalam yang kita miliki.

Adat Istiadat Perkahwinan Diraja antara mempelai diraja tersebut bersendikan adat istiadat yang mengambil kira akan kesempurnaan menurut kehendak beragama iaitu agama Islam yang menjadi agama rasmi negara kita. Falsafah MIB yang kita amalkan benar-benar terserlah dalam ruang lingkup setiap majlis istiadat yang berjalan sepanjang Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja ini.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolikiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolikiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolikiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalithum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani dan Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain (atas, bawah, bawah sekali kiri, tengah dan kanan).



ISTIADAT MENGARAK PENGANTIN DIRAJA MERIAH

Oleh
Haji Timbang
Bakar dan
Siti Aishah
Haji Selamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September. - Sebaik-baik sahaja Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja sempurna dilangsungkan di hadapan ribuan tetamu negara, pembesar-pembesar negara dan jemputan-jemputan khas yang berada di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, malahan juga istiadat gilang-gemilang itu turut disaksikan oleh masyarakat antarabangsa melalui siaran langsung televisyen ke seluruh dunia, kemudian kedua-dua mempelai diraja diarak dengan kenderaan khas dalam Istiadat Mengarak Pengantin Diraja dari Istana Nurul Iman mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta ahli-ahli kerabat diraja juga berangkat menyertai perarakan besar-besaran itu. Ini menyemarakkan lagi suasana perarakan tersebut.

Sepanjang perarakan kedua-dua mempelai diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah begitu ceria sambil melambai-lambaikan tangan dan mengurniakan senyuman kepada ribuan rakyat dan orang ramai termasuk pelancong luar negeri yang membanjiri ibu negara sejak awal pagi lagi untuk mengalu-alukan dan menatap secara dekat wajah pasangan mempelai diraja.

Hujan lebat yang turun sepanjang perarakan tersebut bukan



KENDERAAN khas yang membawa pasangan Pengantin Diraja ketika bertolak dari Istana Nurul Iman untuk diarak mengelilingi Bandar Seri Begawan.

sahaja membasahi orang ramai yang bersekesak-sesak di sepanjang jalan-jalan utama yang dilalui oleh perarakan mempelai diraja, bahkan juga kedua-dua mempelai diraja kerana kenaikan khas mempelai diraja itu direka dengan konsep terbuka untuk memudahkan orang ramai menatap ketampanan dan kejelitaan wajah mempelai diraja yang menjadi kesayangan mereka.

Meskipun ada pilihan untuk berteduh daripada hujan, namun kelihatannya kedua-dua mempelai diraja tetap selesa melayani orang ramai dengan lambaian mesra dan senyuman manis. Kemesteraan pasangan mempelai diraja seolah-olah hadiah yang tidak ternilai bagi rakyat dan orang ramai sehingga mereka nampak puas dan sangat gembira, justeru hujan lebat itu bagi mereka seolah-olah irama dan lagu yang turut memeriahkan suasana.

Fenomena itu sekaligus menggambarkan sikap mesra dan pemudulan pasangan mempelai diraja yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Di pihak rakyat pula semangat ke-





Istiadat Perarakan Pengantin Diraja penuh adat istiadat

RAKYAT BERGEMBIRA MERIAHKAN PERARAKAN PENGANTIN DIRAJA

Oleh Haji Timbang Bakar
dan Siti Aishah Haji Selamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September. - Ribuan rakyat dan penduduk negara ini serta para pelancong yang membanjiri Bandar Seri Begawan sejak dari awal pagi lagi akhirnya mendapat kepuasan apabila penantian mereka untuk menatap secara dekat wajah mempelai diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah terkabul.

Terbayang di wajah mereka masing-masing kepuasan dan kegembiraan sebaik-baik sahaja kenderaan khas yang membawa mempelai diraja yang cantik dan rupawan itu lalu di hadapan mereka dalam Istiadat Mengarak Pengantin Diraja mengelilingi Bandar Seri Begawan selepas Istiadat Bersanding disempurnakan di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Istiadat perarakan merupakan kemuncak kepada istiadat-istiadat dan perayaan-perayaan yang sudah berjalan sejak dua minggu bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-

Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman.

Hujan lebat yang turun sejak perarakan tersebut bermula tidak melunturkan semangat rakyat dan orang ramai, bahkan mereka tetap berdiri melambai-lambai tangan sambil menyebarkan ucapan 'Allah Selamatkan Pengantin Diraja'. Manakala penuntut-penuntut sekolah yang berjumlah sekitar 20 ribu orang berbaris di kiri kanan jalan bermula dari simpang Istana Nurul Iman hingga ke Bandar Seri Begawan melambai bendera khas mempelai diraja, sementara persembahan kebudayaan rakyat keempat-empat daerah negara ini juga diadakan di sepanjang jalan-jalan utama yang dilalui oleh perarakan bersejarah itu.

Mempelai diraja yang nampak sungguh ceria dan gembira di dalam kereta Roll Royce yang direka menjadi Kenderaan Khas Pengantin Diraja dengan Perhiasan Kebesaran Diraja melambai-lambai tangan dan mengurniakan senyuman menawan ke-



PASANGAN Pengantin Diraja diarak mengelilingi ibu negara, Bandar Seri Begawan.

pada orang ramai.

Hujan lebat juga membasahi mempelai diraja di dalam kenderaan khas yang terbuka itu, namun demi rakyat dan orang ramai yang terus memberikan sambutan meriah, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia terus berada di dalam kenderaan berkenaan bersama rakyat menempuh hujan lebat walaupun kenderaan lain disediakan untuk mempelai berteduh daripada hujan.

Sikap yang ditunjukkan oleh pasangan mempelai diraja sangat mengagumkan dan ini

menguatkan lagi semangat orang ramai untuk terus memeriahkan suasananya. Inilah gambaran cinta dan pemedulian mempelai diraja terhadap rakyat yang dikasihi. Demikian juga rakyat, kesempatan ini paling berharga bagi mereka dan peluang keemasan untuk memamerkan ketaatan, kecintaan orang Brunei kepada raja, kerabat diraja dan negaranya.

Istiadat Mengarak Pengantin Diraja turut disemarakkan lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain dan tetamu-tetamu negara dari negara-negara sahabat yang diiringi oleh Alat-alat Kebesaran Diraja.

Bersempena perayaan bagi Istiadat Perkahwinan Diraja bagi putera sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Bandar Seri Begawan bermandikan cahaya di waktu malam dan

bertambah ceria di waktu siang dengan pintu-pintu gerbang rakasa yang dibina di beberapa batang jalan raya, bangunan-bangunan dihiasi indah, gambar wajah kedua-dua mempelai diraja terpampang di sana sini.

Istiadat Perkahwinan Diraja turut mendapat perhatian dunia melalui siaran-siaran langsung oleh Radio Televisyen Brunei dan stesen-stesen televisyen terkemuka dunia seperti CNN serta BBC dan liputan oleh beberapa buah stesen televisyen terkemuka yang lain. Hampir 200 wartawan dan

jurugambar-jurugambar dari pelbagai organisasi media dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Eropah, Jepun, Arab Saudi, Korea, Australia dan negara-negara jiran rantau ini berada di negara ini untuk membuat liputan istiadat tersebut.

Ini bermakna sekali lagi Negara Brunei Darussalam turut 'mewajahi' dunia dengan mempersembahkan kemegahan Istiadat Perkahwinan Diraja yang penuh dengan keunikan warisan turun-temurun yang tidak lekang dek panas dan tidak reput dek hujan.



MEMPELAI Diraja ketika berangkat untuk diarak sejurus selepas Istiadat Bersanding Diraja di Istana Nurul Iman.



KENDERAAN khas yang membawa pasangan mempelai diraja berarak mengelilingi ibu negara.



PENGANTIN Diraja ketika berangkat turun sejurus selepas Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja.

Dari muka 6

taatan kepada raja, kesetiaan kepada negara dan kecintaan kepada budaya bangsa begitu menyerlah. Apatah lagi ini merupakan istiadat gilang gemilang yang penuh Adat Istiadat Diraja dan keunikannya budaya Melayu yang jarang didapati, maka kesempatan ini mereka gunakan sepenuhnya.

Semasa memulakan perarakan di perkarangan Istana Nurul Iman, kedua-dua mempelai diraja dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila

Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin untuk berangkat ke kenderaan khas yang begitu indah dihias dengan perhiasan kebesaran diraja bagi diarak mengelilingi Bandar Seri Begawan melalui Jalan Tutong menuju ke Jalan Sultan yang kemudiannya melalui Jalan McArthur hingga ke penghujung Jalan Stoney dan balik semula ke Jalan Tutong.

Istiadat Mengarak Pengantin Diraja didahului oleh Pasukan Panca-ragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Panca-ragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB),



MEMPELAI Diraja ketika berangkat dari Istana Nurul Iman untuk diarak mengelilingi ibu negara.



GILANG-GEMILANG ... Alat-alat Kebesaran Diraja mengiringi perarakan Pengantin Diraja mengelilingi ibu negara.

dilikuti oleh Awang-awang yang membawa Alat-alat Kebesaran Diraja iaitu Sinipit, Cangkah, Dian Tunggal, Dian Pengantin (Dian Bunga) Lapan, dua orang kanak-kanak Pahawai Lelaki dan dua orang Perwira.

Selepas kenderaan Kenaikan Khas Pengantin Diraja, beberapa bawahan peralatan kebesaran diraja juga dibawa bersama seperti 16 Awang-awang membawa dian, 16 Dayang-dayang membawa dian, 16 Pedang, 16 Tombak, 8 Kabok dan Panastan dan diiringi oleh Gendang Arak-arakan Diraja.

Di sepanjang jalan perarakan, selain orang ramai dan rakyat jelata mengalu-alukan keberangkatan mempelai diraja dan menyebarkan ucapan 'Allah Selamatkan Pengantin Diraja' sambil melambai-lambakan tangan, disertai juga oleh kira-kira 20 ribu penuntut sekolah yang mengibarkan bendera khas mempelai diraja. Suasana itu dimeriahkan lagi dengan persembahan-persembahan kebudayaan oleh wakil penduduk dari keempat-empat daerah serta persembahan-persembahan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Penjara.

Persembahan kebudayaan yang mengambil tempat ialah muzik gulingtangan, hadrah, tarian-tarian tradisi yang lemah gemalai, disertai dengan qasidah, syair, dikir dan selawat yang telah disusun oleh Jawatankuasa Persembahan Kebudayaan Istiadat Perkahwinan Diraja di 15 buah kem sepanjang laluan perarakan berkenaan.



SENYUM GEMBIRA ... Mempelai Diraja tersenyum riang sambil melambai tangan kepada orang ramai yang sama-sama memeriahkan perarakan Pengantin Diraja.

Berangkat sama ke Istiadat Mengarak Pengantin Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat menyertai perarakan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Juga berangkat dan mengiringi perarakan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria Empat, Cheteria-cheteria Lapan, Cheteria-cheteria Enam Belas dan Cheteria-Cheteria Tiga Puluh Dua serta Menteri-menteri Kabinet dan lain-lain pembesar negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bergambar kenangan bersama ayahanda dan bonda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (kiri).

DYTM dan YTM sejeurus selepas berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (atas).



DYTM dan YTM semasa mengalu-alukan tetamu-tetamu luar negara yang menghadiri Majlis Persantapan Diraja sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA



BAGINDA bersama Raja-raja Melayu ketika berangkat ke Majlis Persantapan Diraja.

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 September.-Majlis Persantapan Diraja sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman berlangsung dalam suasana meriah dihadiri oleh tetamu-tetamu khas dan orang-orang kenamaan dalam dan luar negeri berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat ke majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja

**OLEH
SAHARI AKIM DAN
HAJI AHMAD HS
GAMBAR-GAMBAR OLEH
JURUGAMBAR JABATAN
PENERANGAN**

Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Berangkat sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al Khalifa, Raja Kesultanan Bahrain; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Agong Malaysia; Tuan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal Arroyo, Presiden Republik Filipina berserta suami; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Billah Muhibbuddin Tuanku

Al-Haj Abdul Halim Shah, Yang Di-Pertuan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kedah; Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Johor Darul Takzim dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Johor; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Pahang Darul Makmur dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang; Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Perak; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra, Sultan dan Yang Di-

Lihat muka 13



BAGINDA berdua bersama Kebawah DYMM Raja Hamad, Raja Bahrain dengan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Tuanku Syed Sirajuddin dan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo serta Raja-raja Melayu (atas dan bawah).



DYTM dan YTM ketika berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (kanan).

TETAMU-TETAMU luar negara yang menghadiri Majlis Persantapan Diraja di Istana Nurul Iman (bawah kiri dan kanan).





SUASANA Majlis Persantapan Diraja Sempena Istiadat Perkahwinan Diraja (atas).

BAGINDA berbual mesra bersama Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Jepun Putera Noruhito (kiri) dan Raja-raja Melayu (kanan).



Dari muka 12

Pertuan Negeri Kelantan Darul Naim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Kelantan; Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Terengganu Darul Iman dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Terengganu; Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Duli Yang Teramat Mulia Tunku Laksamana; Pemangku Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan isteri, serta Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Jepun Putera Naruhito.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda

Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Putera Richard, The Duke of Gloucester, United Kingdom; Yang Teramat Mulia Putera Saud, Governor of Hail, Kingdom of Saudi Arabia dan Yang Teramat Mulia Putera Bandar, Duta Arab Saudi ke Amerika Syarikat.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak

Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta ahli-ahli kerabat diraja

yang lain.

Hadir sama ialah ayahanda dan bonda Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Pengiran Salleh Ab. Rahaman dan Dayang Rinawati binti Abdullah @ Suzanne Rahaman Aebly.

Juga hadir ialah Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Datin; Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Penglima Haji Ahmadshah bin Abdullah, Yang Di-Pertua Negeri Sabah dan Datin; Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohammad dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Asmah; Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong, Menteri Kanan Republik Singapura dan Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, Menteri Mentor Republik Singapura dan isteri serta jemputan-jemputan luar negara yang

lain.

Juga berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Isteri Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pihin Menteri, Menteri-menteri Pendalaman, Duta-duta Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Terdahulu sejurus sebelum Majlis Persantapan Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima mengadap para tetamu negara di ruang lain Istana Nurul Iman.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan

DYTM berbual mesra bersama Putera Mahkota Jepun (bawah).



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (kiri, atas kiri dan kanan).

MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA



BAGINDA berbual mesra bersama Kebawah DYMM Yang Di-Pertuan Agong Malaysia.

BAGINDA bersama Kebawah DYMM Raja Hamad bin Isa Al Khalifa, Raja Bahrain ketika berangkat ke Balai Persantapan (atas kanan).



KEBAWAH DYMM Raja Bahrain dan DYT menadah tangan ketika doa selamat dibacakan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Presiden Republik Filipina dan Permaisuri Raja-raja Melayu ketika berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (kanan).



KEBAWAH DYMM Raja Isteri bersama tetamu-tetamu luar negara ketika berangkat ke Majlis Persantapan Diraja.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah serta tetamu luar yang berangkat dan hadir di Majlis Persantapan Diraja (atas).

PUTERI-PUTERI Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (kiri dan kanan).

GAMBAR-GAMBAR
OLEH
JURUGAMBAR
JABATAN
PENERANGAN





BAGINDA berdua bersama Pengantin Diraja serta kerabat-kerabat diraja semasa menerima mengadap tetamu-tetamu luar yang menghadiri Majlis Persantapan Diraja (atas, kiri, kanan, bawah kiri, bawah dan bawah kanan).

GAMBAR-GAMBAR
OLEH
JURUGAMBAR
JABATAN
PENERANGAN



MENERIMA MENGADAP TETAMU LUAR



DYTM dan YTM ketika menerima mengadap Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo.



ANAKANDA-ANAKANDA baginda ketika bersalaman bersama para tetamu luar yang menghadiri Majlis Persantapan Diraja.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman mengabadikan gambar kenangan sejourus sebelum Majlis Persantapan Diraja.

انبيكا

ANEKA



BILANGAN 37 RABU 15 SEPTEMBER 2004 رابو 30 رجب 1425

PERCUMA

BERGEMERLAPAN DAN BERWARNA-WARNI



ISTANA Nurul Iman bermandikan cahaya dengan persembahan bunga api yang beraneka corak semasa Majlis Persantapan Diraja.

MENGENAL 'WARTAWAN DAN KEWARTAWANAN'

WARTAWAN merupakan nadi dalam dunia komunikasi dan media massa. Hampir semua maklumat yang disampaikan melalui penulisan untuk media cetak, elektronik atau online digarap oleh wartawan.

Kepesatan perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT) membolehkan pengaliran maklumat dalam dunia tanpa sempadan, meletakkan peranan pembekal maklumat seperti golongan wartawan semakin kritikal.

Sesungguhnya, kepesatan perkembangan media baru yang dibawa oleh internet memerlukan tenaga wartawan yang terlatih bukan sahaja dari segi teori, prinsip dan falsafah tetapi juga celik ilmu, budaya, politik dan teknologi.

FOKUS kali ini akan mengimbas serba sedikit 'wartawan dan kewartawanan' yang begitu signifikan dengan penyebaran maklumat melalui media massa. Dalam ruangan yang singkat ini, kita akan membicarakannya secara umum sahaja. Penulis juga akan mengutip perkara-perkara yang relevan dari kertas kerja Profesor Madya Dr. Faridah Ibrahim dalam Kursus/Bengkel Penulisan Kewartawanan Berkesan Anjuran bersama Jabatan Penerangan, Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia yang diadakan pada November 2001 untuk dikongsi bersama.

Dalam melaksanakan sebahagian dari 'contoh tugas kewartawanan' maka penulis akan menggunakan kaedah mengumpul, menakrif, menyunting dan menyusun maklumat dalam bentuk artikel pendek, 'secepat, sepadat dan setepat' yang mampu dari kertas kerja setebal 61 muka surat yang begitu detail dan meluas itu.

KEWARTAWANAN/ WARTAWAN

Kewartawanan merupakan satu bidang yang melibatkan kegiatan mengumpul, menakrif, menyusun maklumat, menulis, melapor, menyunting dan menyiarkan cerita-cerita me-

ngenai peristiwa melalui media cetak, media elektronik dan media online menjadi berita atau rencana yang mampu menarik perhatian serta dapat dimanfaatkan oleh khalayak media.

Sesungguhnya, wartawan memikul tanggungjawab sosial yang begitu berat. Ia disebabkan sesuatu maklumat yang disampaikan kepada masyarakat itu mampu mencorak fikiran mereka sama ada ke arah pemikiran menihak, tidak menihak atau berkecuali iaitu membentuk sama ada 'fikir positif atau negatif', di samping memaju atau memundurkan individu, masyarakat, organisasi atau negara.

Sebagai orang media, wartawan sentiasa terdedah kepada pelbagai agenda bukan sahaja agenda media tetapi juga agenda publik, agenda pemerintahan, agenda komersial bagi media swasta dan seumpamanya.

Perisian media banyak ditentukan oleh publik. Bagi media, tanpa publik pastinya media tidak akan wujud. Justeru, pemilihan dan cita rasa masyarakat umum juga perlu diambil kira oleh pengamal media.

Pada waktu yang sama, khalayak juga perlu faham dan sedar tentang cita rasa mereka yang boleh membentuk agenda media. Ertinya agenda media bukan hanya terletak di tangan pengamal media sahaja. Sehubungan dengan itu, khalayak perlu faham tentang tanggungjawab dan etika dalam media dan bukan hanya menyerahkan tanggungjawab itu semata-mata kepada pengamal atau organisasi media. Tiada cara lain, melainkan tanggungjawab utama para wartawan ialah mendidik dan memaklumkan kepada khalayak.

BERITA

Berita boleh ditakrif dari pelbagai sudut. Dari sudut penulisan, berita merupakan karangan ringkas, padat dan tepat mengenai sesuatu kejadian yang disiarkan untuk maklumat atau menghibur orang ramai.

Julian Hariss dan

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

Stanley Johnson (1965) menakrifkan berita sebagai laporan fakta dan pendapat mengenai sesuatu kejadian yang menarik minat masyarakat. Lebih ramai orang membincangkan sesuatu isu, lebih tinggilah nilai beritanya.

Dari sudut fungsional, berita merupakan maklumat terbaru yang penting dan berpotensi memberikan banyak manfaat kepada khalayak. Khalayak mendedahkan diri kepada maklumat media untuk mencari idea, membuat perbandingan pendapat dan seterusnya membantu mereka membuat keputusan, di samping ada juga maklumat yang boleh membantu mereka menyelesaikan masalah dalam hidup.

Walter Williams yang menubuhkan Sekolah Kewartawanan pertama di dunia di University Of Missouri-Colombia, Amerika Syarikat dalam tahun 1908 berpendapat (dalam Agee et al. 1983 : 24):

Walaupun bagaimana cepaknya seseorang pemberita mendapatkan maklumat dan menulis berita, ia masih dianggap tidak mempunyai kelayakan utama yang perlu bagi seseorang pemberita jika ia tidak belajar mengelaskan informasi; dan jika ia tidak belajar menapis dan mencari maklumat yang benar-benar bernilai dari sudut kewartawanan.

Seseorang wartawan yang prihatin dapat membezakan apa yang boleh dikategorikan sebagai berita atau tidak. Berita yang baik merupakan persembahan faktual mengenai sesuatu kejadian, idea atau keadaan yang membantu orang ramai menangani cabaran dalam hidup dan persekitaran mereka. Tanpa maklumat, masyarakat dan negara tidak akan dapat bergerak ke arah mencapai matlamat dan wawasan.

Walaupun fungsi asal berita untuk memaklumkan masyarakat, namun berita dianggap berbeza oleh pelbagai negara. Kebanyak-

an negara barat menganggap berita sebagai komoditi yang didagangkan sementara negara membangun menganggap berita sebagai saluran memastikan perjalanan pentadbiran negara tidak terganggu dalam usaha mencapai kemajuan, manakala negara berfahaman sosialis menganggapnya sebagai alat propaganda. Walau bagaimanapun berbeza, tanggapan terhadap berita, asas penilaian adalah sama.

PERANAN

Peranan wartawan itu pelbagai. Sebagai perantara, mereka membentuk dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat dari dunia yang penuh abstrak dan pancaroba dengan cara yang mudah difahami.

Wartawan juga berperanan sebagai pendidik. Maklumat dalam bentuk yang disebarkan oleh wartawan bukan sekadar maklumat biasa tetapi mengandungi pelbagai maklumat mengenai pelbagai subjek dari yang umum kepada yang khusus serta spesifik yang mampu meningkatkan ilmu dan membuka minda masyarakat.

Pengamal media juga merupakan pemimpin masyarakat kerana mereka boleh mewujudkan sentimen, meraih simpati dan merangsang tindakan di kalangan beribu-ribu malah berjuta-juta manusia di dunia ini.

Selain dari itu wartawan juga berperanan selaku penghibur. Maklumat yang disampaikan melalui pelbagai saluran, media dapat menghiburkan masyarakat. Berita-berita ringan dan rencana-rencana mengenai kisah hidup manusia, pemimpin negara dan masyarakat, golongan artis, jaguh negara, individu-individu yang unik dalam masyarakat dan hal-hal kemanusiaan dan keajaiban dalam dunia ini semuanya memberi inspirasi, pengajaran, pedoman dan hiburan kepada masyarakat.

Satu lagi peranan wartawan ialah sebagai pemberi khidmat. Berita dan maklumat yang disebarkan mencerminkan fikiran publik. Wartawan menjadi tumpuan publik untuk meluahkan perasaan suka dan duka, marah dan kecewa, mengongsi kepakaran, pengalaman dan ilmu, bertukar-tukar pendapat dan mengutarakan usul selain memperjuangkan hak dan banyak lagi.

PENULISAN

Akhbar menyajikan pelbagai bentuk berita demi kepelbagaian penyampaian maklumat. Berita pula ditulis dalam bentuk paling sesuai dengan kehendak ketepatan dan penjimatan masa. Selain dari itu ia juga menentang kepelbagaian teknik reka cetak, penonjolan kepentingan berita, pengadunan antara berita ringan dan berita serius, mengurangkan kekeliruan proses membaca dan tidak menjemukan pembaca. Kategori penulisan berita seperti berita semasa, siasatan dan rencana.

Penulisan berita lazimnya mengikut kaedah piramid terbalik. Tujuan utama adalah untuk menyampaikan maklumat paling penting pada 'pendahuluan atau intro' berita tersebut. Ia dikenali sebagai kronologi atau urutan masa. Cara itu paling sesuai dalam menyampaikan maklumat dengan pantas, memudahkan penyampaian berita, memudahkan proses menyunting, menjimatkan masa pengguna media, memudahkan penulisan tajuk berita oleh penyunting dan seumpamanya.

Bentuk penulisan pula diadun secara mudah dengan ayat-ayat yang ringkas, padat dan tepat. Ia membolehkan berita dibaca dengan mudah dan cepat, bergerak dari satu perenggan ke satu perenggan lain. Kita juga dapat mengagak setakat mana yang perlu kita baca. Satu idea satu ayat akan membolehkan pembaca mengenal pasti fakta-fakta utama dengan cepat. Wartawan berusaha mengadun berita secara jelas dan mudah walaupun untuk bentuk penulisan yang kompleks.

ANALISA DAN INTERPRETATIF

Penulisan yang bercorak

interpretatif muncul melalui dua bentuk dalam kewartawanan. Pertama bentuk objektif yakni takrifan daripada fakta dan data hasil kajian statistik. Kedua bentuk subjektif yakni memasukkan kepakaran dan pandangan penulis tentang sesuatu isu. Dalam hubungan ini, kedua corak adalah baik kerana ia membolehkan penampakan berita sesebuah akhbar atau siaran televisyen.

Dalam erti kata lain, pertama bentuk penulisan berita yang memasukkan fakta tanpa pandangan daripada wartawan. Kedua, penulisan rencana yang membolehkan gabungan subjektif dan objektif. Subjektif membolehkan wartawan memasukkan pandangannya yang perlu disokong dengan fakta benar.

PROFESIONALISME

Para wartawan atau pemberita merupakan sekumpulan manusia yang mempunyai budayanya yang tersendiri terutama dalam pengaliran berita. Melalui usaha gigih para wartawan, masyarakat dapat mengetahui peristiwa-peristiwa yang berlaku bukan sahaja di sekeliling mereka, malah yang berlaku di seluruh dunia.

Jika faktor kepentingan itu diambil kira, maka sudah tentu profesion ini juga meletakkan wartawan sebagai kumpulan pemerhati yang 'istimewa' dalam masyarakat yang berperanan melaporkan sesuatu aktiviti hidup manusia dan kejadian-kejadian melalui bentuk penulisan yang berstruktur dan berprinsip, ringkas, padat, tepat, jelas, benar dan objektif atau tidak berat sebelah.

Wartawan juga sering kali dianggap sebagai golongan yang memperjuangkan cita-cita dan aspirasi masyarakat atau kerajaan; golongan tertentu yang sentiasa inginkan kegemilangan dan mengajir 'glamour'.

Wartawan berpeluang berdamai dengan orang-orang kenamaan, menteri, ahli-ahli politik, bintang filem, penyanyi dan lain-lain lagi. Ada juga yang menganggap tugas sebagai wartawan sangat penting demi menegakkan kebenaran dan keadilan, justeru wartawan diberikan

penghormatan.

Sebenarnya wartawan merupakan manusia biasa yang mempunyai tanggungjawab tersendiri. Dalam konteks pekerjaan, setiap wartawan mempunyai tanggungjawab yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menghasilkan berita melalui media massa demi manfaat masyarakat.

Sarjana kewartawanan Daniel R. Williamson dalam bukunya *Newsgathering* (1979) meletakkan profesion kewartawanan sebagai istimewa. Pertama mencabar kerana penghasilan berita dalam masa terbalas, pengumpulan fakta baik secara langsung atau siasatan dengan teliti. Kedua ia menarik kerana wartawan antara orang yang awal mengetahui atau berada di tempat kejadian. Ketiga, kerjaya tersebut bercorak perkhidmatan kepada masyarakat. Keempat, meletakkan golongan wartawan sebagai 'orang yang serba tahu' dan Kelima membolehkan wartawan berdamai dengan 'orang penting'.

Wartawan tertakluk kepada etika yang dikenali sebagai falsafah moral menitikberatkan pentingnya manusia membezakan antara yang baik dengan yang tidak baik; antara yang boleh dengan yang tidak boleh atau antara yang betul dan yang salah. (Ia juga tertakluk dengan undang-undang, peraturan dan budaya).

Artikel ini hanya secebis dari perihal 'kewartawanan dan wartawan' yang begitu luas mencakupi gerak kerja, teknik, tatacara, etika, termasuk genre 'penulisan biasa atau khusus' mengenai bidang-bidang tertentu yang berkembang mengikut peredaran zaman terutama di era ICT masa kini.

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan ungkapan, 'wartawan mesti bijaksana, tepat dan objektif'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

UNIT TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BAHAGIAN III

BIL.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Ubah Suai Tanah	41 hari
2.	Tukar Ganti Tanah	41 hari
3.	Penyimpanan Tanah Kerajaan dan Pengambilan Balik Tanah	41 hari

Brunei tuan rumah Mesyuarat ASLOM Ke-9

JERUDONG, 23 Ogos. - Negara Brunei Darussalam adalah tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai Undang-undang Kanan ASEAN (ASLOM) Ke-9 bermula hari ini.

Mesyuarat yang diadakan setiap 18 bulan itu dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan undang-undang mewakili kesemua negara ASEAN.

Mesyuarat itu dipekerusi oleh Penolong Penguamcara Negara, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin, sementara delegasi

Oleh Aliddin HM

negara ini diketuai oleh Ketua Penasihat Undang-undang, Pengiran Kasmiran bin Pengiran Haji Tahir.

Mesyuarat juga dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Peguam Negara, Jabatan Kehakiman dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Mesyuarat dua hari itu antara lain akan membangkitkan isu-isu laporan projek seperti ASEAN Local Information Net-

work Systems (LINKS) dan berkongsi penyelidikan undang-undang.

Mesyuarat juga akan membincangkan kertas kerja negara ahli termasuk Harmonisation of ASEAN Trade Laws dan Treaty For Mutual Legal Assistance In Criminal Matters.

Negara Brunei Darussalam pula akan mengusulkan kertas kerja bertajuk Expanding The ASLOM Mandate pada mesyuarat di The Empire Hotel and Country Club.

Beberapa orang pakar dari Sekretariat Komianwel

dan Pejabat Dadah dan Jenayah Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNODC) akan membentangkan beberapa kertas kerja yang berkaitan isu keganasan antarabangsa.

Mesyuarat Pegawai Undang-undang Kanan ASEAN adalah bertujuan mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang undang-undang, pertukaran pandangan dan maklumat undang-undang terutama melalui pendidikan dan latihan serta pertukaran lawatan oleh pegawai undang-undang Kanan ASEAN.

ZINA PERBUATAN KEJI DAN HINA YANG MEROSAKKAN KETURUNAN, MASYARAKAT

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 1 yang tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) pada malam hari dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan antara mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selepas Al-Quran dan merupakan peristiwa agung dan mulia di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan dari sana Baginda dimikrajkan ke langit. Seterusnya Baginda telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran pemerintahan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala. Dalam peristiwa Israk tersebut, Ba-

ginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perbuatan manusia beserta balasan yang bakal mereka terima. Ini adalah sebagai satu ujian kepada manusia terhadap keimanan dan ketakwaan mereka. Dengan demikian mudah-mudahan akan menambah lagi keimanan dan rasa takut untuk membuat kemungkaran.

Dan sebagaimana lazimnya, pada setiap 27 Rejab, kita akan merayakan sambutan Israk dan Mikraj dengan berbagai-bagai majlis ilmu dan kegamaan. Akan tetapi sejauh manakah penghayatan kita terhadap kisah-kisah yang telah diperlihatkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu? Adakah tidak bermakna dan tidak bererti jika kita hanya memperingatinya sahaja, sedangkan tidak mengambil iktibar dan tidak membawa kepada perubahan yang positif kepada diri kita. Maka rugilah orang-orang yang mensia-siakan usia dan terus leka dan lalai dalam kehidupan. Sesungguhnya dengan ketaatan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala sahajalah yang akan dapat menyelamatkan kita dari kemusnahan baik di dunia mahupun diakhirat.

Di antara hikmah belakunya Israk dan Mikraj itu, di mana Allah Subhanahu Wataala telah mem-

perlihatkan berbagai-bagai kejadian aneh, tidak lain melainkan untuk menjadi peringatan dan pengajaran kepada manusia supaya membuat perubahan positif dan membina terhadap diri mereka. Sebagai contoh, jika dahulunya mengabaikan dan malas untuk bersembahyang, maka setelah menghayati peristiwa ini dan mengambil pelajaran dan iktibar daripadanya, ia akan berubah menjadi rajin menunaikannya. Jika dahulunya makan riba, maka sekarang telah berubah dan tidak akan melakukannya lagi, begitulah seterusnya akan mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala dan meninggalkan larangan-Nya, bukan terus-menerus bergelumang dengan dosa dan maksiat dan langsung tidak mahu mende-

ngar teguran dan nasihat, ibarat kata perumpamaan 'masuk telinga kanan, keluar telinga kiri'.

Sesungguhnya banyak kejadian-kejadian yang telah diperlihatkan kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sewaktu Baginda diisrakkan. Antara-

Pertama: Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melihat segolongan manusia yang memukul-mukul kepalanya sendiri sehingga hancur luluh, akan tetapi sekejap kemudian kepala itu kembali seperti asalnya. Perbuatan itu dilakukan berulang-ulang kali, begitulah keadaannya berterusan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada Jibril Alaihissalam,

BAGINDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melihat segolongan manusia yang masing-masing menghadapi dua bekas, bekas yang satu berisi daging yang sudah masak dan yang satu lagi berisi daging yang mentah. Tetapi yang anehnya, mereka memilih untuk makan daging yang mentah. Lalu Baginda pun bertanya kepada Jibril Alaihissalam: "Siapakah mereka itu?" Jibril menjawab: "Mereka adalah gambaran di antara umat tuhan yang suka berzina. Mereka sebenarnya masih suka melepaskan nafsu syahwatnya dengan perempuan lain walaupun mereka telah beristeri. Begitulah pula halnya dengan perempuan yang telah bersuami secara sah, akan tetapi mereka juga melakukan zina dengan lelaki lain yang bukan suaminya."

"Siapakah mereka itu?" Jibril menjawab: "Mereka adalah sebagai gambaran golongan umat tuhan yang suka melalaikan waktu sembahyang sehingga habis waktunya."

Kita umat Islam wajib mengerjakan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam serta menjaga waktunya. Tetapi apa yang berlaku, terdapat sebilangan orang yang masih lalai untuk melaksanakan atau pun melambatkan sembahyangnya sehingga luput waktunya dengan alasan sibuk dengan urusan kerja, keluarga dan sebagainya. Sesungguhnya jika ia seorang yang beriman, ia akan menjaga sembahyangnya dengan sempurna baik dari perlaksanaannya mahupun waktunya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maun ayat 4 - 5 yang tafsirnya:

"Maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang iaitu mereka yang berkeadaan

lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya."

Kedua: Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melihat segolongan manusia yang masing-masing menghadapi dua bekas, bekas yang satu berisi daging yang sudah masak dan yang satu lagi berisi daging yang mentah. Tetapi yang anehnya, mereka memilih untuk makan daging yang mentah. Lalu Baginda pun bertanya kepada Jibril Alaihissalam: "Siapakah mereka itu?" Jibril menjawab: "Mereka adalah gambaran di antara umat tuhan yang suka berzina. Mereka sebenarnya masih suka melepaskan nafsu syahwatnya dengan perempuan lain walaupun mereka telah beristeri. Begitulah pula halnya dengan perempuan yang telah bersuami secara sah, akan tetapi mereka juga melakukan zina dengan lelaki lain yang bukan suaminya."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala telah mengingatkan hambahamba-Nya untuk tidak mendekati perbuatan zina sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Israa' ayat 32 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan."

Zina adalah perbuatan keji dan hina yang merosakkan diri, akhlak, keturunan dan masyarakat. Di antara keburukan zina ialah keruntuhan moral dan akhlak, melahirkan anak haram yang akibatnya seseorang itu boleh bertindak di luar batasan dan di luar naluri seorang manusia seperti berusaha untuk menggugurkan anak dalam kandungan dan lebih dasyhat lagi sanggup


membuang anak yang baru dilahirkan itu hidup-hidup. Perbuatan itu dilakukan kerana malu dan juga kerana hendak menyembunyikan perbuatan kotor yang telah dilakukan itu.

Sebagai orang Islam, kita hendaklah mematuhi ajaran dan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh agama Islam, bukan mengingkarinya dan hanya menurut kehendak hawa nafsu tanpa memikirkan buruk perbuatan yang dilakukan. Itulah gunanya akal yang dikurniakan kepada manusia supaya manusia berfikir dan bertindak dengan waras dan betul.

Akhirnya marilah kita sama-sama mengambil iktibar dari gambaran-gambaran yang diperlihatkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu sebagai panduan dan pembimbing menuju kebaikan dan kesempurnaan, mudah-mudahan kita selamat dari segala bencana dan malapetaka dunia dan selamat dari azab api Neraka.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 60 yang tafsirnya:

"Dan ingatlah tatkala Kami wahyukan kepadamu wahai Muhammad, bahawasanya sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan pada malam Mikraj yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan demikian juga Kami jadikan pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran dan Kami beri mereka takat dengan berbagai-bagai amaran, maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kefuhan yang melampau-lampau."



وقت سمبھيغ. امساك. شوروک دار ضھر

وقت ۲ سمبھيغ. امساك. شوروک دار ضھر ۱۵ سېپټمبر، ۲۰۰۴ هېڱ ڪھاري ثلاث، ۶ شعبان، ۱۴۲۵ برسمان دغن ۲۱ سېپټمبر، ۲۰۰۴ ادا له سفر ت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروک	ضحی	مسيحي
۳۰ رجب	۱۲.۱۷	۳.۲۰	۶.۲۰	۷.۲۹	۴.۴۵	۴.۵۵	۶.۳۴	۶.۳۴	۱۵ سېپټمبر
۱ شعبان	۱۲.۱۷	۳.۲۰	۶.۲۰	۷.۲۹	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۳۴	۶.۳۴	۱۶
۲	۱۲.۱۶	۳.۲۰	۶.۱۹	۷.۲۸	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۳۳	۶.۳۳	۱۷
۳	۱۲.۱۶	۳.۲۱	۶.۱۹	۷.۲۸	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۳۳	۶.۳۳	۱۸
۴	۱۲.۱۶	۳.۲۱	۶.۱۸	۷.۲۷	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۳۳	۶.۳۳	۱۹
۵	۱۲.۱۵	۳.۲۱	۶.۱۸	۷.۲۷	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۳۳	۶.۳۳	۲۰
۶	۱۲.۱۵	۳.۲۱	۶.۱۷	۷.۲۶	۴.۴۳	۴.۵۳	۶.۳۳	۶.۳۳	۲۱

وقت ۲ سمبھيغ ٻاڳي دائره توتوغ تدمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت تدمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلورو نڱارا پروني دارالسلام دمولاوي دري فوڪل ۱۲.۴۵ تھهاري.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

MENCARI harta kekayaan itu suatu keperluan dalam kehidupan, namun jangan ada di antara kita yang menjadikannya sebagai matlamat hidup ini, sehingga berlumba-lumba untuk memperolehnya tanpa mengira penat lelah, bekerja siang dan malam serta sanggup pula mengabaikan dan mengeneipkan suruhan dan perintah kewajipan terhadap Allah.

Memang kita disuruh mencari kekayaan itu selama mana ia selari dengan kehendak Islam bagi memenuhi tuntutan untuk melaksanakan tugas membiayai keperluan hidup sendiri, keluarga bahkan untuk membangun ummah.

Sementara kemiskinan pula adalah malapetaka yang kadang-kadang boleh mengubah seseorang kepada kekufuran. Sama ada kekufuran dalam bentuknya yang hakiki dengan mengabaikan akidah keimanannya atau kekufuran dalam bentuk memenuhi tuntutan hidup yang terdesak dengan mencuri, menipu, mendapat wang dengan cara yang tidak halal atau jalan yang salah seperti rasuah.

Namun untuk mencari kehidupan yang mewah juga menyebabkan seseorang terdorong untuk mendapatkan kekayaan dengan cara yang bukan hanya salah di sisi agama, tetapi juga bertentangan dengan etika dan moral, walaupun kadang-kadang disaluti dan dihiiasi dengan bentuk-bentuk yang manis seperti hadiah, ganjaran, upah, pemberian, pinjaman hatta dalam bentuk pekerjaan, jawatan, kehormatan namun tujuan dan matlamatnya satu ialah rasuah.

Persoalan bahaya rasuah perlu diperjelaskan kepada masyarakat, supaya masyarakat terselamat, kerana kemurkaan Allah dengan sebab perbuatan rasuah itu tidak dapat diukur dan disukat sejauh mana kesannya. Maka keluaran IRSYAD HUKUM kali ini ada menjelaskan pandangan Islam terhadap rasuah serta kesan dan bahayanya kepada individu, masyarakat dan negara.

DEFINISI RASUAH

Di dalam bahasa Arab, rasuah disebut sebagai Ar-risywah atau Ar-rasywah yang bermaksud sesuatu penyambung yang dapat menghantarkan tujuan dengan harta sogokan. Definisi ini diambil dari asal kata rasuah iaitu Ar-rasya yang bererti tali timba yang dipergunakan untuk mengambil air di peri.

Tersebut dalam kitab Taj Al-Arus, rasuah adalah sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada hakim atau selainya supaya menghukumkan sesuatu atau memikul sesuatu yang dimahukan oleh si pemberi.

Menurut Kamus Bahasa Malaysia, rasuah adalah pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap).

Sementara dari segi istilah pula ia memberi maksud sesuatu yang diberikan untuk menyalahkan yang benar atau membenarkan yang sudah jelas salah.

Manakala menurut Akta Pencegahan Rasuah Bab (2) Penggal 131, suapan adalah termasuk:

1. Wang atau apa jua pemberian, pinjaman, upah, ganjaran berharga atau harta benda lain atau kepentingan harta benda dalam apa jua bentuk sama ada wang boleh digerakkan atau tidak;

2. Jawatan, kehormatan, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan atau perjanjian memberi pekerjaan atau

RASUAH: Gejala masyarakat yang perlu dibanteras

khidmat;

3. Pembayaran, pembebasan, penyelesaian atau penyelesaian apa jua pinjaman, tanggungjawab atau tanggungan sama ada sebahagian atau keseluruhannya;

4. Pulangan berharga, diskaun, komisyen, rebet dan bonus;

5. Menahan diri dari menuntut wang atau sesuatu yang bernilai wang atau barang berharga;

6. Bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh;

7. Perkhidmatan lain, pertolongan atau faedah;

8. Tawaran, jaminan atau janji untuk memberi atau apa jua suapan seperti yang disebutkan di atas.

RASUAH MENURUT HUKUM SYARAK

Menurut syarak rasuah adalah tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar, kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah. Ini adalah berdasarkan dalil-dalil Al-Quran, hadis dan ijmak para ulama.

Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu mengeluarkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)." (Surah Al-Baqarah: 188).

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi yang tafsirnya:

"Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya)...." (Surah Al-Maa'idah: 42).

Berdasarkan ayat-ayat Al-Quran di atas bahawa Allah Subhanahu Wataala melarang hamba-Nya memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah. Perbuatan rasuah termasuk memakan harta dengan jalan yang salah itu. Ayat berikutnya pula menjelaskan sifat atau karakter orang-orang Yahudi itu sentiasa mengagungkan kebatilan, pembongkaran dan memakan rasuah.

Perbuatan rasuah disebut juga oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan hukuman laknat atau kutukan Allah

Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya. Antara hadis yang membincang perkara rasuah, hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amru, beliau berkata yang maksudnya:

Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam hukuman." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Ancaman terhadap rasuah ini bukan sahaja kepada pemberi dan penerima malahan juga kepada orang tengah atau pengantara perbuatan rasuah tersebut. Perkara ini disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Tsauban Radiallahuanhu katanya yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat pemberi rasuah, penerima dan pengantara yakni yang menjadi penghubung antara keduanya." (Hadis riwayat Ahmad).

Menurut Ibnu Hajar Rahimahullah, adapun pengantara atau penghubung rasuah itu, jika dia sebagai utusan pihak penerima maka pengantara itu berdosa juga sebagaimana orang yang menerima rasuah. Jika pengantara rasuah tersebut sebagai utusan pihak pemberi, maka mengikut pendapat sebahagian ulama ia tertakluk pada tujuan pemberi rasuah, jika tujuan pemberi itu baik, maka tidaklah pengantara itu dilaknat. Namun jika tujuannya jahat, maka pengantara itu akan dilaknat juga. Tidak ada perbezaan dosa dalam kuantiti jumlah harta yang dihulurkan untuk melakukan rasuah. Dosanya tetap sama, sama ada harta yang digunakan untuk rasuah itu dalam jumlah harta yang banyak ataupun sedikit.

Mereka yang terlibat dengan perbuatan rasuah itu selain daripada mendapat laknat Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya, mereka juga akan menerima azab yang pedih di akhirat kelak, sebagaimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar Radiallahuanhuma katanya yang maksudnya:

"Bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam Neraka." (Hadis riwayat Ath-Thabrani).



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn.gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 189 Bahagian Pertama

SIAPAKAH GOLONGAN PENERIMA RASUAH ITU?

Hukum pengharaman rasuah tidak hanya terbatas kepada sesuatu golongan sahaja seperti para hakim, sebagaimana yang disentuh oleh ayat Al-Quran (Al-Baqarah: 188) di atas, bahkan ia adalah bersifat umum meliputi semua golongan. Salah satu golongan yang disebutkan secara khusus oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam ialah para petugas ('Amil zakat). Baginda ada mengingatkan dan melarang para petugas ('Amil zakat) mengambil atau menerima rasuah, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Humaid As-Sa'idii yang maksudnya:

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah melantik seorang lelaki daripada suku Azd bernama Ibnu Lutbiyah, Ibnu Surh bercerita: (Dia) ialah Ibnu Utbiyah, (bertugas sebagai) pemungut zakat. Lalu Ibnu Utbiyah (ketika mengadap Nabi) berkata: "Ini untuk kamu dan yang ini dihadiahkan untuk saya."

Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam (lantas) bangun berdiri di atas mimbar, Baginda memuji-muji Allah dan menyanjung-Nya lalu bersabda: "Bagaimanakah seorang petugas yang diutus, kemudian dia datang sambil berkata: "Ini untuk kamu dan yang ini dihadiahkan untuk aku, tidaklah dia duduk di rumah ibunya atau ayahnya saja, lalu dia menunggu-nunggu; apakah dia diberi hadiah atau tidak? Tidakkah seseorang daripada kamu yang membawa sesuatu daripada harta yang didatangkannya itu (rasuah) melainkan di Hari Kiamat harta itu datang, jika (harta itu) seekor unta, unta itu akan melengguh, atau seekor lembu, lembu itu akan menguak, atau seekor kambing, kambing itu akan mengembek."

Kemudian Baginda mengangkat kedua-dua tangannya sehingga kami nampak ketiakannya lalu bersabda: "Wahai Tuhan, bukankah saya telah menyampaikan, bukankah saya telah menyampaikan." (Hadis riwayat Abu Daud).

Dalam hadis yang lain, diriwayatkan oleh Abu Humaid As-Sa'idii yang maksudnya:

"Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Hadiah-hadiah para petugas ('Amil) adalah khianat." (Hadis riwayat Ahmad).

Sementara dalam Kitab Maratib Al-Ijma' disebutkan, bahawa ulama telah bersepakat rasuah dalam menjatuhkan hukuman adalah haram.

BERSAMBUNG

RAHMAT DARI KEMISKINAN

SETIAP diri kita telah ditentukan dan ditakdirkan oleh Allah dengan keadaan masing-masing sama ada kaya miskin, susah atau senang. Kaya dan miskin adalah dua keadaan berbeza dalam kehidupan manusia yang diukur berdasarkan harta yang dimiliki, akan tetapi keadaan itu bukanlah menjadi ukuran kasih atau benci Allah terhadap hamba-hamba-Nya.

Allah melebihkan rezeki terhadap sesetengah golongan, sementara golongan yang lain dikurangkan dan dikurniakan hikmah tersendiri. Hal ini dijelaskan Allah Subhanahu Wataala dalam surah An-Nahl ayat 71 yang tafsirnya:

"Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan-Nya."

Wujudnya kedua-dua golongan kaya dan miskin, bertujuan untuk melengkapkan sistem kehidupan manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain. Tiada golongan kaya tanpa golongan miskin di mana kekayaan yang dimiliki golongan kaya tidak mendatangkan makna jika tidak ada golongan miskin yang sanggup berkhidmat untuk kemudahan

golongan kaya. Hakikatnya, harta kurniaan Allah hanya untuk hamba-Nya yang berusaha mencarinya dan sesiapa berusaha, maka dia berhak dan akan beroleh apa yang diusahakannya.

Tanda kemurahan rahmat Allah itu dilihat di mana Allah tidak memilih untuk mengurniakan kekayaan sama ada seseorang itu taat atau ingkar akan perintah-Nya. Allah menjadikan bumi ini untuk kebaikan semua manusia sebagai tempat untuk berusaha tanpa mengira seseorang itu beriman atau tidak.

Harta kekayaan adalah ujian daripada Allah. Sesiapa dilebihkan rezekinya, diuji sama ada dirinya bersyukur dan menggunakan rezeki itu untuk kebaikan atau sebaliknya. Manakala mereka yang miskin pula diuji, adakah ia reda dan bersabar dengan ketentuan Allah dan terus berusaha lebih gigih untuk mendapatkan rezeki dan tidak

berputus asa.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang tafsirnya:

"Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kafur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."

Harta kekayaan bukanlah menjadi ukuran Allah menyukai seseorang itu. Ramai di kalangan para sahabat Rasulullah hidup miskin dan Rasulullah sendiri mengamalkan hidup serba kekurangan, malahan dijanjikan Syurga. Ini menunjukkan balasan Syurga ditentukan dari keimanan dan ketakwaan bukannya kekayaan.

Walaupun kaya dan miskin sudah ditentukan Allah, akan tetap ianya juga berdasar-



Menuju Keredaan Allah

كلوان ثورة دعوه اسلاميه

kan apa yang diusahakan manusia itu sendiri. Setiap makhluk ciptaan Allah ditentukan dengan rezeki yang cukup baginya. Rezeki juga tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan adalah wajib untuk berusaha memburu rezeki sama ada untuk diri sendiri atau ahli keluarganya.

Islam amat menggalakkan setiap umatnya mencari keperluan hidup dengan keupayaan sendiri. Amalan meminta sedekah atau pertolongan orang lain tidak disukai Rasulullah Selagi dapat berusaha sendiri, wajib dilakukan untuk mengelak daripada meminta-minta. Sesiapa lebih banyak diuji dengan kesusahan, sedangkan dia tetap sabar dan terus berusaha, Allah menyediakan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

BSM beri sumbangan Istiadat Perkahwinan Diraja

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Syarikat Pemaman Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) terus memberikan sumbangan bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman.

Kali ini BSM menyumbangkan voucher pembelian minyak bagi kenderaan khas sejumlah \$10 ribu untuk kegunaan kenderaan-kenderaan khas sepanjang Perkahwinan Diraja berlangsung.

Menerima sumbangan voucher tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Perkahwinan Diraja daripada Pengarah Urusan BSM, Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohamed.

Majlis tersebut berlangsung petang tadi di Bangunan Sekretariat di sini.

Selain sumbangan voucher tersebut, BSM juga menyumbangkan persembahan pentas khas yang akan dikendalikan oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara yang merupakan sebagai sumbangan berterusan bersama Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad (BSP), Brunei LNG Sendirian Berhad dan Brunei Shell Tunker Sendirian Berhad (BST).



PEMANGKU Pengarah Perhutanan, Haji Saidin Salleh memberikan taklimat kepada Syarikat-syarikat Kilang Papan mengenai garis pandu pengangkutan kayu balak di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Digantung jika tidak mematuhi peraturan

BERAKAS, 1 September.

Jabatan Perhutanan boleh menggantung operasi pembalakan dan kilang papan di samping membatalkan lesen, permit dan sub-lesen jika mendapati pihak syarikat kilang papan berkenaan tidak mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Syarikat berkenaan juga boleh dikenakan denda dan penjara yang tidak melebihi 5 tahun menurut Penggal 46 Undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Berikutan itu dijelaskan

Oleh Samle HJ

oleh Pemangku Pengarah Perhutanan, Haji Saidin Salleh semasa Taklimat Kepada Syarikat-syarikat Kilang Papan mengenai garis pandu pengangkutan kayu balak di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, di sini.

Lebih 100 pengurus-pengurus syarikat kilang papan di seluruh negara, pemandu lori balak dan kakitangan Jabatan Perhutanan yang terlibat secara langsung dalam

mengawal dan memantau operasi pembalakan menghadiri taklimat berkenaan.

Taklimat itu menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan pengangkutan balak, di samping mendengar taklimat mengenai Akta dan Peraturan dalam bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Darat, Polis Diraja Brunei, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah.

Perjumpaan itu juga menjelaskan mengenai peraturan dan garis pandu pengangkutan kayu balak

terutama mengenai had muatan, keselamatan di jalan raya dan tindakan-tindakan yang boleh dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan.

Ketika ini sebanyak 24 buah syarikat kilang papan giat menjalankan pembalakan di negara ini termasuk 12 buah di Daerah Belait, lapan buah di Daerah Tutong sementara di Daerah Temburong sebanyak empat buah syarikat yang sama-sama menyumbang hasil pendapatan negara.

BICARA IT

JTB SEDIAKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN KOMUNIKASI

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat
Sumber: Buku Telekom 2000

BICARA IT kali ini memuatkan lagi pelbagai perkhidmatan telekomunikasi canggih yang disediakan oleh Jabatan Telekom Brunei (JTB) sebagai sambungan kepada apa yang telah disiarkan pada minggu lepas.

Pada tahun 1996, JTB telah menggunakan pemancaran digital ISDN - 'Integrated Services Digital Network' bagi menyediakan akses bersepadu ke rangkaian suara dan data. Dengan ISDN, data dan suara boleh dihantar serentak melalui talian. Kepantasan 'Basic Rate Access' (BRA) adalah antara 64 Kbp/s ke 128 Kbp/s dan 'Primary Rate Access' (PRA) pada 2 Mbps.

Aplikasi ISDN tidak terhad dan boleh diubah suai bagi menepati kehendak bisnes pada masa ini dan akan datang seperti telefon digital, faks pantas (fax G4), faks video, sistem penghantaran data pantas, perhubungan data suara serentak, sistem pengawalan jarak jauh dan sidang video dan sistem CAD/CAM.

Perkhidmatan Videoconference Antarabangsa JTB misalnya membolehkan badan-badan korporat mengendalikan perniagaan tanpa perlu meninggalkan pejabat. Sistem rangkaian satelit dan kabel gantian optik yang canggih membolehkan dua pihak berkomunikasi, melihat, mendengar dan bercakap walaupun mereka dipisahkan beribu-ribu batu.

Sidang videoconference merupakan cara yang jauh lebih cekap dan berkesan untuk berkomunikasi. Ia membolehkan pelbagai pihak yang berjujukan mengendalikan mesyuarat di samping dapat menjimatkan masa dan kos.

Sementara itu interaksi perniagaan hari ini juga bergantung kepada maklumat yang tepat dan pantas, di mana 'penyambungan' adalah kunci utama. Sama ada untuk perniagaan besar atau kecil JTB menawarkan perhubungan antara awda dan masyarakat perniagaan di serata dunia. JTB menawarkan 'Litar Setempat' ke seluruh negara dan antarabangsa pada kadar penghantaran dari 2.4 Kbp/s hingga 2048 Kbp/s melalui perkaitan V.24, V.35 atau V.703.

Aplikasi untuk talian sewa JTB ialah menghubungkan sistem-sistem komputer, menubuhkan rangkaian persendirian, menubuhkan komunikasi 'point to point', menghantar dan menerima data yang banyak pada kepantasan 9.6 hingga 2048 Kbp/s.

Perkhidmatan tersebut diperlukan oleh kumpulan pengguna besar termasuk institusi-institusi kewangan, kilang-kilang, syarikat-syarikat import dan eksport dan pengangkutan, hotel dan perniagaan pelancongan, kedua-dua dan pelbagai organisasi antarabangsa yang lain, agensi-agensi berita dan akhbar-akhbar.

Oleh kerana semua perkhidmatan antarabangsa boleh dibuat di dalam negeri, para pelanggan boleh menubuhkan rangkaian persendirian mereka dengan cara menghubungkan pelbagai lokasi di Negara Brunei Darussalam menggunakan prasarana JTB. Para pelanggan juga boleh menyewa litar untuk berhubung ke BruNet untuk laluan yang tetap ke dunia siber.

VSAT (Very Small Aperture Terminal) pula adalah teknologi inovasi dalam bidang komunikasi satelit. Ia merupakan satu cara penghantaran aplikasi data, suara dan video melalui satelit yang sungguh fleksibel dan menjimatkan. Ia memerlukan antenna yang agak kecil yang dipasang di rumah atau pejabat pelanggan.

Perkhidmatan ini ideal bagi institusi-institusi kewangan, kilang-kilang, perniagaan import dan eksport, syarikat-syarikat pembinaan, hotel dan organisasi-organisasi antarabangsa yang lain. Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, aplikasi prestasi dan reliabiliti VSAT telah semakin bertambah baik.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalo-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirikkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n

PUTERA GAHARA LAGI RUPAWAN
DI PERTEMUKAN JODOH GADIS JELITA
PENGANTIN DIRAJA PASANGAN MENAWAN
BERSANDING DI ISTANA DIARAK KELILING
KOTA.

PENGANTIN DIRAJA PASANGAN MENAWAN
BERSANDING DI ISTANA DIARAK KELILING KOTA
ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA SUATU
KEGEMILANGAN
MENARIK PERHATIAN SELURUH DUNIA.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Guru mendidik murid menjadi insan berguna

SIAPALAH kita kalau bukan kerana guru. Kemahiran diasuh dan digilap hasil titik peluh guru. Kemahiran demi kemahiran yang diajarkan pasti membuahkan hasil. Guru menunjuk agar segala ilmu yang ada kepada murid mahupun kepada sesiapa yang memerlukan. Guru ibarat ketua yang mengetuai sebuah organisasi yang memerlukan didikan yang betul dan berguna. Ilmu yang diajarkan pastinya berguna untuk bekalan pada hari-hari mendatang. Segala ilmu yang dicurahkan memberi faedah yang tinggi nilainya. Guru bukan hanya mengajar kita mengenal, membaca dan menulis.

Guru yang sempurna baik dari segi fizikal, mental dan kerohanian dapat membina murid ke arah masa hadapan yang cerah. Tugas seorang guru memerlukan kemahiran, kegigihan, kreativiti dan disiplin yang tinggi serta kesabaran yang jitu. Dalam kemahiran kita belajar sesuatu yang belum pernah kita cuba. Kita perlu gigih untuk mencapai ke tahap itu. Jika kita sambil lewa kita sudah setentunya tidak mahir dan tidak dapat menguasai sepenuhnya. Kreativiti mengajar menghendaki kita berfikir lebih luas dan berpandangan jauh.

Dalam alam persekolahan kita sudah dididik bagaimana mendisiplinkan diri. Disiplin mendidik kita patuh kepada setiap arahan dan lara ngan. Ia amat berkaitan dengan kecemerlangan diri. Tanpa disiplin kita seolah-olah terpengaruh kepada perkara-perkara yang negatif. Ingin berjaya seorang murid perlu ikut kata guru agar setiap ajaran dan ilmu yang diperolehi diberkati.

Murid yang cemerlang adalah hasil usaha guru, di samping murid itu sendiri yang mahu mencungkil segala ilmu yang dicurahkan oleh gurunya. Kejayaan murid itu berkait rapat dengan komitmen yang tinggi antara dua gabungan pendidik dengan pelajar. Guru sentiasa memberi kita keyakinan, motivasi, perangsang dan semangat untuk kita

terus mencuba sehingga kita berjaya.

Dalam pembelajaran, kita mempelajari cara memerhati, mengulang kaji untuk kita terus menghayati pelajaran yang telah diajar. Kalau kita tidak menghayati pelajaran yang telah diajar maka adalah menjadi satu kerugian kepada kita.

Lazimnya, kegagalan seorang murid itu merupakan kesedihan bagi seorang guru. Kegagalan seorang murid itu bukan hanya terletak atas kebijaksanaan guru tetapi perlu diingat ada juga aspek-aspek lain yang menyebabkan dia gagal. Mungkin kerana masalah fizikal, keadaan sekeliling, gangguan emosi atau di sebaliknya. Guru telah se-

daya upaya memberi yang terbaik setakat yang mampu untuk membina murid yang cemerlang dan berpengetahuan.

Pepatah mengatakan, alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Secara keseluruhan guru telah mendidik kita untuk menjadi seorang insan, masyarakat dan negara yang berguna. Mengenal huruf, angka, benda dan alam sekeliling yang selama ini kita tak pernah terokai hanyalah melalui seorang insan yang bernama guru.

Haji Azreem bin Haji Ramli,
No. 6, Simpang 74-41-31,
Kampong Mata-Mata
Gadong, BE 1718.
No. k/p : 00-124710

Tanpa guru siapalah kita

KEGEMILANGAN negara bergantung kepada kualiti sumber manusia dan tahap pendidikan yang menjadi wadah terpenting membentuk manusia yang landasannya dimulakan oleh guru. Para gurulah yang mengajar dan mendidik kita menjadi manusia yang berperibadi tinggi. Jika pendidikannya baik maka akan baiklah manusia, tetapi jika sebaliknya kepincangan akan berlaku dalam melahirkan masyarakat yang sempurna.

Dalam agenda negara, pendidikan yang berkualiti merupakan satu pelaburan dalam menjamin survival bangsa dan masa depan negara. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan negara adalah hasil kecemerlangan rakyatnya. Orang yang berperanan mewujudkan kegemilangan menjadi rakyat yang cemerlang ialah guru.

Guru adalah penggerak utama mekanisme pendidikan yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik dan pemimpin. Ketokohan, kewibawaan dan komitmen guru merupakan pemangkin kepada pelaksanaan pendidikan yang utuh dan jitu. Guru mempunyai tugas yang mulia lagi penting kerana di tangan gurulah letaknya generasi pada masa akan datang. Sebagai golongan ilmunan yang memiliki ilmu dan kemahiran mereka berperanan besar dalam melahirkan anak bangsa yang berkualiti untuk meneruskan pembinaan bangsa yang bersatu padu, berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju.

Tanggungjawab guru amat berat dan mencabar kerana di tangan gurulah terbentuknya masyarakat yang berilmu, beragama, berbudaya dan berakhlak serta beriman. Ia adalah amanah yang besar untuk dipikul dan dilaksanakan kerana tugas ini mewarisi pekerjaan Nabi-nabi yang

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Anggota Perkhidmatan Awam Perlu Cekap dan Berdisiplin'. Tarikh tutup 22 September 2004.
2. 'Ibadah Puasa Melatih Mendisiplinkan Diri'. Tarikh tutup 29 September 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tanpa Guru Siapalah Kita'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

banyak menuntut pengorbanan bagi mendapat hasil yang baik dan berfaedah. Bukan setakat memperoleh kelulusan dan pekerjaan semata-mata, tetapi yang lebih penting daripada itu ialah mendidik pelajarannya untuk menjadi manusia yang sempurna atau insanul kamil yang bakal menerajui pentadbiran negara dan masyarakat di masa akan datang.

Sesungguhnya tugas dan tanggungjawab guru sememangnya bukanlah suatu yang ringan untuk dipegang. Guru berperanan membentuk keperibadian, mendidik jiwa dan emosi seseorang pelajar. Semua yang dicapai pada masa ini, sedikit sebanyak adalah terhasil oleh guru pada masa lalu. Apa yang kita tanai hari ini adalah hasil tuaian kesungguhan guru sehingga kita mengenal kemajuan dalam semua aspek kehidupan moden. Hal ini jelas diperakui bahawa tanpa guru siapalah kita.

Dengan komitmen berterusan mereka meningkatkan lagi darjat para guru, maka molek benar penganugerahan tarikh 23 September setiap tahun itu dijadikan hari bersejarah bagi warga guru di Negara Brunei Darussalam. Meraikan sambutan Hari Guru merupakan tanda penghormatan dan penghargaan kepada guru dan pendidik kita meskipun jasa dan budi mereka takkan dapat dinilai hatta dengan wang ringgit sekalipun, namun apa yang mampu kita ungkapan 'terima kasih cikgu' megah kita ucapkan saban tahun menjelang sambutan Hari Guru.

Hamidah binti Haji Abdul Hamid,
No. 7, Simpang 661-78, RPN Kampong Rataie
Temburong, PE 2951.
No. k/p : 01-044652

Guru umpama pelita

KERJAYA sebagai seorang guru adalah sangat mulia dan amat mencabar. Tugas itu bukanlah mudah seperti apa yang kita fikirkan kerana ia memerlukan semangat yang kuat, sifat sabar, tabah dan tekun dalam mendidik dan melayan kerenah para pelajar terutamanya yang belajar di peringkat prasekolah kerana mereka ini lebih memerlukan perhatian dan pengawasan. Untuk menjadi seorang guru mestilah bersedia menerima sebarang cabaran dan dugaan yang bakal dihadapi kerana tugas seorang guru bukan saja mengajar malah memastikan yang anak-anak muridnya berjaya hingga ke menara gading dan menjadi orang yang berguna.

Sebagai murid, kita mestilah menghormati mereka tanpa mengira agama, bangsa dan paras rupa. Jangan berkelakuan yang kurang sopan terhadap mereka dan jangan mudah ambil hati bila mereka tegur kita kerana mereka marah bukan berti mereka benci akan tetapi mereka sayang terhadap kita dan untuk kebaikan kita juga.

Guru juga sering diumpamakan seperti pelita yang menyinari hidup kita. Jika diamat-amati memang sesuaihah perumpamaan itu diberikan kepada mereka, cuba kita bayangkan yang kita berada di suatu tempat yang sangat gelap tanpa diterangi oleh sesuatu pun, maka kita akan kehilangan arah, tetapi jika diterangi oleh pelita, maka keadaan akan menjadi cerah dan terang. Begitu jugalah halnya dengan guru dengan adanya mereka dalam hidup kita, kita menjadi orang yang pandai membaca dan menulis, dari seorang yang tidak tahu apa-apa menjadi seorang yang mem-

punyai ilmu pengetahuan dan mereka juga menerangi hidup kita dari kegelapan.

Bukan itu saja malah mereka juga mendidik kita mengenai hal dunia-wi dan ukhrawi memberi dorongan untuk terus belajar dan memberi semangat kepada kita supaya terus maju, tidak mudah putus asa dan tidak mudah mengaku kalah dalam menempuh cabaran-cabaran hidup sehingga kita menganggap mereka itu bukan saja guru kita malah seperti ibu bapa dan keluarga kita sendiri.

Kita haruslah sedar, bahawa sebesar mana pun gaji kita dan setinggi mana pun pangkat kita, kita janganlah lupa akan semua bakti dan pengorbanan yang mereka telah curahkan kepada kita kerana dari didikan mereka itulah, kita menjadi seorang yang berguna dan berjaya di mata masyarakat. Ibu bapa kita sendiri begitu bangga dengan kejayaan yang kita miliki. Dengan kejayaan kita itu juga membuatkan guru kita gembira dan merasa bangga kerana didikan yang mereka telah curahkan tidak sia-sia dan amat berbaloi.

Dari itu kita hendaklah selalu ingat dan mengenang akan jasa mereka sampai bila-bila dan bukannya seperti kacang lupukan kulit kerana tanpa mereka kita tidak akan memperoleh kejayaan dan kita mungkin akan berada dalam kegelapan buat selamanya jika mereka tiada di sisi kita.

Hajah Rosita binti Haji Abdul Rahman,
No: 10, Simpang 134-8, Kampong Rimba, BE 3119.
No. k/p : 00-277786

REMAJA

CARA DAN
IMEJ KITA

OLEH H. A. MANAP

ALHAMDULILLAH kita panjatkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan rahmat-Nya pua serta berkat daulat dari Raja dan pemimpin negara yang kita kasih, Istiadat Bersanding dan Berarak Pengantin Diraja telah sempurna diadakan pada 9 September 2004 bersamaan 24 Rejab 1425 Hijrah, Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah dapat dilaksanakan oleh ribuan rakyat dan penduduk di negara kita ini. Suasana dan kegembiraan ini bukan sahaja ditatap oleh kita di bumi Brunei Darussalam, malahan seluruh pelusuk dunia telah dapat mengikutinya dengan membawa nama negara dan imej kita ke persada dunia dengan negabnya. Kemudahan teknologi masa kini telah membantu memperluaskan lagi skop tontonan masyarakat sejagat melalui siaran-siaran yang dibawakan langsung oleh gerbang dunia dalam bidang penyiaran seperti CNN, BBC dan beberapa agensi pemberitaan lain.

Adalah dianggarkan lebih 40 buah agensi pemberitaan dunia yang berpenjara telah bersama-sama hadir untuk membuat liputan istiadat yang penuh dengan kegembiraan dan beradab istiadat ini. Selain dari itu beberapa orang pemimpin dan pembesar negara jiran serta negara-negara sahabat telah turut sama menyaksikan istiadat yang penuh warna-warni dengan keindahan adat dan kesopanan. Melalui istiadat yang jarang-jarang kita temui ini apatah lagi yang melibatkan seorang Putera Sultan yang akan menjadi pewaris takhta pemerintahan akan di bumi Brunei Darussalam ini, imej baik dan cara kita telah dapat dipancarkan ke khilayak masyarakat dunia yang pelbagai bangsa. Ternyata kita tidak menyediakan sesuatu yang hambar akan tetapi kita telah berjaya membawa masyarakat dunia mengenali negara dan masyarakat serta cara kita yang halus dan beradab sopan yang indah.

Falsafah kehidupan negara yang menjadi teras dalam pengisian kehidupan bernegara dan bermasyarakat ternyata telah benar-benar dapat menyerahkan keunggulan kita dalam mengharungi kehidupan yang serba berubah dan pantas dengan penemuan teknologi baru. Istiadat Perkahwinan Diraja menjadi lebih gemilang dan bermakna bila dapat diikuti di merata dunia. Malah sebuah stesen televisyen negara jiran telah menyiarkan setiap majlis istiadat yang berjalan hampir setiap hari dengan menyiarkannya

secara langsung dari negara kita. Pemberitaan dan laporan khas juga disediakan oleh kebanyakan wartawan yang berkampung sepanjang musim perayaan istiadat Perkahwinan Diraja ini. Semuanya ini membuktikan bahawa masyarakat antarabangsa merasa kagum dengan cara dan imej kita yang terpapar dengan indahnya. Meskipun kita berdepan dengan pelbagai perubahan dan kehendak semasa, namun kita masih mampu bertahan dengan cara kita, adat istiadat yang turun-temurun kita warisi dan yang paling penting ialah bagaimana cara kita menanganinya dan bergotong-royong melaksanakan pekerjaan besar seperti Istiadat Perkahwinan Diraja ini.

Semua anggota masyarakat tidak mahu tertinggal untuk sama-sama terlibat dalam hubungan memelihara suasana. Terbukti penglibatan murid-murid sekolah, para remaja dan belia tidak terkecuali dalam konteks ini. Lihat sahaja semasa perarakan kedua mempelai diraja meskipun keadaan cuaca pada awal perarakan hujan turun, namun mereka tidak berganjak dari terus berdiri dengan semangat untuk merayakan kedua-dua mempelai diraja ini dengan gembiranya. Hujan turun tidak menjadi penghalang akan tetapi kesetiaan terhadap pemimpin negara dan raja yang dikasih tetap menjadi azimat untuk terus melihat secara dekat akan mempelai diraja yang diarak sebaik-baik sahaja Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja sempurna dilaksanakan di Balai Singhasana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Berkat daulat dan kepimpinan raja yang kita kasih yang mengasahi rakyatnya maka inilah saat yang amat ditunggu-tunggu untuk bersama-sama baginda menyatakan rasa kegembiraan dan khususnya kepada kedua-dua mempelai diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah yang bersanding dan diarak mengelilingi bandar.

Di dunia antarabangsa siaran-siaran langsung yang dibawakan oleh media penyiaran ternyata memberi kesan yang baik dalam memamerkan imej negara kita dan kepimpinan raja yang dikasih. Kesannya imej kita terangkat dan kita dapat menggambarkan dalam keadaan yang ada sekarang, adat istiadat, alat perhiasan dan kebesaran diraja, kehalusan dan adab sopan yang penuh majlis masih bertahan dalam konteks kepimpinan kehidupan beraja. Inilah cara dan imej kita. Semoga generasi muda remaja yang berkesempatan bersama-sama merayakan Istiadat Perkahwinan Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah akan mendapat iktibar dan teladan dalam meneruskan kehidupan beraja, beragama, bernegara dan bermasyarakat.

Tanailah keindahan adat, teguhkanlah kesetiaan beraja, amalkanlah ketaatan beragama dan pupuklah sekukuhnya amalan hidup bermasyarakat yang saling kasih-mengasahi dan bantu-membantu, semoga dengannya akan terbita di bumi Brunei Darussalam tercinta ini sebuah kehidupan yang aman, sejahtera dan harmoni. Marilah sebagai rakyat dan penduduk negara ini kita bersama-sama menadah tangan untuk memohon doa restu semoga kedua-dua mempelai diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah akan diberkati dan rahmati Allah.

Semoga Allah akan mengurniakan kebahagiaan kehidupan berumah tangga kepada kedua-dua mempelai diraja ini.

Allah Selamatkan Pengantin Diraja.

Pertingkatkan
pengetahuan melalui
Kursus Sivik

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 19 Ogos. - Para peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Seberang Laut melahirkan penghargaan dan terima kasih di atas projek yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Penerangan kerana telah banyak mendatangkan faedah dan pengetahuan yang berguna.

Perkara ini jelas tergambar apabila beberapa orang wakil pelajar dari pelbagai universiti seberang laut ditemu bual di akhir perkampungan diadakan dengan perasaan gembira.

Dua orang pelajar yang menerima biasiswa kerajaan yang menuntut di United Kingdom, Awang Haji Khairul Sabrin dan Dayang Noraqilah Haji Zainul Abiddin menyatakan perkampungan yang mereka anggap singkat tersebut sungguh bermakna buat mereka dan banyak mendatangkan faedah, di samping aktiviti yang sesuatu yang di luar jangkaan.

Harapan mereka di masa yang akan datang agar jangka masa perkampungan tersebut dapat dipanjangkan kerana ianya banyak memberi input yang berguna khususnya bagi mereka sebagai bakal semasa berada di negara asing, di samping memperbanyakkan lagi aktiviti dan lawatan khususnya di kawasan pedalaman.

Manakala wakil mahasiswa biasiswa Syarikat Minyak Shell Sendiran Berhad, Awangku Reza Mariano menyatakan kursus yang mereka terima sepanjang berlangsungnya perkampungan tersebut telah banyak merangsang beliau untuk meningkatkan semangat patriotisme, di samping merasa bangga sebagai rakyat negara ini.

Lawatan yang mereka lakukan seperti ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penerbangan Di-

raja Brunei (RBA) dan ke beberapa tempat lain telah memberi gambaran jelas kepadanya bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang kian membangun, malah menegaskan agar diperbanyakkan acara lawatan untuk meningkatkan pengetahuan kerana banyak orang tidak tahu apa yang ada di negaranya sendiri dan usahanya yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangun negara ini.

Sementara penerima biasiswa kerajaan yang menuntut di Republik Singapura, Dayang Marlinee Merusin menyatakan kursus yang mereka jalani itu banyak memberi informatif, di samping banyak untuk dipelajari khususnya apabila melawat ke beberapa buah kementerian dan beberapa buah syarikat swasta.

Bagi beliau program seperti itu perlu diperpanjangkan waktunya kerana program yang mereka ikuti walaupun telah diatur masanya namun terkadang apabila tersasar waktu dalam sebuah acara akan menjadikan mereka berebut dengan waktu yang sekali gus memenatkan mereka.

Malah apa yang diucapkan oleh Dayang Marlinee disokong oleh kawan sepengajiannya, Baby Fauziah Zaini dengan menambah bahawa beliau merasa bertiuh kerana terpilih mengikuti program tersebut.

Katanya, dengan mengikuti pelbagai ceramah telah menambah dengan pengetahuan mereka sebagai bakal dalam menghadapi pelbagai cabaran dan pengaruh.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 1 September 2004

Dato Paduka Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Wafly Adly bin Haji Reduan,
Sekolah Rendah Puri Temburong,
Umur : 9 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 635

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 635,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 1 September 2004

Nurul binti Yusuf,
Public School Tutong,
Umur : 9 tahun

Hariz bin Hashim,
STJ School Lambak,
Umur : 8 tahun



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyampaikan sijil penghargaan sempena selesainya acara perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait.

Hari Pemedulian Alam Sekitar

SERIA, 22 Ogos -. Timbalan Pengarah Urusan dan Pengarah Sumber-sumber Manusia dan Hal-Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali berkata, asap dari pembakaran terbuka akan mengakibatkan perubahan terhadap kualiti dan udara serta mempengaruhi kesihatan tubuh badan dan merosakkan organ lain dalam badan.

"Kita harus memikirkan dan berusaha memperluaskan konsep menjaga kebersihan di setiap pelusuk alam semula jadi sama ada di kawasan-kawasan hutan, laut, sungai dan di kawasan bandar," beliau menjelaskan ketika berucap di Hari Pemedulian Alam Sekitar yang diadakan di kawasan Taman Rekreasi Anduki di sini.

Beliau menambah, usaha menguruskan alam sekitar memerlukan masa, tenaga dan sokongan kewangan yang ampuh. Oleh itu, tambahnya, pengawasan, penjagaan, pengurusan sebarang aktiviti yang berkaitan dengan alam sekitar lebih berjaya dilakukan secara usaha sama yang melibatkan setiap individu.

Hari Pemedulian Alam Sekitar anjuran Jabatan Hal-Ehwal Luar Korporat BSP dengan sokongan Jabatan Daerah Belait, Jabatan Lembaga Bandar Kuala Belait dan Setia, Persatuan PEMBELA dan Persatuan Wanita BSP (BSLA) sebagai usaha berterusan bagi menyokong ke arah mengekalkan penjagaan alam sekitar dan memelihara hubungan masyarakat setempat.

Acara kemuncak majlis ialah aktiviti membersihkan persekitaran kawasan taman berkenaan sebagai membuktikan keprihatinan dan pemeliharaan syarikat berkenaan dan masyarakat

atas kebersihan alam sekitar.

Beberapa aktiviti diadakan termasuk Pertandingan Mewarna Lukisan taman tersebut bagi kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun yang juga memberi kefahaman kepada mereka mengenai kepentingan alam sekitar, di samping aktiviti lain seperti senam erobik, menangkap ikan, berbasikal, kitar semula, mencari harta karun dan lomba jalan kaki serta Pertandingan Menamakan Slogan bagi majlis hari itu. Gerai jualan makanan dan minuman juga diadakan.



MEMBERSIHKAN kawasan persekitaran merupakan tanggungjawab bersama.



PASUKAN Polis Diraja Brunei ketika mengadakan pemeriksaan sekatan jalan raya dalam Operasi Sepadu di kawasan Kilometer 13, Jalan Labi.

Daerah Belait johan Persembahan Padang

KUALA BELAIT, 14 Ogos -. Daerah Belait sekali lagi memenangi Persembahan Padang Terbaik semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat bagi Daerah Belait pada tahun ini.

Perkara tersebut diumumkan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan di Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Sijil Penghargaan sempena selesainya acara perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Santap di sini.

Yang Dimuliakan menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas segala khidmat bakti, dedikasi, komitmen, sumbangan dalam menjayakan acara sambutan tersebut dengan berkesan dan membanggakan hasil semangat permuafakatan, persefahaman, perpaduan yang erat dan usaha bersama yang

jitu lagi penuh komited daripada mereka semua.

"Tanpa adanya kerjasama, permuafakatan, kegigihan dan penglibatan yang padu daripada mereka, acara tersebut tidak mungkin berjalan dengan begitu meriah, teratur dan sempurna," kata Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan berkeyakinan dan berharap agar semangat seperti itu akan dapat diserapkan dan dijadikan landasan dan amalan untuk sama-sama menyokong, berganding bahu serta bertanggungjawab dalam menghasilkan, kejayaan yang lebih berkesan di bidang apa jua projek, rancangan atau aktiviti perekonomian, kemasyarakatan, berkebajikan di samping mendatangkan manfaat serta faedah untuk masyarakat dan negara.

"Ini termasuklah dalam bersama-sama menangani isu masalah sosial, membasmi kegiatan

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

an jenayah, penyalahgunaan dadah, di samping bersama memelihara dan menjaga keselamatan, keamanan dan keharmonian negara dalam usaha bersama untuk mengembangkannya negara ke mercu kecemerlangan dan berdaya saing di peringkat global.

Persembahan Padang daerah ini bertajuk 'Intan Gemilang Di Daerah Gemilang' di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda tahun ini telah diadakan di Kelab Ria Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) melibatkan lebih 2,800 orang peserta terdiri murid-murid sekolah, maktab-maktab kerajaan dan swasta, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung, syarikat-syarikat swasta dan BSP.

Menurut Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar, sijil penghargaan dan plak yang disampaikan di majlis tersebut bukanlah nilai yang setara dengan sumbangan yang telah dihulurkan melainkan sebagai satu penghormatan serta pengiktirafan mereka kepada penglibatan BSP yang begitu cemerlang.

Begitu juga semua pihak yang terlibat memberikan khidmat bakti dan bekerjasama semata-mata kerana taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja yang dikasihi serta berharap sokongan dan dukungan sedemikian akan berterusan bergemerlapan seperti intan di masa hadapan, katanya.



BARISAN murid-murid sekolah bersalaman mesra bersama tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Sijil Penghargaan yang diadakan di Dewan Santap.

Kesalahan lalu lintas dicatat dalam operasi sepadu

LABI, 22 Ogos -. Sebanyak lapan kesalahan lalu lintas telah dicatatkan oleh agensi undang-undang dalam Operasi Sepadu yang dilancarkan di kawasan Kilometer 13, Jalan Labi di sini.

Antara kesalahan itu dua orang pemandu trak yang memandu melebihi had kelajuan dibenarkan iaitu 60 kilometer sejam, sebuah kereta salun lampu brek belakang tidak berfungsi, dua pemandu warga tempatan didenda kerana memandu kereta jenis salun yang telah mansuh cukai jalan, dua kenderaan

lain yang tidak mempunyai cukai jalan, manakala seorang pemandu warga Filipina tidak mempunyai lesen kelas tiga yang dikeluarkan di negara ini.

Operasi bertujuan membanteras kesalahan-kesalahan lalu lintas terutama di kawasan pedalaman melibatkan lebih 30 pegawai terdiri Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Perhutanan, Daerah Belait.

Operasi tersebut merupakan kali kedua diadakan dalam tahun ini bagi me-

mastikan pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalan raya mempunyai lesen memandu yang sah, cukai jalan yang masih sah, kenderaan dalam keadaan selamat dipandu, tidak ada sebarang pengubahsuaian dan mematuhi had kelajuan. Operasi pertama telah diadakan pada Mac lalu di kawasan Pekan Belait.

Pihak polis dalam kenyataannya mengingatkan pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalan raya supaya memandu dengan lebih berhati-hati berikutan keadaan jarak penglihatan kurang jelas

akibat jerebu dan hujan turun dengan lebat sekali-sekali di beberapa buah kawasan mengakibatkan jalan raya bertakung air dan licin.

Pihak PDB juga mengingatkan pemandu-pemandu agar sentiasa mematuhi peraturan keselamatan jalan raya dengan mengenakan tali pinggang keledar dan menyediakan penumpang kanak-kanak dengan tempat duduk keselamatan dalam kenderaan mereka serta memasang lampu kenderaan jika keadaan jarak penglihatan tidak jelas.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris menyampaikan hadiah kepada johan dari Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Wakili Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 2 September.

- Awang Haji Zaini bin Haji Tamin dari Jabatan Perikanan dan Dayang Siti Noor Dzulhilmah binti Haji Awang Damit @ Dzatulhilmah dari Jabatan Pertanian akan mewakili Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) ke Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Antara Kementerian-kementerian yang akan berlangsung kemudian.

Awang Haji Zaini dan Dayang Siti Noor Dzulhilmah muncul sebagai johan dalam kategori qari dan qariah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Antara Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang berlangsung di Dewan Setia

Pahlawan di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris dan Haji Belaman menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang di majlis itu.

Pada tahun ini Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya dikendalikan

oleh Jabatan Perikanan selaku tuan rumah.

Antara tujuan pertandingan ialah untuk memilih wakil bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ke Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Antara Kementerian-kementerian dan menjadikan membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai amalan sebelum memulakan tugas harian.

Penghulu, Ketua Kampong disaran merangka peta perjalanan

TUTONG, 27 Ogos.

- Para penghulu mukim dan ketua kampung di negara ini disaran merangka peta perjalanan sendiri untuk mencapai tujuan perantaraan mereka ke arah membawa kemajuan dan pembangunan mukim dan kampung masing-masing.

Oleh
Abdullah Asgar

Peta perjalanan yang dimaksudkan itu ialah keperluan untuk membuat satu pendekatan atau panduan yang dapat membantu ke arah pelaksanaan

tugas dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh seorang penghulu mukim atau kampung.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan membuat saranan

itu ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampong Pengkalan Mau/Bakiau di sini.

"Saya ingin menyarankan bahawa antara panduan yang boleh membantu dan memudahkan serta dapat diikuti oleh

penghulu mukim dan ketua kampung dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab iaitu pertama dengan membaca dan memahami Buku Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998, terutama sekali mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab yang telah digariskan di dalam skim itu," katanya.

Jelasnya, sekiranya terdapat mana-mana perkara yang kurang difahami atau tidak jelas maksudnya bolehlah dirujuk kepada Pegawai Daerah atau kepada pegawai-pegawai kanan KHEDN.

Tambahnya, yang kedua ialah menterjemahkan apa jua peranan dan keperluan tugas serta tanggungjawab yang digariskan di dalam Skim Perkhidmatan itu dalam bentuk tindakan-tindakan tertentu seperti mengadakan program-program, aktiviti-aktiviti, permuafakatan dan perbincangan serta perundingan sama ada dengan anak-anak

kampung mahupun dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

"Ketiga menyediakan jadual kerja dan 'milestone' atau tanda pencapaian bagi memastikan apa jua aktiviti yang telah dirancang dan disusun itu dapat dipantau dan seterusnya dijalankan dengan teratur dan sempurna serta dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Keempat, menurutnya, memahami peraturan dan undang-undang negara, di samping mengikuti perkembangan hal-ehwal semasa negara dan jua negara luar, kata Dato Paduka.

Yang kelima, tambahnya, meningkatkan lagi kemahiran dan keupayaan diri terutama sekali kemahiran yang sangat-sangat diperlukan dalam menjalankan tugas penghulu mukim dan ketua kampung iaitu kemahiran dalam berinteraksi dan menyampaikan maklumat yang relevan kepada orang ramai termasuk media dengan tepat, baik dari segi

maksud dan juga masa.

"Keenam, menggunakan dan memanfaatkan sepenuhnya kewujudan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) sebagai mekanisme yang dapat membantu dan memperkatakan lagi peranan dan tugas penghulu mukim dan ketua kampung," katanya.

Ketujuh, jelasnya, sentiasa bermuhasabah atau membuat penilaian terhadap diri sendiri dalam menjalankan peranan dan tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan.

Dan yang kelapan, tambahnya, ialah dengan mengadakan satu sistem 'feedback' atau maklum balas yang dapat diusahakan dengan bantuan MPMK di mana respon yang membina dapat diperolehi daripada para penduduk.

Ketua Kampong Pengkalan Mau/Bakiau yang baru ialah Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaludin, seorang pesara Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Kementerian Pembangunan.

Kerakyatan : Bermulanya satu tanggungjawab berbangsa, bernegara

BERAKAS, 4 September.

- Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Zainal Abidin bin Dato Paduka Haji Ahmad berkata, pada umumnya rakyat sesebuah negara merupakan sebagai kumpulan individu yang menyerahkan dan memberikan taat setia dan kasih sayang serta kecintaan mereka kepada negara di mana mereka menetap dan menjadi warganegara.

Ke arah itu, tambahnya, perlu juga difahami

Oleh
Haji Ahmad HS

bahawa pemberian atau pengurniaan taraf kerakyatan kepada seseorang adalah juga bererti pemberian salah satu daripada kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

"Apabila seseorang itu menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka sese-

orang itu adalah berhak untuk mendapatkan atau menikmati beberapa keistimewaan atau 'privileges' yang berbentuk undang-undang, politik, ekonomi dan sosial," jelasnya di Majlis Penyampaian Sijil-sijil Kerakyatan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bangunan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di sini.

Menurutnya lagi, penerimaan Sijil Kerakyatan tidak bererti sudah selesai ataupun tercapai misi seseorang itu menjadi warga Negara Brunei Darussalam, malahan ia adalah permulaan bagi tanggungjawab dan peranan baru untuk dipenuhi dengan memahami bahawa matlamat kita untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bukanlah semata-mata untuk memenuhi keperluan atau kepentingan peribadi tetapi kita juga mempunyai tanggungjawab untuk dipenuhi dan disumbangkan kepada bangsa dan negara.

Di majlis itu beliau juga menggariskan beberapa tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah yang merupakan satu bidang yang sangat luas dan meliputi iaitu taat setia kepada raja, meng-

hormati dan mematuhi Perlembagaan dan undang-undang serta pemerintahan negara, mengiktiraf dan menghormati bangsa Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam, mendukung falsafah Melayu Islam Beraja, mendukung matlamat dan aspirasi negara dan mewujudkan perasaan setia dan cinta kepada negara.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan sijil-sijil kerakyatan kepada 171 orang penerima.

Terdahulu dari itu, para penerima Sijil Kerakyatan juga mendengar beberapa tajuk ceramah yang berkaitan dengan tanggungjawab sebagai rakyat, kewarganegaraan, hal-ehwal pendaftaran kad pengenalan dan hal-ehwal dokumen perjalanan (passport) yang disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Antara lain matlamat majlis adalah untuk mengalu-alukan dan seterusnya sebagai satu penghormatan di atas pengurniaan taraf sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN para penerima Sijil Kerakyatan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Masri Osman.



PEMANGKU Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Zainal Abidin ketika menyampaikan ucapan di Majlis Penyampaian Sijil Kerakyatan Negara Brunei Darussalam kepada 171 orang penerima. - Gambar oleh Masri Osman.

Kunjungan muhibah Kepala Staf TNI

BERAKAS, 31 Ogos. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith hari ini menerima kunjungan hormat daripada Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia (TNI), Angkatan Tentera Laut (KSAL), Laksamana TNI Bernard Kent Sondakh di Kementerian Pertahanan di sini.

Laksamana TNI Bernard Kent Sondakh yang berada di negara ini bagi lawatan perkenalan selama dua hari bermula kelmarin dengan diiringi oleh tiga orang pegawai kanan tentera yang lain.

Sejurus selepas itu Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia (TNI), Angkatan Tentera Laut KSAL kemudiannya mengadakan kunjungan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato

Oleh
Abu Bakar HAR

Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Sementara kelmarin, Laksamana TNI Bernard Kent Sondakh telah memulakan lawatan dengan mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei yang berlangsung di Markas Ang-

katan Tentera Laut Diraja Brunei, Muara.

Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan Angkatan Laut Tentera Nasional Indonesia mempunyai hubungan kerjasama dua hala yang erat meliputi pelbagai aspek yang luas seperti program lawatan, program pertukaran anggota, kursus ketenteraan, seminar dan mesyuarat berkala yang membawa kepada pelaksanaan kerja-

sama untuk kepentingan bersama kedua-dua buah angkatan tentera.

Lawatan yang dilakukan oleh Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia (TNI), Angkatan Tentera Laut (KSAL) dilihat sebagai langkah untuk memperkembangkan lagi persefahaman dan persahabatan kedua-dua buah negara serta memperbaiki lagi kerjasama dua hala dan hal-ehwal ketenteraan laut.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menerima kunjungan Laksamana TNI Bernard Kent Sondakh. - Gambar oleh Abdullah HAD.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan hormat Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia (TNI), Angkatan Tentera Laut (KSAL), Laksamana TNI Bernard Kent Sondakh. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pemimpin pengakap berkursus

GADONG, 8 Ogos. - Lebih 30 ahli pemimpin dan penolong pemimpin pengakap negara, hari ini menghadiri Kursus Penerangan Am yang berlangsung di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) di sini.

Oleh
Aliddin HM

Kursus sehari itu dimuatkannya dengan lapan sesi seperti 'Apa Dia Pengakap', 'Apa Pengakap Buat', 'Pemimpin Dalam Kepimpinan Berpengakap', 'Skim Latihan Pemimpin', 'Struktur

PPNBD dan Persatuan Pengakap Daerah' dan 'Bantuan dan Sokongan'.

Kursus itu disusuli dengan sesi soal jawab dan diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh Awang Haji Juned bin Haji Ramli.

IT digunakan secara meluas

GADONG, 10 Ogos. - Ekonomi baru merupakan era di mana penggunaan teknologi maklumat (IT) digunakan secara meluas dan menyebabkan peruntukan yang tinggi bagi mendapatkan pekerja yang berpengetahuan untuk menguruskannya.

Lantas kerana itu menurut Pengarah Pengurusan Pusat ASEAN-EC, Abd. Ghani bin Pg. Hj. Metusin adalah penting untuk meningkatkan kemahiran dalam pekerjaan.

Oleh
Abu Bakar HAR

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC menggariskan perkara tersebut dalam jerayawara pertama dalam negeri mengenai 'ASEAN-EC International HRD Convention and Exhibition' yang bertema 'Hr-Challenges and Opportunities In The New Economy' kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berlangsung di pusat ber-

knaan.

Terdahulu dari itu beliau merasa yakin bahawa tema kali ini masih relevan di mana ekonomi dunia kini menjalani perubahan struktur asasi yang dipandu oleh globalisasi dan revolusi dalam teknologi informasi maklumat (ICT) yang mana mentakrif semula peraturan-peraturan organisasi, keusahawanan dan pertandingan.

Pameran dalam persidangan yang akan berlang-

sung selama dua hari di Pusat Persidangan Antarabangsa pada bulan September ini dijangka akan dihadiri oleh peserta dari dalam dan luar negara termasuk mereka yang membuat pameran.

Selama persidangan berlangsung, Pusat Pengurusan ASEAN-EC akan menjemput beberapa pakar dalam sumber manusia, di samping pemimpin terkenal dunia bagi berkongsi pengalaman, pengetahuan dan pandangan.

Antara lain persidangan tersebut diadakan adalah bagi menyelidik cabaran terhadap sumber manusia dan membincangkan cara terbaik bagi menyelesaikan masalah, di samping membincangkan mengenai pembangunan semasa serta isu-isu terhadap kesan sumber manusia serta kesan kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam, kerajaan dan rakyat malah di peringkat dunia.

Jerayawara yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan ASEAN-EC dijangka akan ditentaskan kepada sektor swasta dan akan diakhiri di Viet Nam.

Persidangan dan pameran tersebut merupakan anjuran bersama antara Pusat Pengurusan ASEAN-EC bersama SMR Group Malaysia dan Transpower Management Brunei.



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani menggariskan mengenai 'ASEAN-EC International HRD Convention and Exhibition' dalam jerayawara kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Kerajaan terus hulurkan prasarana pendidikan

BERAKAS, 23 Ogos. - Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menekankan betapa pentingnya para pelajar mempunyai sikap bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sejak dulu lagi dan secara berterusan memberikan kemudahan pendidikan kepada rakyat negara ini dari tahap pra-universiti hingga peringkat tinggi, sama ada di dalam mahupun luar negeri.

Beliau menambah apa jua prasarana-prasarana pendidikan dan pelbagai kemudahan yang dihulurkan kepada pelajar, siswas-siswi baik yang menuntut dalam dan luar negeri hendaklah dijaga dan dihargai

Oleh
Haji Ahmad HS

dengan baik oleh semua golongan pelajar termasuk mereka yang mendapat anugerah biasiswa ke seberang laut.

"Para pelajar juga sentiasa diseru supaya selalu siap siaga dalam menghadapi cabaran di rantau orang serta berterusan menanai dan mempertahankan nilai-nilai kebruneian dan identiti nasional," jelasnya di Majlis Taklimat Kenegaraan Pra-Pelajaran bagi pelajar-pelajar baru biasiswa kerajaan sesi 2004/2005 yang berlangsung di Jabatan Penerangan di sini.

Di majlis itu beliau juga menasihati kepada para pelajar, bahawa mereka di-hantar ke seberang laut adalah untuk menimba

ilmu sebanyaknya, bukannya untuk bersuka ria ataupun membeli-belah kerana negara seperti di United Kingdom, Australia, Mesir, Malaysia dan sebagainya terlalu banyak perkara-perkara yang perlu dipelajari di sana.

Di samping itu para pelajar juga dinasihatkan apabila berada di luar negeri hendaklah menjaga nilai-nilai kebruneian dan imej yang baik untuk agama, bangsa dan negara.

Pelajar-pelajar juga mendengar dua ceramah kenegaraan yang disampaikan sendiri oleh Pengarah Penerangan dengan tajuk 'Perpaduan Pelajar Serta Menjaga Imej dan Identiti Nasional' dan 'Negara Kita dan Sistem Pemerintahan Kerajaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai

Penerangan Kanan, Awang Haji Ahmad Ghazali bin Haji Tengah.

Seramai 96 orang pelajar telah menghadiri taklimat tersebut yang mana 14

orang pelajar skim khas akan mengikuti pengajian 'A' Level di United Kingdom, 25 pelajar akan melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di Mesir dan

56 orang lagi akan melanjutkan pengajian di peringkat ijazah dalam pelbagai bidang kursus di universiti-universiti di United Kingdom.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bergambar kenangan bersama pelajar-pelajar baru biasiswa kerajaan sesi 2004/2005. Majlis berlangsung di Jabatan Penerangan.

Sastera dan Budaya

سسترا دان بوداي

LATAR BELAKANG

Jika dinilai pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei dari sudut latar belakangnya, hendaklah kita alihkan pandangan terhadap sejarah awal kewujudan dan perkembangan tamadun masyarakat Melayu tradisi itu sendiri. Sebelum masyarakat Melayu tradisi Brunei dipengaruhi oleh mana-mana agama, mereka sudah ada kepercayaan sendiri yang dipanggil kepercayaan animisme iaitu kepercayaan terhadap semangat atau roh. Dengan itu mereka telah memuja semangat atau roh agar kehidupan mereka selamat. Kemudian mereka dipengaruhi pula oleh agama Hindu dan Buddha. Sebelum pengaruh peradaban Islam mula bertapak di rantau ini, pengaruh peradaban Hindu telah meluas sejak dari zaman pertama Masehi hingga ke kurun 14 dalam dua bentuk falsafah agama iaitu agama Hinduisme dan Buddhisme. Pengaruh peradaban Hindu semakin lama kian menebal dalam jiwa masyarakat Melayu samad dari segi minda, falsafah hidup, mahupun dalam bidang kesusasteraan.

Apabila agama Islam telah diperkenalkan dan diterapkan kepada penduduk tempatan, berlakulah pertembungan budaya antara kepercayaan animisme, Hindu-Buddha dan juga agama Islam. Kedatangan agama Islam tidak dapat mengubah pandangan hidup masyarakat Melayu terhadap kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha tetapi berlaku hubungan sinkretisme (perenyawaan) terhadap kepercayaan-kepercayaan tersebut. Dalam erti kata lain, kepercayaan asing ini disesuaikan dengan kepercayaan tempatan. Orang-orang Melayu umumnya memang senang sekali dipengaruhi oleh kepercayaan yang bercampur-aduk antara unsur-unsur agama dengan animisme. Jadinya setiap pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi adalah berpanca dari pengalaman hidup mereka yang dihasilkan melalui kepercayaan yang bercampur atau sinkretisme.

PANDANGAN HIDUP

Pandangan hidup selalunya merujuk kepada konsep realiti yang dikongsi bersama oleh sekumpulan masyarakat seperti kebudayaan, sejarah, kelompok etnik, pengalaman dan sebagainya. Pandangan hidup adalah fenomena individu dan juga berkelompok. Pandangan hidup juga melibatkan kebudayaan serumpun atau seketurunan yang berhubung dengan pemikiran setiap individu. Ini termasuklah segala kebudayaan masyarakat yang diamalkan seperti luahan atau ekspresi (bahasa), cara individu menyampaikan cerita kepada orang lain dan cara mereka bekerjasama untuk kebaikan kelompok itu. Lazimnya pengalaman hidup bagi individu itu boleh menimbulkan variasi dari segi penafsirannya dan tingkah laku berdasarkan pengetahuan yang diperolehi dari pengalaman yang bererti bagi individu itu. Pandangan hidup itu mestilah bersesuaian dengan budaya yang dimiliki dan ada rasa kebenaran.

SASTERA TRADISIONAL BRUNEI

Sastera tradisional Brunei merupakan pancaran masyarakat Melayu yang statik dan terikat. Maksudnya statik ialah yang kaku dan tidak berubah manakala terikat ialah terikat dengan bentuk-bentuk tradisi seperti unsur-unsur konvensional, simbolisme dan sebagainya. Selain itu ia juga mengandungi falsafah-falsafah hidup masyarakat Brunei dari segi politik, sosio-budaya dan ekonomi. Ini kerana sebagai pancaran daripada masyarakat, kesusasteraan sesuatu zaman sedikit sebanyak tentu sekali akan menggambarkan keadaan masyarakat, cara penghidupan ataupun cara berfikir dalam masyarakat zaman itu. Jadinya dalam karya sastera sudah tentunya menggambarkan nilai-nilai kebudayaan yang diwarisi dan berkaitan dengan kehidupan sekeliling pengarang sama ada ia disampaikan secara langsung mahupun secara kebetulan.

PANDANGAN HIDUP MASYARAKAT MELAYU TRADISI BRUNEI DALAM HIKAYAT SI BUJANG MALIWALA

Pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei diwarisi dari turun-temurun di mana ianya berpanca daripada pengalaman-pengalaman yang bererti dalam hidup mereka. Kemudian pengalaman hidup ini dikongsi bersama dengan ahli-ahli dalam

HIKAYAT SI BUJANG MALIWALA: CERMIN HIDUP MASYARAKAT MELAYU TRADISI BRUNEI

kelompoknya sama ada pengalaman hidup itu berbentuk pemikiran, falsafah, budaya, pengetahuan, kepercayaan berunsur luar biasa, ajaib, dewa-dewa, raja dan sebagainya.

Dalam Hikayat Si Bujang Maliwala ini terdapat pelbagai ragam manusia dan gambaran hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei yang mengandungi unsur atau nilai-nilai budaya masyarakat Melayu tradisi tempatan di mana ianya diamalkan sesuai dengan zamannya. Kepercayaan Hindu dan Islam disesuaikan dengan kebudayaan tempatan. Ini tidak mengira sama ada ia diamalkan oleh golongan raja mahupun rakyat jelata. Antara pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei yang menjadi amalan mereka dalam Hikayat Si Bujang Maliwala ialah:

1. Sistem Pemerintahan Beraja:

- Inang

Dalam pemerintahan beraja di Brunei, sistem pembantu istana yang disebut sebagai inang memang berperanan penting menjadi penghubung dalam sebuah istana. Ia juga merupakan satu kemestian kerana inang ialah gambaran salah satu sistem sosial masyarakat istana walaupun tarafnya sebagai orang yang dipertanggungjawabkan memelihara kebajikan putera dan puteri raja.

Adanya inang dalam hikayat ini menunjukkan tumpuan masyarakat Melayu tradisi Brunei itu ialah berpusat di istana. Ini kerana istilah inang itu sendiri memang hanya di istana. Inang tidak terdapat di rumah, tempat kerja, restoran dan sebagainya. Selain itu, kita juga dapat melihat adat masyarakat Melayu tradisi Brunei melalui petikan di bawah:

*Bungku Inang pun bajalan,
Ditarih taph kain cencawi damit,
Bajalan membuang limbai
Limbai kanan sambangan lalu,
Kairi dalam menari,
Salah limbai dijulang akan,
Salah langkah disundur akan,
Alas manis dagang disurut,
Tingkah lakunya manis
sabarag paks yang layu,
Langsung mengadap Astiri
Raja Astiri.*

Di sini menggambarkan adat orang Melayu bila mengadap raja atau sesiapa saja, mereka itu akan berdatang sembah dengan cara yang beradab, sopan santun, lemah lembut dan manis tingkah lakunya. Rangkap di atas menggambarkan inang yang berjalan dengan langkah yang kecil dan teratur. Berjalan membuang limbai bermaksud jalannya lenggang-lengguk dan lenggangannya disamakan seperti helik menari. Ini menunjukkan pengarang mengambil unsur-unsur alam kerana apabila helik terbang, ia nyasakan-akan seperti menari. Setiap langkah inang juga jika tersilap, hendaklah dibetulkan semula. Manakala tingkah lakunya manis seperti paks yang layu. Paks merupakan sejenis sayur tempatan, rasanya manis dan apabila dimasak paks itu akan menjadi lembut. Si pencerita nampaknya mengambil unsur-unsur tempatan dan juga pengalamannya terhadap hal-hal sekeliling untuk diterapkan dalam ceritanya.

- Pegawai Istana

Selain inang, terdapat juga pegawai-pegawai istana seperti

Jurubatu dan Jurumudi yang bertanggungjawab mengendalik dan memastikan dandang (perahu) yang hendak dinaiki itu dalam keadaan selamat. Ini menunjukkan pegawai-pegawai istana itu mempunyai tanggungjawab yang berat bagi menjaga keselamatan raja. Keadaan ini diwarisi sehingga sekarang kerana sebelum raja berangkat ke suatu tempat, kenderaan yang hendak dinaiki mestilah diperiksa terlebih dahulu. Dalam Hikayat Si Bujang Maliwala:

*Ya bapa Si Jurubatu
Mamaku Si Jurumudi
Kawan Taman di dalam
ajung
Baik periksa korban kitani
Barang kandur kamu kancang
Barang puah kamu ganti
Bukan aku kan bama-mala
Di laut malatu di dalam laut.*

Dalam petikan di atas menunjukkan adanya peranan Si Jurubatu dan Si Jurumudi dalam mengendalik sebuah dandang. Jurubatu merupakan orang yang bertindak sebagai pencari di mana ia melihat keadaan sekeliling dan tempatnya di depan perahu. Manakala Jurumudi tempatnya di belakang perahu yang juga dipanggil sebagai pengemudi. Lazimnya ia bertindak mengawasi perjalanan perahu agar sentiasa berjalan lurus dan lancar. Unsur-unsur tempatan yang dapat dilihat pada rangkap ini ialah perlakuan atau tanggungjawab Si Jurubatu dan Si Jurumudi yang memang sudah lazim berlaku di Brunei. Selain itu bahasa-bahasa tempatan juga digunakan seperti kandur, puah, kancang, ganti dan sebagainya.

Pegawai-pegawai yang lain juga terdapat dalam hikayat ini seperti Pengiran Digadong, Pengiran Tumanggung, Pengiran Pemancha dan Pengiran Bendahara. Mereka juga sangat diperlakukan khidmatnya sama ada dalam urusan dalaman mahupun di luar negeri. Lebih-lebih lagi dalam hal menjaga keselamatan raja dan negeri. Mereka juga dikatakan antara orang yang paling dekat dengan raja. Segala titah perintah raja disampaikan melalui mereka dan perkhidmatan hal-hal di luar istana, hanya mereka yang berhak menyampaikan kepada raja. Misalnya dalam Hikayat Si Bujang Maliwala telah memberi surat kepada Pengiran Digadong untuk disampaikan kepada Raja Jamian Ambar. Petikan yang menunjukkan adanya pembesar-pembesar diraja ini ialah:

*Eh bakata titahnya raja:
Ya kita Pian Tumanggung, Pian
Bendahara
Baik liri ajung ke laut
Antau banar antau tiada
Pahabaran Baliau Calan
Ditarih Sinduan Kuning
Pian Digadong, Pian Pemancha
Sinduan Kuning pun
dibayau oleh kawan taman
laskar panglima,
Dua kali bayahay barinting,
Katiganya langsung
marapat sabuah dandang
sabah.*

Di sini menunjukkan adanya unsur-unsur tempatan yang menggambarkan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei. Penggunaan gelaran Pengiran Bendahara, Pengiran Temenggung, Pengiran Pemancha dan Pengiran Digadong hanya terdapat di Brunei. Jika di Melaka Pembesar Empat (4) ini

dipanggil Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Ini jelas membuktikan pandangan hidup si pencerita atau masyarakat ketika itu adalah tertumpu kepada unsur-unsur tempatan yang terdapat di sekelilingnya. Kemudian unsur-unsur ini diserahkan dalam cerita.

- Kawalan Ketat Di Istana

Lazimnya di istana memang mempunyai kawalan ketat dan jagaan rapi oleh askar-askar bersenjata dan panglima-panglima yang gagah berani. Tujuannya ialah bagi mengelakkan istana daripada dicerobohi oleh musuh. Ini adalah bue menjaga keselamatan raja. Keadaan ini memang sejak dahulu lagi diamalkan, bukan sahaja di Brunei malah juga di tempat-tempat lain. Amalan ini berterusan sehingga sekarang di mana kawasan istana dijaga oleh pegawai-pegawai keselamatan. Dalam hikayat ini ada menyebutkan mengenai hal tersebut:

*Si Bujang Maliwala pun naik,
Manaja mahligai tinggi,
Dilaitnya samang kawal
mahligai tinggi,
Cukup dangan alat senjata.
Laskar panglima,
Panglima tuhan paku,
Panglima tuhan ampas,
Manungku mahligai tinggi.*

Ini terbukti bahawa kawalan istana itu dijaga dengan rapi dan cukup dengan askar yang gagah dan kebal serta cukup dengan alat senjata. Keadaan ini memang berlaku di Brunei pada ketika dulu kerana panglima-panglima yang dilantik oleh raja itu walaupun dari golongan rakyat jelata tetapi bukanlah dari kalangan orang. Dipercaai juga mereka ini adalah orang yang terpilih oleh raja dan mempunyai ilmu kekebalan serta pakar dalam ilmu mempertahankan diri. Jadinya terbukti unsur-unsur tempatan dalam memainkan peranan penting dalam penciptaan cerita ini.

- Penasihat Raja

Dalam istana selalunya yang menjadi penasihat diraja ialah mereka yang dekat dengan raja seperti pembesar negara, pegawai-pegawai istana dan sebagainya. Mereka ini yang bertindak memberi tunjuk ajar, memberi buah fikiran dan juga menasihati raja sebelum bertindak. Inilah budaya orang-orang Melayu Brunei yang begitu taat setia dan sayang kepada rajanya. Dalam hikayat ini:

*Bakata Jurubatu:
Wang malai wang bungaku,
Wang suting caramin mata,
Aku maminta ampan kepada
kaki tangan awangku,
Jangan kilani masak ka Nagri
Jamian Ambar,
Nescaya ajung awangku tiada
babalik,
Manjadi takat manunggal
(bata karang) larwa-larwa,
Di kuala Jamian Ambar,
Malaiku kua tangkap,
Kana bawa mudik ka ulu,
Kana taruh dalam tarunggu (perajara) patang,
Sakit sangsara buah atiku,
Karna mana anak raja
sakarang ani,
Kurang satu ampat puluh,
Di dalam tarunggu patang,
Ajungnya menjadi takat
manunggal larwa-larwa,
Dilabuh sauh singa barandam.*

Di sini menunjukkan adanya undang-undang tempatan bila

mana terdapat orang yang menceroth masuk ke suatu negeri tanpa sebarang izin, mereka akan ditangkap, dipenjarakan dan disiksa. Ini memang berlaku di Brunei kerana orang yang menceroth itu dianggap sebagai penjenayah dan mereka ini tidak akan dilepaskan. Bahasa-bahasa rayuan juga dikemukakan pada rangkap di atas yang menandakan kasih sayang dan tanggungjawab selaku pegawai istana yang taat setia kepada raja seperti malai, bungaku, suting caramin mata dan sebagainya yang bermaksud 'yang disayang'.

PEPERANGAN

Peperangan juga merupakan sesuatu yang sering berlaku di zaman silam. Ini adalah kerana pada zaman feudal, unsur kegagahan dan kekuasaan adalah faktor utama wujudnya sesebuah kerajaan yang unggul dan disegani. Selain itu peperangan juga dijadikan alat untuk 'survive' memandangkan masyarakat Melayu tradisi Brunei itu sering saja ditindas oleh golongan penguasa sama ada dari dalam mahupun di luar negeri. Di Brunei juga sering berlaku peperangan yang bertujuan untuk mencapai hajat yang tertentu di kalangan penguasa misalnya peperangan Brunei dengan Sulu, Brunei dengan Sepanyol yang dipanggil Perang Kastila, Perang Saudara, peperangan Brunei dengan Inggeris dan sebagainya. Jadinya di sini menunjukkan peperangan itu adalah sesuatu yang lumrah terjadi di Brunei bagi mencapai tujuan masing-masing seperti meluaskan tanah jajahan, ingin memiliki hasil peribumi di tanah jajahan dan sebagainya. Begitu juga dalam Hikayat Si Bujang Maliwala yang mengandungi unsur-unsur tempatan iaitu peperangan di kalangan pemerintah yang berkuasa. Peperangan merupakan kemuncak penyelesaian dari persengketaan wira dengan musuhny kerana ingin mendapatkan sesuatu seperti ubat, geliga sakti, puteri cantik dan sebagainya. Misalnya dalam hikayat ini menyaksikan peperangan antara Bujang Maliwala dengan Sultan Ketiga:

*Sultan Katiga pun menyintak padangnya,
Dipacak akan tiga kali,
Ditit tiga kali,
Langsung ditatakkannya
kepada Si Bujang Maliwala,
Si Bujang Maliwala
mayingkir akan,
Batinnya tiada lastak ka bumi,
Lehernya tiada dapat disintak,
Mamayu Allah Si Bujang
Maliwala
Ditataknya babanar-banar,
Ditataknya basigra-sigra,
Bujang Maliwala dengan
Si Bongsu Amas Kayangan:
Si Bongsu Amas Kayangan
pun manyintak padangnya,
Dipacakannya tujuh kali,
Dititkannya dilambungkannya,
Ditangkannya,
Sigra ditatakkannya kepada
Si Bujang Maliwala
Si Bujang Maliwala manyingkir akan.*

Di sini jelas menunjukkan bahawa pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei memang terserlah dalam cerita ini. Keadaan sekeliling si pencerita dan juga pengalaman yang diperolehinya sendiri telah memberikan ilham kepadanya dalam mencipta satu cerita yang bermutu dan menonjolkan suasana alam

persekitaran. Lazimnya peperangan ini hanya berlaku di kalangan penguasa yang ingin meluaskan tanah jajahannya sebagai tanda kedaulatannya.

- Budaya menghantar ufti

Budaya menghantar ufti ini memang dikenakan kepada sebuah negara yang sudah ditakluk dan tunduk kepada sebuah negara yang berkuasa. Mereka ini akan disyaratkan membayar ufti kerana negeri yang ditakluk itu berada di bawah naungan, jagaan dan pemerintahan negeri yang menakluk. Dalam masyarakat Melayu tradisi Brunei, keadaan ini pernah berlaku dan sesuatu yang lumrah apabila dikatakan suatu ketika dulu negeri Sulu, Sarawak dan sebagainya telah membayar ufti kepada Brunei kerana negeri ini berada di bawah kekuasaan Brunei. Si pencerita nampaknya mengambil unsur-unsur tempatan iaitu kejadian yang benar berlaku sebagai sumber dalam penghasilan ceritanya. Misalnya dalam Hikayat Si Bujang Maliwala:

Bakata Sultan Bongsu:

*'Doi sanak dangkaku sanak,
hantikan dulu kitani baparang,
aku mangkan mangantar upati,
Ka dangan sanak
Kadang tahun mambalang tahun
Tirukan aku dangan sanak
mulikan bangkai
Rakyat mulikan ka jati lama.'*

Di sini memberi penafsiran bahawa mereka yang mengaku kalah dalam peperangan dan inginkan perdamaian hendaklah menghantar ufti setiap tahun kepada negeri yang menewaskannya. Selain itu, unsur tempatan yang lain ialah penggunaan perkataan 'dangan sanak' yang bermaksud sudah mengaku bersaudara dan memilih kedamaian sebagai jalan penyelesaian. Perkataan Brunei yang lain ialah seperti mangkukan; mengaku, mulikan; kembalikan dan sebagainya.

2. Kepercayaan:

- Tilikan

Tilikan merupakan salah satu kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisi Brunei. Ia adalah satu kepercayaan yang agak sukar untuk dikikis kerana kepercayaan ini masih lagi wujud sehingga kini. Ia merupakan kepercayaan terhadap perkara-perkara yang ghaib atau mistik. Tilikan lazimnya berlaku di kalangan rakyat jelata yang ingin mengetahui sesuatu yang belum terjadi atau yang akan terjadi. Kepercayaan ini sangat kuat pengaruhnya di kalangan rakyat dan tidak juga dinafikan mempengaruhi kelompok elit di istana. Misalnya dalam Hikayat Si Bujang Maliwala:

*Ya babu ja orang babu,
Jangan lalai babuku jangan leka,
Tolong liat di dalam pahal babuku,
Di dalam nujum babuku,
Masa mana aku kan berangkat,
Katika baik jahannya baik,
Ja orang babu.*

Inilah pandangan masyarakat Melayu tradisi Brunei dan juga kehidupan alam sekelilingnya yang memang hampir dengan perkara-perkara ghaib dan mistik. Perkara-perkara ini mudah dipercayai kerana ia berkaitan dengan kehidupan dan pengalaman lalu yang pernah dilalui oleh mereka

CERITA

M

UTIARA halus gugur membasahi pipi Yanti. Pandangannya tambah kacau, tulisan yang dibacanya semakin kabur. Dia tersedu-sedu sambil meletakkan surat itu di atas meja kayu usang di biliknya. Sudah tiga hari Yanti berada di bilik itu. Tiga hari sudah cukup baginya.

"Ibu pulanglah segera bu, adik Tati sakit, adik Tati sering menyebut-nyebut nama ibu," kata-kata Tini anak sulungnya sentiasa bermain di benaknya. Rasa keibuan Yanti tambah menebal. Waktu itu juga dia ingin pulang menatap kedua anaknya. Kalau dia ada sayap dia akan terbang ke sana. Pasti dipeluk dan dicium anaknya itu. Ibu mana tidak sayangkan anak. Binatang lagi sayangkan anak, inikan pula naluri manusia yang bergelar perempuan. Tapi segalanya berlaku tanpa diduga.

"Kalau kau tahu apa terjadi kepadaku di sini sudah tentu kau simpati dengan nasib ibumu atau kau terus membenci dan tidak mengaku bahawa inilah ibumu yang sebenarnya," tambah Yanti sambil merenung jauh.

Kebisingan kota Kuala Lumpur tidak menjadi halangan kepadanya untuk merenung jauh kisah-kisah lampau. Kekaburan bandar raya itu disebabkan jerebu yang hebat bertambah gelap oleh air jernih yang membasahi kelopak mata. Yanti terus terpaku. Pandangannya dilemparkan ke tingkap. Menara Kuala Lumpur nampak kelihatan. Fikirannya terus memutar-kan video silamnya. Kalau Aziz M. Osman, Yusof Haslam atau Julie Dahlan tahu kisahnya pasti dijadikan bahan untuk filem mereka. Kalaupun tidak 'box-office', cukup menarik perhatian ramai.

Lima tahun dulu, Yanti tidak seperti sekarang. Bekerja keras membanting tulang menyara kedua-dua anaknya termasuk tiga orang adiknya. Cengkaman kemiskinan menjadikan dia begitu. Setiap pagi Yanti berjalan dari rumah ke rumah menjual jamu sediaan diminum. Jamu-jamu itu telah disediakan lebih awal. Berapa sangat pendapatan yang diperolehinya. Cukup untuk makan mereka sekeluarga. Suaminya Erman entah ke mana. Setahun pergi tanpa berita. Pekerjaan Yanti dicemburui oleh suaminya. Tambahan pula wajah Yanti yang anggun menjadi bahan pertengkaran mereka berdua.

Sejak kecil Yanti amalkan minum jamu dengan

madu. Detik itulah bermulanya perpisahan mereka. Yanti tidak tahu di mana suaminya. Tapi dia pasti suaminya di bumi Malaysia. Ramai orang kampungnya mencari rezeki di sini. Setiap tahun pulang ke kampung, setiap bulan wang dikirim. Isteri di kampung mampu membuat rumah dan membeli tanah hasil wang suami. Berlainan dengan Yanti, pondok usangnya terus usang.

Suatu hari Yanti berkead untuk mengubah corak hidupnya. Walaupun niatnya dihalang oleh kedua orang tuanya, dia tetap mahu pergi dari situ. Dia ada matlamat. Matlamatnya ingin melihat anaknya senang. Dengan bantuan Suzi rakannya yang telah dua tahun merantau ke seberang, Yanti dapat melepasi halangan ombak ganas. Duit simpanannya tidak cukup sebagai tambang. Dia meminjam daripada Suzi, mujurlah Suzi bermurah hati dan memberinya. Cabaran yang dilalui Yanti bermula dari laut lagi. Walaupun mabuk laut, namun sampai juga di pangkalan. Keadaan sekeliling gelap-gelita. Sampai di pangkalan, lori sudah menunggu. Waktu jam tiga pagi. Masing-masing naik ke lori dan menuju ke destinasi yang tidak diketahui hingga kini. Mulai saat itulah pelbagai cabaran dilaluinya.

Teringat Yanti akan Tauke Lim. Lelaki bertubuh besar yang sanggup mengambilnya bekerja di kedai. Lelaki inilah yang banyak membantunya. Tiada siapa yang berani mengambil Yanti bekerja. Di situlah bermulanya sejarah hidup Yanti. Bermula jam lima pagi berakhir dua belas malam. Di kedai Tauke Lim, Yanti mengenal erti peritnya sebuah kehidupan demi sesuap nasi. Pada mulanya Yanti cuma bekerja di bahagian dapur, memasak dan membasuh pinggan. Beberapa bulan selepas itu, Yanti ditugaskan di bahagian luar. Walaupun Yanti merasa berat untuk melakukannya, tetapi lama kelamaan menjadi lali. Semua itu kerana anak-anak di kampung.

Sejak itu Yanti mula bergaya. Pipi dan bibinya sentiasa merah menyala. Tauke Lim membelikan beberapa helai baju.

TIDAK SEINDAH MIMPI

Oleh Hajah Yati

Dia berasa pelik dan kepelikannya dijawabnya sendiri.

"Ah, aku pelayan, mestilah perlu pakai baju cantik dan kelihatan bergaya," bisik Yanti dalam hati.

Kecantikan asli Yanti nampak menyelerah. Tauke Lim semakin memberi perhatian kepada Yanti. Satu malam kebetulan pelanggan tiada, Tauke Lim menutup kedai awal. Pekerja lain dibenarkan pulang awal. Yanti serba salah kerana penginapannya di tingkat atas kedai. Dia terus mengemas dan menyusun kerusi meja. Tauke Lim mendekatinya. Malam itu terjadilah sesuatu yang tidak diingini. Hari-hari seterusnya, Yanti macam faham apabila Tauke Lim menutup kedai awal Yanti serba salah. Ke mana harus dia melarikan diri. Antara budi dan badan. Pendapatannya bertambah dan dia sering mengirimkan wang yang banyak kepada keluarganya.

"Ke mana harus ku pergi," bisik hatinya.

Sejak itu roda-roda hidup Yanti lebih ligat. Yanti cuba mengubah pekerjaan daripada pelayan kepada pembantu rumah. Pernah dia mendaftar dengan agensi pembantu rumah setelah dua bulan tidak bekerja. Yanti diberitahu dia akan bekerja di rumah lelaki. Dia diberitahu isteri lelaki berkenaan baru saja bersalin. Anak-anak empat, dua bersekolah, seorang empat tahun dan yang kecil baru sahaja melihat dunia. Dua hari selepas isterinya bersalin, pembantu rumahnya lari kerana tidak sanggup menanggung beban kerja. Yanti dijanjikan gaji lumayan iaitu RM600 sebulan. Sambil mengemas pakaian bermacam persoalan timbul di benak Yanti. Yanti tidak pernah bekerja di rumah orang.

"Bagaimana kiranya isteri lelaki itu, tentu cerewet, tentu semua tak

kena," bisik hatinya.

"Anak-anaknya tentu banyak karenah, manja dan suka mengarah itu ini," semua itu menakutkan Yanti. Segala-galanya tiada jawapan selagi Yanti tidak mengalaminya sendiri.

Petang itu Yanti bersiap-siap. Tepat pukul 4.30 petang, sebuah kereta hitam tiba di pejabat agensi pembantu. Semacam sudah faham, Yanti bangun dan mengangkat beg masuk ke kereta.

"Mana aku nak duduk, depan atau belakang," bisik hatinya.

Sebaik sampai, Encik Malik mempersilakan Yanti masuk dan diajaknya terus ke bilik isterinya. Yanti terus menghulurkan tangan kepada perempuan itu dan disambut lemah. Terharu juga hati Yanti. Yanti diberi sebuah bilik di tingkat bawah, hampir dengan dapur. Bilik itu agak luas. Sambil mengeluarkan barang daripada beg, Yanti berkira-kira kerja apa yang patut dilakukannya.

Malam itu Yanti terlalu letih, hanya jam dua pagi baru dapat melelapkan mata. Macam-macam kerja dilakukannya, maklumlah sudah empat hari rumah itu tiada pembantu. Semua kerja dilakukan Yanti dari memasak, membasuh, mengemas, menjaga Puan Aini yang baru lepas bersalin dan anak-anaknya yang empat orang itu. Memang amat melelahkan tetapi sudah menjadi tanggungjawabnya. Setiap malam jam dua belas baru dapat membaringkan diri di katil. Itu pun terpaksa bangun dua kali menyalin lampin si kecil.

Selepas empat puluh hari, Puan Aini bekerja semula. Yanti rasa selesa sedikit. Pergerakannya tidak ada siapa yang perhati. Dia dapat menyiapkan rutinya dengan cepat. Hari berganti hari, bulan berganti bulan, Yanti terus menjalani hidupnya di

MALAM itu terjadilah sesuatu yang tidak diingini. Hari-hari seterusnya, Yanti macam faham apabila Tauke Lim menutup kedai awal. Yanti serba salah. Ke mana harus dia melarikan diri. Antara budi dan badan. Pendapatannya bertambah dan dia sering mengirimkan wang yang banyak kepada keluarganya.

rumah Encik Malik dan Puan Aini. Biasanya Encik Malik pulang awal daripada isterinya. Hujung minggu Puan Aini sibuk dengan aktiviti persatuan. Pendek kata terlalu sedikit masa untuk anak-anaknya. Anak-anaknya semacam tidak kisah dengan ibu mereka. Ada jadi tiada pun jadi. Mereka lebih rapat dengan Yanti. Sakit pening Yanti yang jaga. Jauh di sudut hatinya, Yanti terkenang kenangan anak-anaknya.

"Anak orang kujaga dengan baik, anakku entah sakit entah lapar," kata Yanti. Hatinya merontar-ronta untuk berjumpa anak-anaknya. Setiap kali teringat anak-anaknya setiap kali mutiara putih jatuh ke pipinya.

"Bibi kenapa menangis, emak marah Bibi ke?" tanya Ika anak kedua Encik Malik, semasa mereka bersiar-siar di halaman rumah besar itu sambil menyorong Ila yang berusia sembilan bulan.

"Tak adalah, Bibi teringatkan anak Bibi, tentulah mereka rindukan Bibi," beritahu Yanti sambil mengesat air matanya.

"Bibi baik, tentu anak Bibi sayangkan Bibi," tambah Ika lagi. Yanti tidak berkata apa-apa. Kereta sorong itu terus ditolaknya hingga ke taman permainan. Yanti terus melabuhkan punggungnya di kerusi. Iman, Ika dan Ima mengerumuninya. Mereka terus berbual dan bercerita.

Sebentar kemudian kereta hitam Encik Malik masuk ke perkarangan rumah. Melihatkan keadaan rumah sunyi sepi, Encik Malik meninjau-ninjau ke belakang rumah. Apabila melihat anak-anaknya di taman, dia pun datang menghampiri. Encik Malik melayan anak-anaknya bermain. Yanti rasa serba salah. Beberapa minit kemudian, masuk pula kereta Puan

Aini. Hatinya cemburu melihat suami dan anak-anaknya serta Yanti begitu mesra di taman. Mendengar Puan Aini pulang, Yanti pun mula melangkah ke dalam rumah. Semestinya dia ada banyak kerja. Menyiang ikan dan sayur serta menyimpannya. Yanti bertanya itu ini kepada Puan Aini. Biasanya dia tidak perlu bertanya. Puan Aini akan mengarahkannya. Tapi petang itu mukanya amat masam macam cuka. Yanti tidak tahu kenapa.

"Mungkin ada masalah di pejabat," Yanti menyedapkan hatinya.

Semasa Yanti di dapur dia mendengar pertengkaran antara Encik Malik dengan Puan Aini. Yanti rasa serba tak kena tambahan pula namanya ada disebutkan dalam pertengkaran itu. Dia tetap meneruskan kerjanya.

Malam itu kerjanya bertambah. Puan Aini akan mengadakan jamuan sempena kenaikan pangkatnya sebagai Eksekutif Pemasaran. Walaupun banyak makanan itu ditempatkan tetapi Yanti tetap sibuk menyediakan peralatan dan kuih-muih.

"Ni, cantik pembantu rumah you, you tak cemburu ke," perkataan itu keluar dari mulut kawan baiknya, Shima, Aini terperanjat mendengar pertanyaan itu hingga soalan itu tidak dijawabnya.

"You kena jaga-jaga Ni, pasang badan nanti Malik terpicat kepada perempuan itu, susah kau dibuatnya," tambah Dila pula.

Pertanyaan-pertanyaan itu menyakitkan hati Aini. Kalau bukan kawan baiknya sudah pasti ditamparnya perempuan berdua itu. Aini bertambah sakit hati bila terkenangkan peristiwa di taman petang semalam sehingga dia tidak berbaik dengan suaminya. Sikap lembut Malik yang sudah banyak bersabar sedang dipergunakan oleh Aini. Dia tetap degil dan egonya kian menjadi-jadi. Malik tetap melayan tetamu walaupun hatinya Tuhan sahaja yang tahu. Sampai satu peringkat, Malik lemas memikirkannya. Apatah lagi sekarang Aini terlalu ego dengan tugas barunya. Tidak usah nak

tolong buat kerja rumah, balik ke rumah pun lewat. Kalau dulu pukul enam dah balik, kini jam lapan atau sembilan perkara biasa.

Satu petang, Malik menceritakan masalahnya kepada Yanti. Yanti mendengar saja tanpa menjawab apa-apa. Dalam hatinya memang dia simpati dengan tuannya itu. Setahun lebih dia bekerja dengan Encik Malik dia tahu keadaan yang sebenarnya. Malam itu Yanti tidak dapat melelapkan mata. Kata-kata dan harapan Encik Malik bermain-main difikirannya. Dalam hal itu dia rasa dirinya terlibat sama. Yanti tidak mahu rumah tangga Encik Malik musnah lantaran hadrimya dia di situ. Walaupun semua itu kerana sikap Puan Aini tetapi kehadirannya menuntut kerja tindakan Encik Malik.

Malam itu juga dia berkemas. Yanti tidak sampai hati untuk meninggalkan rumah itu pada siang hari kerana bimbang keselamatan anak-anak Encik Malik. Lebih baik dia ambil keputusan malam itu juga. Tepat jam tiga pagi, Yanti mencium Ila dengan linaan air mata, lalu membuka pintu dan melangkah pergi meninggalkan rumah besar itu. Kali ini dia tidak mahu berjumpa Tauke Yap kerana bimbang Encik Malik mencarinya.

Sudah tiga hari Yanti menyewa bilik itu. Surat yang diterimanya sehari sebelum dia meninggalkan rumah Encik Malik sentiasa menjadi igauan tidurnya.

"Ibu pulanglah segera bu, Tati dan Tini merindui,"

Yanti bingkas bangun dari kerusi usang itu. Dengan pantas dia mengemas pakaian dan mengambil teks menuju ke pelabuhan. Air matanya mengalir perlahan-lahan. Inilah nasib perantau. Teks terus meluncur melalui Jalan Bangsar menuju ke destinasi.

Selamat tinggal Encik Malik, Ika, Ila, Ima dan Iman.

"Lupakanlah niat sucimu itu Encik Malik," bisik hatinya.

SEMASA Yanti di dapur dia mendengar pertengkaran antara Encik Malik dengan Puan Aini. Yanti rasa serba tak kena tambahan pula namanya ada disebutkan dalam pertengkaran itu. Dia tetap meneruskan kerjanya.

Dari muka 11

sendiri. Tilikan ini juga kadangkala memberi petanda yang betul dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi Brunei dan mereka patut kepadanya. Kepercayaan sebagai juga masih terdapat pada zaman sekarang seperti tilikan bagi barang yang hilang, tapak tangan dan sebagainya. Jelas membuktikan bahawa pandangan ini agak sukar untuk dikikis kerana sudah sebatu dengan jiwa masyarakat Melayu Brunei dan pandangan ini dapat dilihat dalam cerita ini. Dalam karya ini Bujang Maliwala disarikan supaya bersetia pada esok hari setelah Raja Asiri menghantar tilikan dan dipercayai jika dilanggar tilikan ini akan membawa masalah atau malapetaka kepada Bujang Maliwala. Di sini menyaksikan betapa kuat kepercayaan masyarakat Melayu tradisi Brunei terhadap tilikan.

- Berselawat

Dalam karya ini juga ada menyatakan tentang peranan selawat di kalangan masyarakat Melayu tradisi Brunei. Ia merupakan kesan dari pengaruh kedatangan Islam di Brunei. Bacaan selawat ini usamakan seperti kita memohon kepada Tuhan untuk keselamatan ataupun berdoa kepada-Nya. Dalam hikayat ini peranan selawat digunakan semasa Bujang Maliwala hendak berangkat pergi. Ini juga seolah-olah seperti kita bertawakal kepada Allah bagi mendapatkan perlindungan-Nya. Dalam hikayat ini:

*Alas manis tingkah lakunya,
Manis sebagai konon pakis yang layu,
Mendapat damang sebuah,
Dilamak pinara tiga kali,
Dibaca selawat tiga kali,
Langsung ia melompat,
Ajung pun ditolak,
Dilakas panambit carak buritan,
Santaili amas,
Ajung bapasar tiga kali,
Alas bapaling liri ka laut,
Maikatkan aying yang surut.*

Jelas peranan selawat dalam hikayat ini yang bertujuan sebagai doa atau penyerahan diri (tawakal) kita kepada Tuhan. Ini menjelaskan lagi akan unsur-unsur tempatan yang terdapat dalam cerita tersebut di mana masyarakat Melayu tradisi Brunei selalunya bersiap sedia dan kadangkala mengadakan majlis doa selamat sebelum mereka berangkat pergi ke tempat yang jauh. Bacaan-bacaan selawat ini tidak pernah ditinggalkan dan lazimnya dibaca setiap kali hendak pergi keluar rumah dan sebagainya.

- Mantera

Dalam karya ini juga ada menyebutkan tentang peranan mantra kepada masyarakat Melayu tradisi Brunei. Bacaan mantra ini merupakan bacaan yang dipohonkan kepada kuasa ghaib yang dianggap mempunyai kuasa magis. Ia kadangkala bertujuan untuk memohon keselamatan, mendapatkan kuasa sakti, kekuatan dalaman dan sebagainya. Dalam hikayat ini peranan mantra digunakan semasa Bujang Maliwala berada dalam kesesatan dan meminta pertolongan dari dewa. Misalnya dalam hikayat ini bila mana Bujang Maliwala berperang dengan Raja Bongsu:

*Bakata Si Bongsu Amas Kayangan:
"Yang yang ku Si dewata
Bukan aku asal Si Pugat
Asal Si Pandan
Asal ku anak raja
Membalah hani di angkusa
Memuar alam empat penjuru alam
buanu
Turunkan apa panyangat tabuan
Basar-basar ayam pangangan,
Sambarkan diaku anjing binatang."*

Budaya masyarakat Melayu tradisi Brunei memang erat hubungannya dengan kepercayaan terhadap dewa atau sesuatu yang ghaib. Bacaan-bacaan mantra ini mempunyai kesaktian yang luar biasa dan dipercayai memberi kebaikan mahupun keburukan kepada penggunanya. Selalunya di Brunei orang yang mengamalkan bacaan mantra ini ialah golongan tua. Adakalanya bacaan mantra dijadikan sebagai alat untuk berhubung dengan makhluk yang berada di alam lain (makhluk halus). Masyarakat Melayu tradisi Brunei juga percaya pada tanggal, azimat dan sebagainya di mana benda ini akan dibacakan mantra.

Jelaslah bahawa pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi ini terpacu melalui karya tradisional mereka. Kepercayaan dan amalan sebegini masih lagi terbawa-bawa sehingga sekarang seperti membawa kunyit dalam dompet yang sudah dibacakan mantra, minum air penawar dan sebagainya. Dalam rangkap di atas juga, ada menyebutkan 'Asal ku Si Pandan' di mana pandan ini merupakan

daun tempatan yang berbau wangi. Jadinya si pencerita mengambil unsur tempatan untuk bercerita dan kewangian daun pandan disamakan dengan asal raja yang bermaksud orang yang mulia dan bukan calang-calang orangnya.

- Mitos

Mitos merupakan salah satu kepercayaan yang mempengaruhi seluruh masyarakat Melayu tradisi Brunei. Ia adalah satu kepercayaan yang agak sukar untuk dihilangkan sehinggalah kepercayaan ini masih lagi wujud hingga kini. Ia merupakan kepercayaan terhadap sesuatu yang tidak dapat dipersoalkan tentang kewujudannya. Mitos lazimnya berlaku pada asal usul keturunan raja, asal usul tempat, sesuatu yang bersifat luar biasa dan sebagainya. Kepercayaan ini sangat kuat pengaruhnya di kalangan rakyat dan tidak juga dinafikan mempengaruhi kelompok elit di istana. Misalnya dalam Hikayat Si Bujang Maliwala memperlihatkan mitos pakaian perang seorang raja:

*mamasuki sahar Kudandang Acheh
mangantam di lamak batis
batatakan intan dikarang
amas tarjeng batu sambilan
masuk ke batu sampang biludu
bajunya tiada masuk ditatak
dirondam tiada basah
ditunu tiada angus.*

Kepercayaan masyarakat lampau memang tidak menafikan unsur-unsur mitos yang sudah menjadi kebiasaan dan sebatu dengan jiwa mereka. Sesuatu yang luar biasa itu dipercayai dengan sepenuhnya tanpa sebarang persoalan. Misalnya seluar Kudandang Acheh ini seolah-olah seperti satu 'trademark' atau 'brand' yang kuat pengaruhnya. Ia dikatakan berpunca daripada pengaruh Hindu, Islam dan Acheh kerana Brunei telah menjalin hubungan diplomatik perdagangan dengan Acheh dan adanya penyebaran agama Islam oleh mubaligh-mubaligh. Acheh juga merupakan empayar yang kuat pada ketika itu. Jadinya peristiwa yang berlaku di sekeliling si pencerita menjadi sumber dan merupakan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei.

- Mimpi

Kepercayaan terhadap mimpi merupakan salah satu lagi budaya dan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei. Ia adalah kepercayaan tempatan yang memang sudah diwarisi sejak dulu lagi. Mimpi merupakan mainan tidur tetapi bagi masyarakat Melayu tradisi Brunei, mereka memandangnya sebagai satu petanda atau lambang terhadap sesuatu yang berlaku dan dipercayai ada kebenarannya. Mimpi adalah petanda awal terhadap sesuatu kejadian yang digambarkan melalui alam bawah sadar manusia. Dalam hikayat ini peranan mimpi memberi kesan kepada Bujang Maliwala yang nyenyak tidur sehingga ia bangun pada tengah hari. Antara mimpi yang terdapat dalam hikayat ini ialah mimpi Si Bujang Maliwala:

*Wang Si Kanak pun bangun jaga,
'Ya Allah ilahi tuan
Ya kita Bungku Inang
Inang pangasuh, dayang-dayang
Puspawati,
Bangawati, Noralam, Chundaralam, Si
Norsalam, Siti Alam,
Tidurku nitra bukan along lagi,
Gawai bukan bikin lagi,
Susah didapat payah dicari,
Sakit diunjer sabuting gambar sabuting,
Saorang tuan puteri,
Mimpi Sultan Ketiga:
Tinggal akan perkatihan,
Ada satu kutika ari,
Kutika rambang tengah ari,
Tarsabat Sultan Katiga,
Batapa di puncak lalang,
Di bukit Rimbunan Tulang,
Tidurnya nitra bukan lagi nitra,
Nitra bukan bikin lagi.
Mimpinya bayam si biring kuning,
Ayam jinak makan di tangan,
Samana lapas dalam tambatan.*

Di sini menyaksikan kepercayaan terhadap mimpi ini masih berakar umbi dan sangat kuat pengaruhnya sehingga ia memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat Melayu tradisi Brunei. Mimpi Si Bujang Maliwala mendapat gambar seorang puteri cantik adalah sebagai petanda bermulanya satu cabaran awal dan pengembaraan dalam hidupnya untuk mendapatkan sesuatu yang sukar untuk dicari. Kemudian mimpinya pula menjadi kenyataan apabila dilhatnya puteri di Negeri Jamian Ambar adalah puteri yang diimpikannya. Begitu juga dengan Sultan Ketiga yang bermimpi ayam Si Biring yang jinak makan di tangan kemudian terlepas dalam tambatan. Ini menandakan

orang yang dikasihi telah dirampas orang lain. Ini menunjukkan peristiwa yang berlaku dalam mimpi itu adalah sebagai lambang berlakunya sesuatu di alam nyata. Kepercayaan inilah yang digambarkan oleh si pencerita melalui cerita yang dituturkan. Hal ini juga berkait rapat dengan kehidupan si pencerita.

Pada zaman sekarang pun masih ada juga yang percaya mimpi seperti mimpi dikejar ular tandanya ada orang akan datang meminang, mimpikan orang yang baru meninggal dunia kemudian membawanya ke suatu tempat yang indah, tandanya ia juga akan mati kelak dan sebagainya. Unsur tempatan iaitu penggunaan binatang ayam pada rangkap di atas juga dapat kita gambarkan tentang pandangan masyarakat Melayu tradisi Brunei kerana ketika itu lazimnya pertandingan bersabung ayam sering diadakan sehingga tanyu sudah menjadi satu permainan tradisi. Pertandingan bersabung ayam juga selalunya diadakan oleh golongan elit sehingga boleh menjadi satu pertarungan besar di kalangan mereka.

3. Bahasa:

'Bahasa menunjukkan bangsa'. Di sini jelas menunjukkan bahawa bahasa dalam hikayat ini banyak menggunakan bahasa tempatan iaitu dialek Brunei. Ini meyakinkan kita terhadap penggunaan bahasa itu adalah pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei dan ia mencerminkan budayanya. Dalam Hikayat Si Bujang Maliwala banyak menggunakan dialek Brunei tentang kehalusan budi bahasa, percakapan, gerak geri, tingkah laku, pemikiran, emosi dan sebagainya. Semua ini adalah pancaran hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei yang berdasarkan kepada unsur-unsur tempatan. Misalnya:

- Bahasa Kecantikan:

*Elok bukan along lagi,
Gawai bukan bikin lagi,
Jauh putih tubuhnyu putih,
Sabagai umbut disintak,
Alus saparti kapas dibusur,
Jarinyu alus mayungin landak,
Giginyu itam mambiji sikoi
Alus saparti mambiji batat,
Idung mancung mangankai bunga,
Pinggangnyu ramping gading dilarik,
Lebar sejangkal tunjuk,
Dadanyu bidang malai kain sampiran kain,
Rambutnyu panjang mangating batis,
Dayang malai dayang bungaku,
Buah ati utama jiwa,
Amas tarjeng batu sambilan,
Tangi malaku ulitan bantal ulitan.*

Rangkap di atas menunjukkan pandangan masyarakat Melayu yang suka kepada kecantikan dan keindahan di mana keindahan alam diserapkan kepada kecantikan seorang puteri. Biasanya yang berwajah cantik ialah kalangan puteri. Misalnya perkataan umbut disintak. Umbut adalah sejenis makanan sayuran di Brunei yang memang berwarna putih. Antara umbut yang terdapat di Brunei ialah umbut kelapa, umbut mangkala, umbut nibung dan sebagainya. Keputihannya disamakan dengan keputihan kulit seorang puteri dalam hikayat ini. Kemudian jarinyu alus mayungin landak memberi maksud nipis dan halus. Mayungin pula lazimnya kelihatan cantik kerana selalunya mereka yang ada sugim di pipinya memang kelihatan cantik. Gigi itam mambiji sikoi dan alus saparti mambiji batat pula menggunakan buah sikoi dan batat sebagai buah tempatan dan orang-orang dulu juga menganggap cantik itu kepada sesuatu yang hitam tetapi manis dipandang. Biji batat pula memang ianya halus atau kecil tetapi ia berwarna putih. Idung mancung mangankai bunga pula mengambil bunga dilambangkan sebagai memuji kecantikan wanita. Pinggangnyu ramping gading dilarik dan lebar sejangkal tunjuk bermaksud pinggang yang ramping dan kumis disamakan dengan gading gajah yang dilarik dan jaraknya hanya sejangkal jari telunjuk. Rambutnyu panjang mangating batis, bermaksud rambutnya itu panjang sampai ke tapak kaki. Ini kerana masyarakat dulu memandang cantik kepada gadis yang berambut panjang. Di sini jelaslah adanya peranan unsur-unsur alam, pengalaman dan unsur tempatan sebagai pandangan masyarakat Melayu tradisi Brunei yang diterapkan melalui cerita ini.

Kadaan ini juga tidak berubah seperti karya sekarang di mana unsur alam dijadikan sumber untuk memuji wanita seperti wajahnya bujur sirih, mukanya jemih, kulitnya licin bagai telur dikupas, bibir yang merkah dan sebagainya.

- Kewibawaan Raja

Kewibawaan atau ketokohan seorang raja itu merupakan satu keistimewaan atau kelebihan yang terdapat pada dirinya. Ini

kerana tidak semua raja itu berwibawa dan berdaulat. Antara ciri raja yang berwibawa dan berdaulat itu ialah raja yang berkarisma, luas tanah jajahannya, adil dan sebagainya. Walau bagaimanapun dalam beberapa hikayat lama, watak raja adalah tokoh yang mempunyai beberapa kelebihan dan kepandaian, sesuai dengan sifat dan perilaku seorang raja yang cergas, pintar, mahir dalam seni mempertahankan diri dan amat pandai menggunakan alat senjata. Jika dilihat pada Bujang Maliwala, ia dikatakan raja yang berkarisma kerana ia adalah seorang yang gagah, berani, petah berkata-kata dan bijak dalam segala tindak-tanduknya. Bujang Maliwala mempunyai ciri-ciri ini kerana ia dikatakan mahir bermain senjata, gagah perkasa, cepit bertindak dan sebagainya. Misalnya dalam Hikayat Si Bujang Maliwala semasa Bujang Maliwala berperang dengan Si Bongsu Amas Kayangan yang menggambarkan kepantasan Bujang Maliwala bertindak:

*'Ya Allah ilahi tuan'
Batisku tiada lastak ka bumi,
Leherku tiada dapat disintak.'*

*Salah singkir Si Bongsu Amas
Kayangan,
Takana di jari manis,
Lusir rabah,
Ditatak oleh Si Bujang Maliwala,
Patus dua urat penyamat,
Ia pun bahantak di tangan maidan
paparan,
Baguncang kaideraan,
Bagoyang kayangan.*

Di sini jelas menunjukkan kehandalan dan kewibawaan seorang putera raja yang bijak bermain senjata serta gagah perkasa. Si pencerita mendapat sumber ceritanya dari pengalaman dan kehidupan yang pernah dilaluinya. Antara golongan elit yang dikatakan gagah di Brunei ialah seperti Sultan Bolkiah, Pengiran Bendahara Sakam dan sebagainya. Inilah antara pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei yang terserlah dalam hikayat ini. Di sebalik cerita ada terselit unsur-unsur tempatan yang begitu menonjol.

- Kemarahan

*Tuan puteri pun bangun talantang,
Dilhatnya saorang laki-laki,
'Ya Allah ya Tuhan,
Bayi koyok anjing binatang,
Dijamah kapalamu,
Tiada ku merasa bajanji dikau,
Bajanji barsama jauh sekali,
Baik kau lari dari sini,
Mun kau tiada lari,
Jaham ani jiwa mu pandang,
Dimakan pisau ayam padi,
Bamata dua balas,
Koyok utan binatang.'*

Perasaan marah terjadi disebabkan oleh beberapa hal, di antaranya ialah apabila seseorang berhadapan dengan suasana yang tidak menyenangkan dirinya, umpamanya sering diganggu atau dikacau oleh orang lain. Kemarahan juga merupakan antara sifat semulajadi manusia lebih-lebih lagi apabila berlaku pencerobohan orang asing masuk ke tempat kediaman kita. Ini berlaku dalam Hikayat Si Bujang Maliwala bila mana Bujang Maliwala memasuki ke tempat bilik beradu tuan puteri yang diimpikannya. Ini mengundung kemarahan tuan puteri kepada Bujang Maliwala. Unsur tempatan juga digunakan apabila seorang itu dalam kemarahan yang menuncak. Perkataan bayi dan koyok dilemparkan kepada orang yang dimarahi. Bayi merujuk kepada babi manakala koyok merujuk kepada anjing di mana ianya merupakan binatang yang paling hina dan najis.

Nampaknya seolah-olah orang yang dimarahi itu disamakan dengan binatang yang hina ini tadi. Kemudian beranjai juga merupakan satu ikatan yang mesti dipatuhi dan masyarakat Melayu tradisi memang berpegang teguh kepada janji. Akhirnya unsur tempatan dalam cerita ini ialah kemarahan itu juga boleh mengundung maut. Pisau ayam padi yang bermata dua belas di sini merupakan sebilah keris yang agak panjang. Ini menonjolkan pengaruh tempatan pada masa itu yang menggunakan keris sebagai senjata. Keadaan sekeliling si pencerita telah sedikit sebanyak mempengaruhi sehingga ditonjolkan dalam cerita.

- Kasih Sayang

*Bakata Si Bujang Maliwala:
Dayang malai dayang bungaku
Sayang sunting caramin mata
Buah ati utama jiwa
Amas tarjeng batu sambilan
Cahaya mata ampunan diri*

Kasih sayang ini biasanya terjadi antara anak dan kedua-dua ibu bapanya, suami isteri, abang adik, juga antara seorang lela-

ki dan seorang perempuan. Gambaran masyarakat Melayu lama juga terserlah dari kata-kata pujian yang merayu-rayu orang yang sangat disayangi. Si pencerita telah mengambil unsur-unsur tempatan sebagai gabungan mencipta kata-kata yang indah dan puitis. Ini berdasarkan kepada pengalaman hidup si pencerita yang juga merupakan tergolong daripada masyarakat sekelompok. Petikan di atas menunjukkan kata-kata pujian yang begitu indah dan sememangnya masyarakat Melayu tradisi Brunei sangat suka kepada keindahan terutama keindahan alam semesta. Perkataan dayang, malai dan bunga adalah merujuk kepada seorang gadis yang cantik. Sayang sunting caramin mata, Amas tarjeng batu sambilan dan cahaya mata ampunan diri menggambarkan perasaan yang teramat sayang kepada seseorang. Buah ati utama jiwa pula merujuk kepada kekasih hati. Di sini jelas menunjukkan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi ini terserlah pada kata-kata pujian yang indah dan mendayu-dayu dan selalunya ia ditujukan kepada orang yang sangat dikasihi sehingga disamakan dengan emas, cahaya mata, buah hati dan sebagainya.

UNSUR-UNSUR TEMPATAN YANG LAIN DALAM HIKAYAT BUJANG MALIWALA

Selain itu terdapat juga benda-benda, perkataan dan juga budaya yang menggambarkan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisi Brunei dalam hikayat ini seperti dasar yang selalunya dipakai di kepala, sigup bagulung merupakan sejenis rokok bergulung yang menggunakan kirai daun. Pinang dan delima juga ada disebutkan dalam hikayat ini yang merujuk kepada makanan dan buah tempatan orang Brunei. Manakala batang pisau iaitu batang buah kelapa, gula pisau pula adalah sejenis perasa yang manis dan sedap yang diperolehi dari buah kelapa dan sebagainya. Kesemua ini memang terdapat di Brunei.

MENGAPA Pandangan hidup SEDEMIKIAN TERDAPAT DI DALAM KARYA-KARYA TRADISIONAL MELAYU BRUNEI?

Unsur alam merupakan unsur yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu lama. Unsur alam ciptaan Tuhan sangat mempengaruhi minda dan pandangan masyarakat Melayu tradisi. Selain itu pengalaman bererti yang mereka lalui dijadikan sandaran dalam pembentukan minda dan budaya. Tidak hairanlah budaya mereka penuh dengan sesuatu yang berunsur mistik yang sudah sebatu dengan jiwa dan ianya bersifat dogma. Misalnya unsur-unsur mitos yang mengaitkan raja dengan alam kedewaan memang tidak dapat dipersoalkan sama sekali.

KESIMPULAN

Budaya masyarakat Melayu tradisi Brunei itu mempunyai kesinambungan dengan budaya masyarakat sekarang. Walaupun pandangan masyarakat lama berbeza dengan masyarakat sekarang (kerana faktor persekitaran yang berubah-ubah) tetapi itu hanyalah dari bentuk luaran sahaja sedangkan konsep pemikiran itu masih berhubung dan terjalin erat. Pandangan masyarakat Melayu tradisi yang terpancar dalam Hikayat Si Bujang Maliwala yang disebutkan di atas hanyalah sebahagian daripada budaya masyarakat Melayu tradisi Brunei dan masih banyak lagi budaya masyarakat Melayu tradisi Brunei dalam Hikayat Si Bujang Maliwala yang dianggap sebagai cetusan pemikiran, pandangan dan identiti masyarakat Melayu tradisi yang bersumberkan dari pengalaman hidup mereka yang berguna.

BIBLIOGRAFI

- Hashim bin Haji Abdul Hamid, Haji, *Riak Sastera Darussalam*, Kuala Lumpur: Hikmah Enterprise, 1994.
- Jamilah Haji Ahmad, *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Nayan Muhammad, Haji, *'Hikayat Si Bujang Maliwala'*, Beriga, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, April-Jun 2000.
- Osman Bin BPSKDS Haji Mohd. Tamin, Awang Haji, *'Hikayat Dang Amas Bilangan 1: Bahasa Sastera Klasiknya Menggambarkan Minda Masyarakat Lama Melayu, Brunei: Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, 12-14 Ogos 2003.*
- Palaniappan, P., *'Sumbangan Kesasteraan India Kepada Perkembangan Kesasteraan Melayu Tradisional'*, Sari 2, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, Julai 1984.
- Sabtu Bin Ampuan Saffuddin, Ampuan Haji, *Hikayat Si Bujang Maliwala*, Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

DOA UNTUK MEMPELAI DIRAJA

Ya Allah Ya Tuhan kami
kepada-Mu kami memohon...
kepada-Mu kami meminta...
kerana Engkau Ya Allah
Maha Pengasih lagi Maha Mengetahui...
Peliharakanlah Mempelai Diraja
kerkahwinan yang dituntut
yang Engkau redai, Ya Allah...

Pertemuan jodoh,
Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota
sudah tepat pada waktunya
dengan gadis yang jelita ...
Dayangku Sarah Pengiran Salleh Ab. Rahaman
telah menambat hati, Putera Mahkota kesayangan.

Doa dari teluk rantau dan persisiran
agar perjodohan Duli Tuanku diberkati Tuhan
keharmonian dan kebahagiaan Duli Tuanku
akan menjadi tali pengikat...
dalam simpulan kasih sayang
melahirkan putera puteri gahara
lagi bijaksana...
semua itu,
dalam perlindungan Allah jua.

Semoga perkahwinan Duli Tuanku
kekal karar...
hingga ke akhir hayat...
selamat sejahtera...
dunia dan akhirat.

Allah Peliharakan Pengantin Diraja
hanya Engkau Ya Allah Maha Berkuasa
Amin Ya Rabbal Alamin...

Hajah Rafiah Bakar

CINTA ABADI (Buat mempelai diraja)

Debar gundah di dada
kehadiran kasihmu
menghambat gelora resah
berkocak hening di jiwa
cintamu.

Tirai kasih semerbak harum
semurni kasih yang dilafazkan
semurni sayang yang diungkapkan
cinta abadi
buat simpulan dua hati.

Sedulang kasih buatmu ... sayang
merungki taman hatmu ... nyawa
agar dapat dimiliki
cinta kasih yang kekal hakiki
cinta abadi ...

Hajah Rokiah Haji Matudin

BAYANGAN SENDIRI

Hidup jurang pertaruhan
perjuangan untuk pengorbanan
di alam kita lalui bersama
mudah gugur dan terhimpit
lena terlalai lalu terpedaya
hanya mengejar bayang-bayang.

Di perut bumi suci ini
lalai dengan kepuasan
penat dengan keasyikan
menghitung hari demi hari
mengenang masa lalu
demi kebebasan hidup.

Di alam dunia ini
perjuangan hidup tanpa haluan
mengatur dan merancang
semuanya dalam kepahitan
bertutur kata dan bercerita
semuanya ini sandiwara.

Memburu hidup belum pasti
berangan-angan selalu berkhayal
bermimpi di siang hari
belum puas dengan tipu helah
mempersoalkan tentang gaya hidup
lupa apa bekalan akhirat nanti.

Basirah HB

KELIRU

Keliru selalu mengganggu diriku
mengapakah ianya berlaku
mungkin sifat keliru ini
berkaitan dengan pendirian manusia.

Bila difikirkan tentang keliru
jiwa ku rasa tak menentu
mungkin juga sifat keliru
berkaitan dengan naluri manusia.

Keliru juga menyiksa diri
entah bagaimana jika
beliau tidak dapat kuhalang
dalam diriku ini.

Leen

KETENANGAN

Ketenangan!
di mana kau kini
menjelmalah semula
ke dasar lara hati
usah kau sembunyi lagi
membiar diriku
di kepompong lara ini.

Ketenangan!
kurindui hadirmu kini
bawalah lara hati ini
jauh dari sisi
usah biarkan diri ini
berlumpurkan rindu kasih
padamu oh ketenangan!

Alia MS

AYAH

Ayah,
kau insan yang paling kusanjungi
kau juga idola di hati
mencari rezeki tidak mengira hari
membesarkan anak tanpa menghitung hari.

Ayah,
kau bekerja siang dan malam
penat lelah mu semakin dalam
renungan matamu tetap tajam
melihat anakmu di dalam kelim.

Ayah,
kau sanggup merenangi lautan
dan juga sanggup meredah hutan
kau bimbing anakmu tanpa ada sempadan
hingga ke akhir hayat akan tetap kujadikan ikutan.

Alin 183

APA YANG BERMAIN DI FIKIRAN MEREKA?

Apa yang bermain di fikiran mereka?
apa mereka tidak punya perasaan?
atau mereka tiada punya anak-anak?
hingga tiada belas kasihan...

Bagaimana jika mereka diperangi?
bagaimana jika mereka ditakuti?
atau anak-anak mereka dicerderakan?
hingga tiada belas kasihan...

Lihatlah kemusnahan yang berlaku
saksikan mayat-mayat yang kaku
renunglah pada wajah-wajah yang sayu
dan pada halaman yang berabu itu...

IQ'MAL 07/04

CAHAYA MATA

Pertama kali kudengar tangismu
setitik air mata dalam senyumanku
menyaksikan segenap tubuh kecil
yang kukendung, kau tidak berdaya
jari-jemarimu, tergapai-gapai
mengharapkan belaian.

Setelah lama aku menanti kehadiranmu
kini ku begitu bahagia kau dalam
dakapanku
wajahmu yang comel
menyerikan hidupku
tiada yang paling menggembirakan
selain melihat kelahiranmu sempurna.

Hari demi hari
kau membesar dengan sihat
dan ceria
aku bersyukur
kaulah cahaya mataku
dengan harapan
agar suatu hari nanti
kau menjadi insan berguna.

Boy

RINTIHAN HATI SEORANG TUA

Seorang tua ...
dalam kesepian
berjalan perlahan di dataran yang lapang
keseorangan
kesejukan
kekosongan.

Seorang tua ...
duduk termenung bersendirian
sambil meniti hari-hari yang datang
tanpa arah tanpa tujuan
dengan perasaan hampa dan duka
diulit kegelisahan dan keresahan.

Seorang tua ...
sepi terasa bila ditinggalkan
apalah daya sudah suratan
anak-anak pergi tanpa pesanan
meninggalkan diri keseorangan
di rumah usang penuh kesunyian
menghadapi liku-liku bersendirian
tanpa teman tanpa haluan.

Seorang tua ...
menitis air mata kerinduan
bila mengenangkan kebahagiaan lalu
masih tertanya-tanya kepada Yang Maha
Esa
kenapa diri diperlakukan sebegini rupa.

Apalah dosa apalah kekurangan
sehingga diabaikan dan ditinggalkan
dalam keadaan yang sungguh
menyesalkan.

Inikah jalan kehidupan
bagi seseorang yang bergelar insan
hampa dan sesal tanpa kesudahan
hanya air mata menjadi teman
menyesali hidup tanpa haluan
terus merintih diulit kegelisahan
tertanya-tanya ... apakah kesudahan,
bagi seorang tua yang hidup dalam
kesepian.

Seorang tua ...
tak boleh berkata-kata
kerana ...
kini dia telah tiada
pulang ke pangkuan Tuhan Yang Maha
Esa

Casper

CIUM

Itu harganya setiap pelepasan pencarian
menuju hari kerja menitikkan keringat
ke mana-mana kembara yang jauh
hadiah dari isteri
atau suami ...

Pertentangan permusuhan terhindar
nuhun
setelah bunga kembang di tangan mekar
setelah kemiri lemak harumnya
setelah jasmn mekar di taman
setelah hijau sebelum kering!

Ke manakah pulangnya lesung pipit
putih ceria bahasa wajah
ia untuk siapa
itulah keistimewaan ...
atas kurnia-Nya.

Adi Misere

SEKETUL DAGING SEBUAH KERAJAAN

Bagai sebuah peti
menyimpan rasa, emosi, naluri
kebaikannya punca elok budi pekerti
akhlak mulia memenangi hati masyarakat
tak seperti hati yang sakit
busuk, bernanah penuh dendam dan
dengki
ibarat bangkai memualkan yang mereput
liar tak ada rasa bersalah menyinggung
perasaan
membuahkan kemarahan menuju
pergeseran

Lanya diari sakti
tidak perlu pena bergerak mencatat
akan perjalanan emosi memori sebuah
kehidupan
penuh rahmat keberkatan
bukan seperti mengulit lumpur
kemaksiatan
jauh dari hidayat
hati menjana akal tamsil ibarat
begitulah Allah Maha Pencipta Maha
Hebat.

Sebuah kerajaan kecil
menteri penasihat otak yang ligat berfikir
sama ada melestarikan keamanan
atau menghasut pemberontakan
antara tepat janji atau mungkir
menurut dalil menghapus batil.

Fakawarajani

RENUNGKANLAH

Wahai insani
renungkanlah wahai Muslimin dan
Muslimat
lembaran dalam kehidupan
titipkan apa yang kau fikirkan
sejukkan hatimu dengan keberanianmu
lupakan
segala apa yang kau fikirkan
jangan biarkan fikiranmu dibelenggu
dari khayalan yang hanya tinggal mimpi
renungkanlah
cahaya bersinar terang-benderang di
depanmu
cahaya keislamanmu,
cahaya kemenanganmu.

Jangan
biarkan dirimu tercalar dengan dosa
dicengkam dalam bahang api yang
menyala-nyala
yang membakar dirimu di Neraka
Jahanam
hidupmu
hanya akan dirasai sekali sahaja
keberanianmu dalam mengharungi
kehidupanmu
dan ketakwaanmu pada yang satu
cintamu
akan berakhir dengan kematian
hanya amalan menjadi bekalan
untuk menuju ke alam yang kekal abadi.

C. MAR



سوسونن رنچاغن تیلیسیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PINAK RTB berhak menukar mana-mana ija rancangan

R A B U 15 SEPT	PAGI		Sambungan		PETANG		6.20	AZAN MAHGRIB		'Menuju Keredaan'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ	9.30	JASA MU	
		KEBANGSAAN	10.05	DRAMA -	4.02	MUTIARA FIRMAN	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		<i>'Rahsia Perkahwinan'</i>	4.10	SUSUNAN RANCANGAN			10.30	ISTIADAT MULEH TIGA	
	6.12	RAMPAI PAGI -		HOME STYLE:	4.15	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN NASIONAL		HARI PENGANTIN	
		Siaran Langsung		REAL ROOM	5.10	GILLETTE WORLD OF	7.25	LENSA PELAJAR		DIRAJA	
	9.00	BERITA	11.20	LIPUTAN SEMASA -		SPORT	7.29	AZAN ISYAK	11.30	B-LEAGUE 2004	
	9.15	RAMPAI PAGI -		Ulangan	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.00	THE INVESTIGATOR II	
		12.00	SIARAN TAMAT	6.00	GEDGET AND GIZMOS	8.50	DRAMA -	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT		

K H A M I S 16 SEPT	PAGI		10.05	DRAMA - "Rahsia Perkahwinan"	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.23	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	MASAKAN TRADISI (DAPUR WARISAN)	4.10 4.15	SUSUNAN RANCANGAN KIDS HOUR: "Super Little Fanta Heroes/We All Live Here"	6.45	HIKMAH ISRAK DAN MIKRAJ	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	5.10	ON THE BALL			10.30	ISTIADAT MEMBACA DOA SELAMAT DAN MENUTUP GENDANG JAGA-JAGA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.35	BE CONSTRUCTIVE - "Criminal Profiles"	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN		
	9.00						7.25	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN - "Passions's Way"
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			5.45	BERITA	7.29	AZAN ISYAK		
			PETANG		6.20	AZAN MAHGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ				

J U M A T	PAGI		10.00	SUSUNAN RANCANGAN	2.00	TETAMU SUKAN -	5.45	BERITA	9.00	SEMINAR MASJID
			10.15	SESAME STREET		Siaran Langsung	5.55	WILDLIFE DIARY		WADAH KEPIMPINAN
6.00	PEMBUKAAN/LAGU		11.15	INGIN TAHU	2.30	DINAMIK	6.19	AZAN MAGHRIB		RAJA
	KEBANGSAAN		11.30	BERITA			6.45	HIKMAH ISRAK DAN	9.30	KONVENSYEN
6.02	MUTIARA FIRMAN		12.00	JEJAK RASUL SR. 8	3.00	TAYANGAN GAMBAR		MIKRAJ		KEBANGSAAN PROMOSI
				- Ulangan		CINA - 'Ninth Happiness'				KESIHATAN
6.12	RAMPAI PAGI -		12.15	DIVE THE WORLD	3.19	AZAN ASAR		MALAM		NEWS AT 10
	Siaran Langsung		12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.20	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	KHUTBAH JUMAAT
9.00	BERITA			JUMAAT- Siaran Langsung		CINA - Sambungan	7.25	INSPIRASI INSAN SENI	10.40	TELEDRAMA -
9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG			4.45	SPORT PAGES	7.28	AZAN ISYAK	11.40	'Cinta Kontrak'
	Sambungan		1.30	VISI SUCI	5.15	ARGAI	8.00	BERITA NASIONAL	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 18 SEPT	PAGI		KONVOKESYEN UBD -		Sesi Petang		6.00	WILD RESCUE SR. IV	7.28	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		Sesi Pagi	3.21	AZAN ASAR	6.19	AZAN MAHGRI8	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	3.28	LADY COP	6.45	HIKMAH ISRAK DAN	8.50	FORUM UNIVERSITI 2004
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.16	AZAN ZUHUR	4.15	BEYOND 2000		MIKRAJ	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI -	PETANG		5.00	MONSTER BY MISTAKE	MALAM		10.30	TAYANGAN GAMBAR -
		Siaran Langsung	2.00	SIARAN LANGSUNG	5.25	SUPERMODEL	7.00	DUNIA ASIA		'Time Cop'
	9.00	SIARAN LANGSUNG	KONVOKESYEN UBD -		5.45	BERITA	7.25	KLINIK KITA	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

PAGI		10.10	KIDS HOUR : ROCKET	PETANG	4.40	ASPIRASI - Ulangan	MALAM
A H A D	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	KIDZ/LEGACY OF SILVER SHADOW	1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - PREVIEW	5.10	ANIMATION - 'Sleeping Beauty'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00 PADA SUATU HARI			5.35	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15 SUNDAY MATINEE - 'Men In White'	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - HIGHLIGHT	5.45	BERITA
	9.00	BERITA	11.30 BERITA	2.40	JUARA - Ulangan	6.10	SCIENCE WORKSHOP - Siri Baru
19 SEPT	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45 SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.15	SNOW QUEEN	6.18	AZAN MAGHRIB
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.16 AZAN ZUHUR	4.15	SEMARAK BUDAYA	6.45	HIKMAH ISRAK DAN MIKRAJ
							7.00 KUIZ KENALI TANAH AIRKU SR. 2
							7.27 AZAN ISYAK
							8.00 BERITA NASIONAL
							9.00 ISTIADAT KESELURUHAN PERKAHWINAN DIRAJA
							10.00 NEWS AT 10
							10.45 SUKMAIRAMA
							12.15 GUARDIAN
							01.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 20 SEPT	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		'Tech Watch' SIARAN TAMAT	5.15	HOW TO OUTDOOR	7.27	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
			10.05	DRAMA - 'Rahsia Perkahwinan'		5.55	ANIMALIA	8.50	DRAMA - 'Landasan'	
	6.02	MUTIARA FIRMAN		4.00		LAGU KEBANGSAAN	6.18	AZAN MAGHRIB	9.30	MENARA SUMBER SR. 3
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MENU JENAKA - Ulangan	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10
				4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM			10.30	SUKAN GLOBAL
	9.00	BERITA	11.30	DOKUMENTARI -	4.15		KIDS HOUR - 'Nilus The Sandman/Big Garage'	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.20
						7.25	MASAK TARUS	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

SELASA 21 SEPT	PAGI		9.15		RAMPAI PAGI -		PETANG		Siri Baru		7.26		AZAN ISYAK	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU	9.40	SUSUNAN RANCANGAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.35	DOKUMENTARI -					
	KEBANGSAAN	10.05	DRAMA - 'Permata Hati'	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.10	TAHUKAH AWDA		"Gaya Hidup"					
6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	GELAGAT MENUMPAH	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.17	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL					
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	11.30	LIPUTAN SEMASA -	4.15	KIDS HOUR - 'The Great	6.45	AL ISLAM	8.50	KAMPUNG KITA					
	Langsung		Ulangan		'Book Of Nature'	MALAM		9.30	INSANIAH					
9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.00	UNTAMED AMAZON -	7.00	DRAMA -	10.00	NEWS AT 10					
					'The Night Of The Tapirs' -		'Masam-masam Manis'	10.30	WORST CASE SCENARIO					
								11.30	DARK SKIES					
								12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT					

Peranan bercerita diambil alih oleh media elektronik

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Ogos. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal melahirkan kebimbangan di mana dalam era globalisasi dan terdapatnya segala kemudahan telekomunikasi terkini peranan bercerita sedikit demi sedikit diambil alih oleh media elektronik.

"Kita akan dihidangkan dengan pelbagai bentuk hiburan, cerita bersiri, sukan dan seumpamanya dari yang konvensional kepada yang ekstrim dan sekarang ini pula ada rancangan-rancangan yang terdapat membawa penonton lebih aktif dengan penyertaan menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS)."

Jelasnya, apa yang dialami sekarang, semua ahli keluarga akan lebih terpukau dan leka dengan hiburan dan acara masing-masing di mana keakraban dalam kehidupan berkeuarga akan terjejas secara perlahan-lahan.

"Anak-anak sekarang tidak lagi mendengar cerita secara lisan kerana telah dihidangkan dengan saluran-saluran televisyen yang lebih menarik dan berpengaruh," tambahnya.

Menurutnya, anak-anak juga tidak mudah diatur untuk tidur pada waktu yang ditetapkan kerana semua jadual harian seolah-olah telah diatur dan dirancang mengikut waktu siaran rancangan-rancangan televisyen satelit dan

**Oleh
Abdullah Asgar**

yang lebih membimbangkan rancangan-rancangan tersebut disiarkan 24 jam sehari.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melahirkan kebimbangan itu ketika berucap di Peraduan Mari Bercerita 2004 Peringkat Negara di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei (RTB) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Katanya, adalah menja-dang tanggungjawab bersama untuk memelihara institusi kekeluargaan daripada mengalami keruntuhan dan wujudnya penyakit-peyakit sosial lain yang besar kemungkinannya bakal menulari masyarakat.

Jelasnya, kita semua berkewajipan untuk menjadi manusia Brunei yang bersikap lebih maju, dinamik, bersemangat, berdaya saing, berpengetahuan dan berilmu.

Cerita 'Sam'on Dengan Raja Berhala' membawa tuah kepada johan di Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara, kepada adik Nur Karimah binti Haji Mohd. Yassin dari Sekolah Rendah Dato Basir II.

Naib johan ialah adik Muhammad Raziq Raziqin Abdullah dengan tajuk ceritanya 'Kisah Wali Allah Membantu Pencuri' wakil dari Sekolah Rendah Se-

nukoh Temburong yang menuntut dalam Darjah Lima.

Sementara tempat ketiga disandang oleh adik Muhammad Kahirul Azmi bin Mohammad Arif dengan membawa cerita 'Asal Usul Penyengat' yang menuntut di Sekolah Rendah Tutong Kem.

Peraduan tersebut diadakan sejak 1980 oleh DBP untuk memupuk semangat membaca di kalangan kanak-kanak sekolah, di samping menjadikan cerita sebagai sumber inspirasi, imajinasi, inisiatif dan kreativiti selain menjadikannya arena latihan kepada kanak-kanak supaya berani bercakap di khalayak ramai.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika hadir di Peraduan Mari Bercerita 2004 Peringkat Negara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Majlis berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman ketika menyaksikan Pusat Maklumat Perindustrian dan Perdagangan bagi memudahkan sektor SMEs. - Gambar oleh Halim HS.

KPSSU sediakan Pusat Maklumat Perindustrian dan Perdagangan

BERAKAS, 31 Ogos. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) terus memberi perhatian kepada usahawan-usahawan tempatan (SME) agar mereka maju ke hadapan dan

**Oleh
Samle HJ**

membina daya saing yang lebih tinggi, di samping dapat memperluaskan pasaran barangan keluaran sendiri dan produk-produk tempatan.

Antara inisiatif terbaru KPSSU ialah menyediakan Pusat Maklumat Perindustrian dan Perdagangan bagi memudahkan sektor SME berkenaan untuk mendapatkan maklumat dan memberikan maklumat yang lengkap dan mutakhir kepada pengusaha, di samping memudahkan mereka berinteraksi melalui internet bagi tujuan 'business networking' dan berkomunikasi pengusaha-pengusaha tempatan dan luar

negara.

"Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan ini merupakan satu sumbangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam melalui kementerian ini bagi melahirkan suasana pentadbiran yang berupa mesra niaga dan mempermudah para pengusaha," jelas Ketua Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawaan, Awang Haji Momin pada perasmian pusat berkenaan di kementerian itu, di sini.

Setiausaha Tetap KPSSU, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman menjadi tetamu kehormat majlis serta

merasmikan Pusat Maklumat Perindustrian dan Perdagangan, seterusnya buku Direktori Produk Negara Brunei Darussalam (The Directory of Brunei Darussalam Products).

Buku yang dilancarkan itu juga menjadi satu wadah bagi memberigakan dan memberi maklumat mengenai kumpulan produk tempatan, di samping mendedahkan pelbagai informasi bersangkutan dengan bidang perusahaan yang dijalankan di negara ini.

"Ia juga mempromosikan dan membuat publisiti mengenai produk dan perusahaan tempatan bagi manfaat masyarakat dan pengusaha tempatan dan antarabangsa," jelas Awang Haji Momin.

34 pelajar khatam Al-Quran

**Oleh
Abdullah Asgar**

GADONG, 21 Ogos. - Seramai 34 orang anak-anak anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berjaya mengkhatam Kitab Suci Al-Quran 30 juz, manakala 27 pelajar yang lain menerima Sijil Sekolah Rendah Agama Darjah VI bagi sesi tahun lalu.

Pelajar-pelajar yang khatam tersebut diraikan dengan Majlis Khatam Al-Quran di Dewan Stadium Polis yang dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan PDB, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin selaku tetamu kehormat.

Ia bermula dengan

bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai disusuli bacaan surah-surah khatam oleh pelajar-pelajar yang diraikan, kemudian diikuti dengan bacaan ta-hitim dan doa khatam oleh Awang Mohd. Firdaus Al-Islam bin Mohd. Zaini.

Bacaan Dikir Ya Man Hadar menyusul setelah itu oleh pelajar-pelajar Darjah V yang diteruskan dengan menabur bunga rampai, di samping penyampaian sijil khatam dan Sijil-sijil Sekolah Rendah Agama bagi pelajar-pelajar Darjah VI



SERAMAI 34 orang anak-anak anggota PDB khatam Al-Quran. Majlis berlangsung di Stadium Polis, Gadong. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



SEORANG peserta Peraduan Mari Bercerita 2004 Peringkat Negara ketika mempersembahkan cerita. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PROJEK : MEMBEKAL 'BREATHING APPARATUS TENDER'
LENGKAP DENGAN PERKAKASNYA DAN LAIN-LAIN
PERALATAN BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.**
KOD PROJEK : BFS/LTN/19/2004
BAYARAN TAWARAN : \$200.00

Syarat-Syarat Tawaran:-

- 1) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada:-
Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu,
Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Simpang 295,
Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.
- 2) Tawaran mestilah dihantar dalam dua (2) salinan beserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berke-
nalan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pen-
genalan atau pasport pemilik sebagai rujukan Lembaga.
- 3) Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Isnin, 4 Oktober 2004**, tidak
lewat jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan
masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 4) Dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan
Bomba, Lapangan Terbang Lama Berakas dengan menunjukkan resit
"Tender Fee" yang telah dibayar.
- 5) Pembayaran "Tender Fee" mengikut projek yang diambil adalah dike-
hendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di
Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari-hari
bekerja kecuali hari kelapasan awam.
- 6) Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang
bertutup rapi dengan menyatukan Tajuk Tawaran dan pada bahagian
atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh
tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti
pembekal.
- 7) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak
semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
- 8) Katalog-katalog asal peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadap-
kan bersama semasa menghadapkan borang tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**TAWARAN LESEN-LESEN INDUSTRI PENANGKAPAN IKAN DI
KAWASAN-KAWASAN LAUT DALAM ZON EKONOMI EKSKLUSIF
[EEZ] 3 DAN 4 DI PERAIRAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. JABATAN Perikanan, Kementerian Perindustrian Dan Sumber-
Sumber Utama memaklumkan bahawa masih terdapat beberapa
kekosongan lesen-lesen perusahaan bagi industri penangkapan ikan
dengan menggunakan alat pukat lingkong zon 3, alat pukat lingkong
tuna zon 4 dan alat rawai tuna zon 4 di kawasan-kawasan zon ekono-
mi eksklusif [EEZ] perairan Negara Brunei Darussalam.
2. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan, Kementerian
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempelawa syarikat-
syarikat yang berminat untuk memohon lesen-lesen perusahaan
berkenaan.
3. Untuk keterangan lanjut dan bagi mendapatkan borang-borang per-
mohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi Seksyen
Perkembangan Industri Tangkapan Perikanan, Muara di talian telefon
2770066, 2772782 atau 2771781 pada masa-masa waktu bekerja.
Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada hari **Selasa 12
Oktober 2004**, jam 4.30 petang.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**TAWARAN MEMBEKAL SEBUAH KERETA 4WD 5 DOORS WAGON
(MANUAL) BAGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
Bilangan Tawaran : KPNKEW/TEN T:6

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi
Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan
ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di
Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian
Kewangan Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JP/TAW/06(A)/2004

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi
Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran
Negara di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan
Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri
Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam
2.00 petang pada hari **Isnin, 27 September 2004**.
- JP/TAW/06(A)/2004 : PREVENTIVE MAINTENANCE FOR 3 UNITS
GC SYSTEM
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang dite-
tapiakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan
pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis de-
ngan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menun-
jukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan
lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan
Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran Tawaran sebanyak B\$ 100.00 wang tunai bagi satu tajuk
tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap
tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk
menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN
PENDIDIKAN TEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PENDAFTARAN BAGI KELAS PENDIDIKAN LANJUTAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TAHUN 2005**

PENDAFTARAN kini dibukakan untuk mengikuti kelas-kelas Seksyen
Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian
Pendidikan bagi tahun 2005.

Mata-pelajaran yang ditawarkan adalah:-

1. Kelas Ilmu Perdagangan Menajip, Trengkas dan Simpan Kira Aliran
Inggeris dan Melayu.
2. Kelas Urusan Rumah tangga iaitu Masakan, Potongan dan jahitan,
Gubahan Bunga, Anyaman dan Kist.
3. Bahasa Melayu bagi orang-orang Asing.
4. Bahasa-bahasa Asing:- Bahasa Jepun; Bahasa Mandarin; Bahasa
Arab.
5. Kelas Akademik Peringkat Menengah Bawah, Peringkat 'O' dan 'A',
Bahasa Inggeris dan Conversation.
6. Kelas membuat dan menjahit Songkok.
7. Kelas Muqaddam dan Al-Quran.
8. Seni Reka Fesyen (Fashion Designer)

Tarikh pengambilan borang bermula 1 September 2004 hingga 30
September 2004 semasa WAKTU PEJABAT bertempat : Seksyen
Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Simpang 347, Jalan
Pasar Baru Gadong.

- Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari
Isnin, 20 September 2004 bagi tajuk berikut:-
MEMBEKAL SEBUAH KERETA 4WD 5 DOORS WAGON (MANUAL)
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang dite-
tapiakan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam
sampil surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sam-
pul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa
menunjukkan identiti pembekal.
- Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian
Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei
Darussalam.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk
menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN PERTUBUHAN-
PERTUBUHAN ANTARABANGSA-
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

JAWATAN KOSONG DI URUSETIA KOMANWEL

BAHAGIAN	JAWATAN	KELAYAKAN	TARIKH TUTUP
Conference Section Corporate Services Division	Head of Conference Section	1. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda. 2. Mempunyai pe- ngalaman di dalam bidang berkenaan di tahap senior.	30 September 2004

Syarat Asas :

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Ijazah di dalam bidang
berkenaan;
3. Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar butir-butir
peribadi (curriculum vitae) beserta maklumat mengenai pengala-
man dan kemahiran yang berkaitan.
4. Hanya calon-calon yang disenaraipendekkan akan dipanggil untuk
diinterview dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa
tiga bulan selepas tarikh tutup permohonan, maka calon tersebut
dianggap tidak berjaya; dan

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Jabatan Pertubuhan-
Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri,
Jalan Subok, Bandar Seri Begawan, BD 2710; Negara Brunei
Darussalam. Nombor Telefon : 2261177 sambungan 316 No. Faks
: 2261703. E-mel: dio@brunei.bn



**JABATAN
PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**TAWARAN MEMBEKAL SATU (1) BUAH KERETA JENIS
VAN MUATAN 9 PENUMPANG (MANUAL)**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat
dan Pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei
Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar
dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hen-
daklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa
menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan
Pendaftaran Syarikat, Surat Tawaran hendaklah dimasukkan ke
dalam Peti Tawaran yang terdapat di Tingkat 1, Kementerian
Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan dan ditu-
jukkan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian
Kewangan, Tingkat 1, Commonwealth Drive Negara Brunei
Darussalam.
- Nama Tawaran : MEMBEKAL SATU (1) BUAH KERETA JENIS VAN
MUATAN 9 PENUMPANG (MANUAL)
- Tarikh Tutup Tawaran : Hari **Isnin, 20 September 2004** jam 2.00
petang.
- Bayaran memasuki Tender ialah \$100.00 bagi tiap satu tawaran dan
bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-pender.
Bayaran hendaklah dibayar di Kementerian Kewangan, Tingkat 1,
Jalan Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei
Darussalam.
- Spesifikasi dan butir-butir lanjut mengenai tawaran ini bolehlah diper-
olehi semasa membuat pembayaran nanti.
- Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak
dihantar.
- Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan
terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau
seumpamanya.

PERHATIAN :

Pemborong-pemborong yang menghantar Tawaran hendaklah menyer-
takan bersama salinan Sijil Perniagaan (Business Enactment Section 16
& 17) atau List of Director.



**JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN BOT
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/12/2004 (SH)

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan tarikh tutup pada hari **Isnin, 27 September 2004**.

1. Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Names Act Section 16 dan 17 atau List of Members to accompany annual return (List of person holding shares) hendaklah disertakan.
2. Penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Unit Logistik, No. Faks 2382666, Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
